

"SIFAT takwa itu, di samping menguntungkan diri sendiri, juga orang lain. Mereka yang bertakwa adalah obor kepada bangsa dan negaranya. Mereka mempunyai sikap kukuh lagi teguh, sehingga tidak dapat dibeli, walau dengan setinggi manapun harganya. Hanya yang penting bagi mereka dan menjadi pilihan satu-satunya ialah kesetiaan dan kebenaran jua." - Titah sempena Majlis Junjung Ziarah Penuntut-penuntut Brunei Darussalam di United Kingdom pada 6 Zulkaedah 1422/20 Januari 2002.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"TELAH timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia. Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat." - Surah Ar-Rum ayat 41.

TAHUN 50 BILANGAN 49

RABU 7 DISEMBER 2005/1426

رابع 5 ذوالقعدة

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Christian Bennett. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hirubalan V.P. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

JPE dan Unit Petroleum kini di bawah pentadbiran, tanggungjawab Menteri Tenaga di JPM

OLEH SAMLE HAJI JAIT
samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 November. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri (JPM), memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memindahkan kepada pentadbiran Menteri Tenaga di JPM bukanlah tindakan yang berasingan, malah ekoran lantikan Menteri Kabinet baru oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 24 Mei lalu, di mana satu portfolio Menteri Tenaga telah diadakan yang dipertanggungjawabkan untuk menangani hal-hal tenaga dan portfolio itu diletakkan di JPM.

Sementara itu, siaran akhbar JPM dipetik menjelaskan pemindahan Jabatan Perkhidmatan Elektrik kepada pentadbiran Menteri Tenaga di JPM bukanlah tindakan yang berasingan, malah ekoran lantikan Menteri Kabinet baru oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 24 Mei lalu, di mana satu portfolio Menteri Tenaga telah diadakan yang dipertanggungjawabkan untuk menangani hal-hal tenaga dan portfolio itu diletakkan di JPM.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya, Menteri Tenaga di JPM menjelaskan, peringkat awal objektif utama pemindahan itu ialah untuk mencapai penyelarasan dasar dan tindakan kerajaan mengenai tenaga yang pada masa ini dijaga oleh dua jabatan iaitu Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Unit Petroleum.

Kedua-dua jabatan itu mempunyai objektif yang berasingan

di mana Unit Petroleum sebagai 'custodian of hydrocarbon resources' mengawal penggunaan dan pengeluaran sumber-sumber alam, sementara Jabatan Perkhidmatan Elektrik merupakan agensi kerajaan untuk memberi perkhidmatan.

"Kedua agensi ini bukan saja disatukan di bawah satu bumbung tetapi perlulah juga bertindak di bawah pengawasan seorang Menteri dan di bawah satu dasar yang selaras mengambil kira keperluan negara, masa ini dan keperluan generasi-generasi yang akan datang," jelas Yang Ber-

hormat dalam satu temu bual khas.

Yang Berhormat selanjutnya menjelaskan bahawa usaha awal jabatan itu ialah untuk menyedarkan orang ramai perlunya berhemat dalam penggunaan tenaga, mengamalkan cara hidup yang menjurus kepada penggunaan tenaga yang rendah, penggunaan tenaga yang lebih efisien yang mana semua usaha-usaha ini memerlukan tindakan dari semua pihak, bukan saja daripada kerajaan bagi membincangkan dan kerjasama daripada orang ramai dan pihak swasta.



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya semasa melancarkan logo baru Jabatan Perkhidmatan Elektrik sempena majlis penyerahan jabatan berkenaan di bawah pentadbiran dan tanggungjawab Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Kebawah DYMM berkenan terima mengadap dua perwakilan asing

OLEH HAJI DAYANG HAJI KASIM
dayang.kasim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap secara berasingan dua orang perwakilan asing ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan tem-

poh perkhidmatan mereka.

Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Mula-mula Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hirubalan V.P. Tuan Yang Terutama mula berkhidmat di negara ini pada 5 Februari 2002.

Baginda kemudian berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Christian Bennett yang memulakan tugasnya di negara ini sejak 16 Februari 2004.

Hadir sama di kedua-dua Majlis Mengadap ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar.

Program Pensejajaran Dalam Perkhidmatan Awam:

Semua agensi kerajaan perlu beri perhatian serius

OLEH AZRIN MOHD. HASSAN

BERAKAS, Rabu, 30 November. - Program Pensejajaran Dalam Perkhidmatan Awam yang mula diperkenalkan dalam bulan Januari 2003 merupakan strategi pengurusan terkini yang giat dilaksanakan oleh kerajaan, bertujuan untuk membantu agensi-agensi kerajaan dalam memastikan setiap projek dan aktiviti yang dijalankan sejajar dengan hasrat, wawasan dan aspirasi negara.

Justeru itu, semua agensi kerajaan perlu memberikan perhatian yang serius dan menunjukkan komitmen yang tinggi bagi memastikan pelaksanaan program tersebut di agensi masing-masing seperti mana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena

perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Ke-57 pada 15 Julai 2003.

Semenjak program pensejajaran diperkenalkan sehingga hari ini, beberapa langkah dan usaha telah dilaksanakan termasuklah sesi permuakarahann hubungan kerjasama dan persefahaman bagi memastikan keberhasilan pencapaian matlamat dan hasrat negara dalam bidang-bidang tertentu.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agaki ketika menyempurnakan Majlis Simposium Pensejajaran Dalam Perkhidmatan Awam Ke-2 dan melancarkan DVD Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

terhadap isu-isu yang menjadi fokus atau matlamat permuakarahann, tetapi juga dari segi menggalakkan peserta permuakarahann meningkatkan hubungan kerjasama dan persefahaman bagi memastikan keberhasilan pencapaian matlamat dan hasrat negara dalam bidang-bidang tertentu.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agaki ketika menyempurnakan Majlis Simposium Pensejajaran Dalam Perkhidmatan Awam Ke-2 dan melancarkan DVD Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Lihat muka 16

AKHLAK MULIA,
KEHIDUPAN
SEMPURNA

ANTARA
YANG
MENARIK

Hasrat Negara:
Jaga disiplin, nama baik negara, patuhi undang-undang dan peraturan negara penganjur
- Muka 2

Haluan: Nilai-nilai Bekerjasama Kekuatan Kepada Perpaduan Masyarakat
- Muka 10

Sukan: Barisan Triples Lelaki Rangkul Pingat Emas
- Muka 14

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 Fokus Tiga Isu Penting
- Muka 1 ANEKA

Fokus: Gejala sosial dan kemiskinan: 'Perlu ditangani secara lebih mantap dan bersepadu'
- Muka 2 ANEKA

Irsyad Hukum: Wanita Berjemaah Dalam Sembahyang Sunat
- Muka 4 ANEKA

Apabila kita diuji Allah, berdoa dan bertaubatlah kepada-Nya
- Muka 3 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PERTUBUHAN Persidangan Negara-negara Islam (OIC) ditubuhkan pada 25 September 1969 di Rabat, Maghribi. OIC dianggotai 57 buah negara-negara Islam merupakan pertubuhan kedua terbesar selepas Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Negara Brunei Darussalam menjadi ahli ke-45 OIC pada 15 Januari 1984. Tujuan penubuhan OIC ialah bagi meningkatkan perpaduan di kalangan negara anggota, kerjasama di bidang politik, ekonomi, sosial, kebudayaan dan sains, di samping mempertahankan dignity, kemerdekaan dan hak umat Islam. - Sumber: Pelita Brunei.



7 DISEMBER 2005 BERSAMAAN 1426 5 ذوالقعدة

LANGKAH KERAJAAN MENANGANI HAL-EHWAL TENAGA

PADA 1 Disember 2005, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Unit Petroleum telah dipindah di bawah pentadbiran dan tanggungjawab Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri. Penyatuan satu bumbung itu merupakan langkah bijak yang perlu bagi memudahkan lagi strategi dan perancangan dijalankan di bawah pengawasan seorang Menteri.

Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dalam temu bual khas dengan RTB menjelaskan bahawa objektif utama pemindahan itu ialah bagi menyelaraskan dasar dan tindakan kerajaan mengenai tenaga di Negara Brunei Darussalam yang dijaga oleh kedua-dua jabatan berkenaan.

Pemindahan kedua-dua jabatan berkenaan bukanlah merupakan tindakan yang berasingan, malahan ekor pewujudan portfolio Menteri Tenaga dalam rombongan Menteri-menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam yang diumumkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei yang lalu.

Dalam rombongan itu, kita melihat portfolio Menteri Tenaga amat penting khususnya untuk menangani hal-ehwal tenaga di negara ini. Alhamdulillah, selepas hampir lapan bulan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Unit Petroleum, dua buah agensi kerajaan yang bertanggungjawab menjaga bahan tenaga diletakkan sebumbung di bawah pengawasan Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Sesungguhnya, langkah kerajaan itu amatlah bertepatan memandangkan kepentingan bahan tenaga yang penggunaannya di negara ini didapati membazir dan negara kita juga merupakan salah sebuah negara yang tertinggi dalam penggunaan tenaga elektrik tetapi dengan kadar bayaran yang paling murah.

Penggunaan tenaga elektrik pada tahun 2004 adalah sekitar 2,725.5 gigawatt hour (gwh). Dengan nisbah penduduk 350 ribu orang, setiap penduduk negara ini menggunakan 7,787 kilowatt hour (kwh). Tahap penggunaan adalah setaraf penggunaan bagi negara-negara seperti Jepun dan Republik Singapura dan melebihi penggunaan bagi Republik Korea, Hongkong, Taiwan dan lain-lain negara ASEAN.

Maka dari itu, dapat kita bayangkan, nisbah penggunaan bahan tenaga elektrik bukan sahaja tinggi tetapi berlebihan dan kadang-kadang disalahgunakan.

Perkara ini bukan andaian tetapi realiti. Penggunaan tenaga elektrik setiap hari adalah tinggi berdasarkan bil-bil tuntutan elektrik. Menurut sumber rasmi Jabatan Perkhidmatan Elektrik, jumlah tanggungan yang belum menjelaskan bayaran bil elektrik ialah B\$250 juta. Daripada jumlah, itu, sebanyak B\$150 juta oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dan selebihnya B\$100 juta lagi oleh orang ramai.

Berdasarkan jumlah tanggungan yang tinggi itu kerajaan menanggung kerugian. Maka bagi mengawal situasi penggunaan yang tinggi bahan tenaga di negara ini tidak berlarutan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam usahanya di peringkat awal ialah untuk menyedarkan orang ramai peri mustahaknya mengamalkan sikap berjimat, penggunaan yang rendah dan efisien.

Usaha ini akan dapat dicapai dengan lebih berkesan dan realistik melalui usaha berterusan orang ramai dan pihak swasta dan bukannya mengharapkan bulat-bulat kepada kerajaan semata-mata.

Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu menyambut baik langkah murni kerajaan itu yang mengambil perhatian serius terhadap keperluan tenaga dengan mengambil kira keperluan negara masa ini dan keperluan generasi-generasi yang akan datang.

HASRAT NEGARA

JAGA DISIPLIN, NAMA BAIK NEGARA, PATUHI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN NEGARA PENGANJUR

Bismillahir Rahmanir
Rahim

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULIL-LAH segala puji dan syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya jua sekali lagi kita dapat berkumpul pada pagi ini bagi Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang akan menyertai Sukan SEA Ke-23 yang akan diadakan di Filipina bermula pada 27 November hingga 5 Disember 2005.

Dalam kesempatan ini saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua atlet-atlet yang telah terpilih bagi mewakili negara ke temasya sukan dwitahunan ini. Saya mengambil maklum bahawa penyertaan para atlet ke Sukan SEA kali ini telah melalui proses penilaian dan pemilihan yang agak

ketat jika dibandingkan dengan penyertaan yang sudah-sudah. Perkara ini dilaksanakan bagi memastikan atlet yang bakal mewakili negara adalah merupakan atlet-atlet yang benar-benar layak dan mampu menunjukkan mutu pencapaian yang baik di sepanjang tempoh mereka menjalani latihan dan penyertaan di beberapa kejohanan yang disertai sebelum ini, di samping faktor seperti tahap kecergasan yang tinggi dan disiplin merupakan kriteria yang sangat penting.

Saya percaya atlet-atlet yang terpilih bagi membawa cabaran negara pada Sukan SEA kali ini benar-benar telah bersedia baik secara fizikal mahupun mental dan akan mampu meraih kejayaan yang cemerlang bagi mengharumkan nama negara.

Sukacita saya mengingatkan kepada para atlet sepanjang tempoh berada di negara Filipina supaya akan dapat menjaga di-



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sulfri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Kontinjen Negara ke Sukan SEA Ke-23, Republik Filipina pada 16 November 2005 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

siplin, menjaga nama baik negara dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan

oleh negara penganjur.

Kepada para pegawai kontinjen, pengurus-pengurus pasukan dan juga jurulatih saya berharap supaya akan dapat memberikan sokongan dan bantuan sepenuhnya kepada para atlet negara bagi memastikan para atlet akan dapat menumpukan seluruh tenaga dan konsentrasi mereka semasa bertanding.

Saya percaya sokongan yang padu yang bakal diberikan itu nanti akan dapat menaikkan keyakinan dan rasa 'BRUNEI YAKIN' di kalangan para atlet negara.

Akhirnya saya berharap penyertaan negara pada Sukan SEA kali ini akan dapat menghasilkan kejayaan yang cemerlang dengan berkat doa daripada seluruh rakyat negara ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Perutusan tahniah sempena ulang tahun Hari Keputeraan dan Hari Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand dan Perdana Menteri Thailand, TYT Thaksin Shinawatra sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Thailand. Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda seterusnya berharap semoga TYT Thaksin Shinawatra, Perdana Menteri Thailand akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Sementara itu pada 2 Disember lepas, baginda juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sheikh Khalifa bin Zayed Al-Nahayyan, Presiden Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi dan Duli Yang Maha Mulia Sheikh Maktoum bin Rashid Al-Maktoum, Timbalan Presiden dan Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Dubai sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Emiriah Arab Bersatu.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Emiriah Arab Bersatu.

Dalam perutusan itu, baginda sangat menghargai hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Emiriah Arab Bersatu. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Sementara itu dalam perutusan kepada Duli Yang Teramat Mulia Sheikh Maktoum bin Rashid Al-Maktoum, Timbalan Presiden dan Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Dubai sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Emiriah Arab Bersatu.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Emiriah Arab Bersatu.

Dalam perutusan itu, baginda sangat menghargai hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Emiriah Arab Bersatu. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

kian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Emiriah Arab Bersatu. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Pada hari yang sama, baginda juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Bounnhang Vorachith, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Laos sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

pertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda seterusnya berharap semoga TYT sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Laos akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Dalam perutusan kepada Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Bounnhang Vorachith, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Laos sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda seterusnya berharap, Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Bounnhang Vorachith akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

KE B A W A H
Duli Yang
Maha Mulia
Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah
Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah, Sultan dan
Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darus-
salam bertitah menge-
nai peluang pihak
awam untuk melabur
dalam projek-projek
dalam negeri seme-
mangnya memberi
pengharapan kepada
pihak awam di negara
ini, suatu kesempatan
yang baik untuk mem-
buat pelaburan dan
sebagai usaha proaktif
bagi mengembangkan
pasar modal negara
ini.

Rancangan kerajaan
menerbitkan Sukuk Al-
Ijarah yang dijadualkan
pada awal tahun hada-
pan, sudah setentunya
akan menjana kewan-

USAH PROAKTIF KEMBANGKAN PASARAN MODAL NEGARA

OLEH DK. HJH. SAIDAH PG. HAJI OMARALLI
saidah.omaralli@information.gov.bn

ANALISIS

gan bertujuan untuk mem-
beri peluang pelaburan
kepada pihak awam dan
mengurangkan aliran dana
keluar negara, di samping
menggalakkan pihak-pi-
hak lain supaya mener-
bitkan sukuk-sukuk Islam
mereka masing-masing,
sekali gus mengurangkan
pergantungan mereka
kepada bank-bank untuk
mendapatkan sumber dana
seperti yang lazim dila-
kukan sebelum ini.

Apabila berkurangnya
pergantungan mendapat-
kan sumber dana kepada
pihak-pihak bank sedikit
sebanyak akan mengu-
rangkan krisis kewangan
yang pernah menjerat
dunia sejagat. Itulah mat-

lamat yang hendak dituju
untuk mengukuhkan dan
memantapkan ekonomi
negara. Wawasan dan pan-
dangan ke hadapan bagin-
da untuk meningkatkan
taraf ekonomi negara ini
perlu kita dukung sepu-
nuhnya demi kemajuan
bangsa dan negara.

Tanpa adanya soko-
ngan padu daripada semua
golongan terutama pihak-
pihak korporat dan insti-
tusi-institusi kewangan
negara ini, segala usaha
tidak akan berjalan sebaik

mungkin seperti yang di-
hasratkan. Walaupun ne-
gara kita kecil dengan pen-
duduk yang tidak sampai
sejuta orang namun kita
mampu melahirkan idea
yang bernas, mempunyai
pandangan yang luas serta
mampu melahirkan sesu-
atu yang bermutu dan
diguna pakai serta dicon-
tohi oleh negara-negara
lain.

Kita merasa bangga
mempunyai seorang raja
yang memiliki karisma
dan mempunyai mental

yang tajam sehingga boleh
meletakkan negara setan-
ding dengan negara-
negara maju yang lain di
rantau ini khasnya dan
dunia amnya. Menurut
kajian pakar-pakar ke-
wangan antarabangsa
punca utama berlaku krisis
kewangan di Asia pada
tahun 1997 yang lalu ialah
ketiadaan pasaran modal
yang kukuh di rantau ini.
Dengan adanya pasaran
modal ia akan menjadi
tanda aras bagi menen-
tukan kadar kos dana yang
tepat kepada pengusaha-
pengusaha dalam sesebuah
ekonomi dari dalam dan

luar negara bagi mengang-
kat negara ini sebagai se-
buah negara yang lebih
makmur, aman dan ten-
teram.

Sukuk Al-Ijarah meru-
pakan bond Islam yang
bersandarkan urus niaga
jual beli dan sewaan har-
tanah yang bersandarkan
hukum syarak yang di-
sahkan oleh pakar-pakar
syariah dalam dan luar
negara. Ianya tidak meng-
gunakan konsep pemba-
yaran kadar faedah yang
tetap dan tidak mengan-
dungi ribak yang seme-
mangnya dilarang dalam
agama Islam. Sukuk Al-
Ijarah yang diterbitkan
oleh Negara Brunei Darus-
salam merupakan Sukuk

Al-Ijarah Jangka Pendek
di mana Negara Brunei
Darussalam adalah negara
Islam pertama menerbit-
kan sukuk jangka pendek.
Sebelum ini ada juga
negara-negara Islam yang
telah menerbitkan sukuk
mereka masing-masing
antaranya Malaysia, Bah-
rain dan Pakistan, namun
kesemua penerbitannya
adalah sukuk-sukuk jang-
ka panjang.

Dari itu untuk menca-
pai kejayaan dalam se-
suatu perkara memerlukan
kerjasama dan gabungan
semua pihak. Tanpa
adanya kerjasama segala-
nya tidak akan dapat mem-
buahkan sebarang hasil.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah semasa berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Hirubalan V. P. dan isteri. - Gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia semasa berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Australia, Tuan Yang Terutama Christian David Bennett dan isteri. - Gambar oleh Haji Ariffin Mohd.

Majlis Mengadap, Jamuan Santap Tengah Hari untuk dua orang Pesuruhjaya Tinggi

BANDAR SERI BEGA-
WAN, Rabu, 30 No-
vember. - Duli Yang
Teramat Mulia Paduka
Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah
Wal-Waqar Pengiran Muda
Mohamed Bolkiah, Men-
teri Hal Ehwal Luar Negeri
dan Perdagangan dan Yang
Teramat Mulia Pengiran
Anak Isteri Pengiran Anak

Hajah Zariah hari ini me-
ngadakan jamuan santap
tengah hari bagi dua
Pesuruhjaya Tinggi yang
akan menamatkan perkhid-
matan mereka berserta
isteri masing-masing.

Mereka terdiri daripada
Tuan Yang Terutama Hiru-
balan V. P., Pesuruhjaya
Tinggi Republik Singapura
ke Negara Brunei Da-

russalam dan Puan Ma-
norachitham Hirubalan
dan Tuan Yang Terutama
Christian David Bennett,
Pesuruhjaya Tinggi Aus-
tralia ke Negara Brunei
Darussalam dan Puan
Kathleen Anne Buckley.
Majlis berlangsung di
Balai Penghadapan, Bukit
Kayangan.

Sebelum jamuan itu,

Duli Yang Teramat Mulia
dan Yang Teramat Mulia
menerima mengadap
Tuan Yang Terutama
Christian David Bennett
dan Puan Kathleen Anne
Buckley dan Tuan Yang
Terutama Hirubalan V. P.
dan Puan Manorachitham
Hirubalan.

Tuan Yang Terutama
Hirubalan V. P. berkhid-
mat sebagai Pesuruhjaya
Tinggi Republik Singa-
pura ke Negara Brunei
Darussalam sejak bulan
Februari 2002.

Tuan Yang Terutama
Christian David Bennet
berkhidmat sebagai Pesu-
ruhjaya Tinggi Australia
ke Negara Brunei Darus-
salam sejak bulan
Februari 2004.

45 pegawai perkhidmatan awam Singapura lawat Kementerian Hal Ehwal Ugama

OLEH ABDULLAH ASGAR
abdullah.asgar@information.gov.

BERAKAS, Selasa, 29
November. - Negara ini
dengan Republik Singa-
pura terus mengukuhkan
hubungan yang terjalin
melalui pertukaran la-
watan pegawai dan pe-
gawai kanan dalam pelba-
gai bidang.

Hal ini tidak terkecuali
bagi pegawai perkhid-
matan awam antara kedua-
dua negara dalam pe-
ringkat tinggi dan seder-
hana di mana sejumlah 45
orang pegawai kanan per-
khidmatan awam dari
republik itu telah membuat
lawatan ke Kementerian
Hal Ehwal Ugama
(KHEU).

Mereka telah dialu-
alukan oleh Pegawai
Pentadbir Kanan, Awang
Kasim bin Metali sejour
ketibaan di kementerian

itu petang tadi sebelum
rombongan yang diketuai
oleh Setiausaha Awam
Bahagian Perkhidmatan
Awam, Goh Soon Poh
mendengar taklimat me-
ngenai peranan, tang-
gungjawab dan misi serta
visi kementerian berke-
naan.

Taklimat disampaikan
oleh Pegawai Perhu-
bungan Awam, KHEU,
Malai Norain Sheikh

Mohammad, di mana be-
liau telah menerangkan
dengan ringkas mengenai
peranan dan tangung-
jawab KHEU sejak men-
capai kemerdekaan pada
awal tahun 1984.

Sesi lawatan dan per-
jumpaan itu juga di-
teruskan dengan sesi soal
jawab mengenai beberapa
hal terutamanya dalam
fatwa yang bersangkutan
dengan hukum-hukum
umat Islam sejagat.

Ralat

TERDAPAT kesilapan keterangan gambar di muka 24
keluaran 30 Disember 2005 iaitu gambar bawah sebe-
lah kiri. Keterangan gambar yang betul ialah Duli Yang
Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri
Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat
Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak
Sarah semasa berkenan menerima mengadap Duta
Besar Istimewa dan Mutlak Kesatuan Myanmar, Tuan
Yang Terutama U Tin Htun dan Puan Daw Nan Phaung.
- Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji
Metassim. - Ketua Unit Produksi.

LANTIKAN, PERTUKARAN JAWATAN

JABATAN Perkhidmatan Awam, Jabatan
Perdana Menteri, sukacita memaklumkan
bahawa Awang Haji Nairul Anwar bin
Haji Abdul Lahai, Pemangku Pengarah
Dasar dan Pentadbiran, Kementerian
Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
dilantik sebagai Pemangku Pengerusi
Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan

bermula pada 21 November 2005.

Awang Haji Saji bin Haji Mudin,
Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri
Begawan ditukar ke Kementerian Per-
industrian dan Sumber-Sumber Utama
sebagai Pegawai Pentadbir Kanan bermu-
la pada 21 November 2005.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji lelaki.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji lelaki dari pelbagai peringkat umur.

MAJLIS JUNJUNG ZIARAH PARA BAKAL HAJI DI ISTANA NURUL IMAN

LIPUTAN HAJI JAAFAR HAJI IBRAHIM

jaafar.ibrahim@information.gov.bn

GAMBAR-GAMBAR OLEH PG. RAFEE PG. DATO PADUKA HAJI METASSIM DAN MASRI OSMAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Yang Teramat Mulia Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar telah berkenan menerima junjung ziarah hampir 1,000 para bakal jemaah haji

bagi musim haji tahun 2005 secara berasingan di Baitul Rahmah, Istana Nurul Iman pada 29 November lepas.

Baginda menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji lelaki dari pelbagai peringkat umur.

Sementara itu, di ruang berasingan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan

Yang Teramat Mulia Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah pula berkenan menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji perempuan.

Seperti di tahun-tahun yang sudah, para bakal

jemaah haji lelaki dikurniai kain ihram sepasang seorang, manakala para bakal jemaah haji perempuan menerima sepasang telekung setiap seorang.

Pada musim haji tahun ini, bakal jemaah haji akan diterbangkan dalam empat penerbangan. Penerbangan pertama dijangka akan berlepas pada 15 Disember depan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan YTM Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar, berkenan menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji perempuan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan YTM Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar berkenan menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji perempuan dari pelbagai peringkat umur.



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah semasa berkenan menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji perempuan.



PARA bakal jemaah haji lelaki menerima kurnia sepasang kain ihram berserta beg.

Menteri-menteri Pendidikan ASEAN berazam perluas usaha-usaha perpaduan ASEAN

OLEH AZRIN MOHD. HASSAN

BERAKAS, Isnin, 21 November. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berkata Menteri-menteri Pendidikan ASEAN berazam untuk mengembangkan dengan lebih lanjut dan memperluaskan usaha-usaha perpaduan ASEAN baik dari segi identiti, ekuiti dalam pendidikan, pembangunan sumber tenaga manusia dan menghadkan jurang digital di rantau ini.

Mesyuarat tidak rasmi Menteri-menteri Pendidikan ASEAN pada pertengahan

tahun ini tambahnya lagi, membolehkan para menteri untuk bertukar-tukar pandangan terhadap strategi bagi mengukuhkan identiti ASEAN bagi membina sumber tenaga manusia pendidikan serantau dan bagi meningkatkan lagi kerjasama usaha-usaha dan rangkaian kerja yang sedia ada.

Program Pertukaran Penuntut ASEAN merupakan satu projek di bawah naungan Ahli Jawatankuasa Pendidikan ASEAN (ASCOE) bertujuan untuk mempromosikan kesefahaman dan

kesedaran terhadap budaya ASEAN yang berbeza melalui pengalaman dalam penglibatan di kalangan penuntut sekolah menengah.

Yang Berhormat berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Pertukaran Penuntut-penuntut ASEAN Ke-6 yang berlangsung di Hotel Orchid Garden di sini.

Seramai 52 pelajar dari negara-negara ASEAN menyertai Program Pertukaran 11 hari itu yang mana melalui seminar seumpamanya, para penuntut akan mengadakan aktiviti-aktiviti dan membuat

lawatan di beberapa tempat dan bertukar-tukar pandangan serta mengongsikan kebudayaan di kalangan mereka.

Dengan bertemakan 'Membina Belia Yang Dinamik Bagi Keamanan, Kesejahteraan dan Perpaduan ASEAN', ianya diharapkan akan dapat meningkatkan perpaduan di kalangan penuntut-penuntut ASEAN.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman semasa berucap di Majlis Pertukaran Penuntut-penuntut ASEAN Ke-6. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Bangunan Institut Perubatan dan Pusat Teknologi Informasi Komunikasi UBD siap tahun 2007

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN
bakar.rahman@information.gov.bn

RIMBA, Khamis, 1 Disember. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) bakal mempunyai bangunan Institut Perubatan dan Pusat Teknologi Informasi Komunikasi yang dijangka siap pada tahun 2007.

Projek cadangan bagi bangunan Institut Perubatan yang menelan belanja sejumlah lebih \$9 juta ini memakan masa selama 18 bulan dan dijangka siap pada 27 Januari 2007.

Bangunan ini nanti akan mempunyai tiga buah blok berasingan yang menempatkan blok pentadbiran, blok makmal pakar dan lepasan graduan yang menghubungkan dengan blok perpustakaan dengan kawasan pertemuan pelajar 'sunkun courtyard' di tingkat bawah.

Reka bentuk bangunan itu mengambil kira beberapa aspek seperti lokasi bangunan yang dihubungkan dengan bangunan-bangunan sedia ada dan taman hijau, di samping memaparkan konsep moden di alaf baru.

Manakala bilik perpustakaan Institut Perubatan akan ditempatkan di tingkat dua tengah kompleks bangunan berbentuk bulat sebagai nadi bagi pusat pembelajaran dan pengetahuan kedokteran.

Sementara cadangan bangunan Teknologi Informasi Komunikasi bakal siap pada 31 Julai 2007 setelah pembinaannya bermula pada 1 Ogos lalu dengan belanja sejumlah \$17,619,404.21.

Ciri-ciri reka bentuk bangunan ini berdasarkan keadaan semula jadi tapak yang berbukit dan hutan simpan dengan mengambil kira kerosakan minima ke atas persekitaran, di samping dihasratkan menyatukan alam dengan menghadirkan pepohonan ke dalam atrium bangunan.

Bangunan ini juga dirancang sebagai penggalakan partisipasi penuntut untuk berolahraga sambil beriadah ke tempat tinggi seperti bukit dan hutan simpan dengan penyediaan jambatan

dan anak-anak tangga yang melintangi blok A dan B.

Perancangan tersebut juga dipastikan tidak mengganggu aktiviti seharian di unit-unit atau jabatan di blok-blok tersebut.

Perletakan batu asas bagi kedua-dua buah bangunan tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Majlis UBD, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman yang berlangsung di tapak cadangan bangunan-bangunan tersebut di sini.



MODEL reka bentuk bangunan Institut Perubatan dan Pusat Teknologi Informasi Komunikasi UBD. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

Jabatan Perkhidmatan Elektrik ditadbir Menteri Tenaga di JPM

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 1 Disember. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik hari ini dengan rasminya dipindahkan menjadi sebuah jabatan di bawah pentadbiran dan tanggungjawab Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Pemangku Menteri Pembangunan, Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny menyempurnakan penyerahan jabatan berkenaan kepada Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya pada Majlis Penyerahan di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan, di sini.

Sejurus selepas itu, Yang Berhormat melancarkan logo baru Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Jabatan Perkhidmatan Elektrik mula ditubuhkan pada tahun 1921 dengan nama Pejabat Letrik di bawah Jabatan Kerja Raya di mana janakuasa elektrik pertama kali telah digunakan bagi membekal tenaga elektrik ke Jabatan Wireles dan Telegraf.

Pada tahun 1934, skim pemasangan elektrik ke rumah-rumah kediaman pegawai kanan kerajaan dan kilang beras di Pekan Brunei juga dimulakan.

Setahun selepas itu, sebuah stesen janakuasa

diesel berkeupayaan 22 kilowatt dan 75 kilowatt mula beroperasi sementara pada tahun 1953, nama Pejabat Letrik ditukar kepada Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik setelah jabatan itu mula membekalkan tenaga elektrik ke seluruh Bandar Brunei.

Jabatan berkenaan terus menjana kemajuan di mana pada 1959, Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik menambah dua janakuasa diesel yang berkeupayaan membekalkan 884 kilowatt setiap satu sehingga setahun selepas itu stesen Janakuasa Gadong yang menggunakan jentera diesel mula beroperasi diikuti dengan Stesen Janakuasa Diesel Temburong yang memulakan operasi enam tahun kemudian.

Stesen janakuasa gas turbin mula beroperasi pada tahun yang sama di mana talian sistem penghantaran 66 ribu voltan dari Seria ke Bandar Seri Begawan mula beroperasi tujuh tahun kemudian.

Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik menempah nama dengan penukaran nama kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik pada tahun 1984 di bawah pentadbiran Kementerian Pembangunan dan lantikan pertama pe-

gawai tempatan mengetahui jabatan tersebut setahun selepas itu.

Sebelum berpindah di bawah pentadbiran dan tanggungjawab Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, ketika ini pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik ialah seramai 1,299 orang yang terdiri daripada 1,050 kakitangan lelaki dan 249 wanita.

Misi Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk men-

dukung pembangunan infrastruktur asas bagi meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat serta memantapkan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

Jabatan itu juga ditubuhkan dengan objektif, untuk memberi perkhidmatan dan bekalan elektrik yang mencukupi, efisien, berterusan ekonomikal dan selamat.

Selain menjana tenaga elektrik, jabatan berkenaan

juga berperanan bagi menyediakan infrastruktur bekalan elektrik kepada pengguna, mengutip hasil dari pembekalan tenaga elektrik, memberi khidmat nasihat teknikal dalam bidang elektrik, memberi pengetahuan dan pendidikan kepada pengguna mengenai penggunaan tenaga elektrik, mengawal mutu barangan dan peralatan yang dibekalkan dan digunakan oleh pemborong di samping memelihara sistem elektrik jabatan.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman semasa meletakkan batu asas bagi bangunan Institut Perubatan dan Pusat Teknologi Informasi Komunikasi UBD. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.



PEMANGKU Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny menyempurnakan penyerahan Jabatan Perkhidmatan Elektrik kepada Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan bersama rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ketika mengunjungi kediaman Pemangku Pegawai Daerah Belait.

BLNG meterai kontrak dengan syarikat tempatan

LUMUT, Khamis, 24 November. - Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) memberikan kontrak bernilai \$26 juta kepada tiga buah syarikat tempatan sebagai sebahagian daripada usaha mempromosikan perkembangan urus niaga bagi syarikat bumiputera.

Sehubungan itu BLNG menandatangani perjanjian pertamanya dengan Syarikat Kejuruteraan Sistemik Sendirian Berhad (SKS) bagi sivil, pembinaan keluli, saliran dan kerja-kerja mekanikal bagi projek janakuasa baru. SKS juga menandatangani kontrak menggantikan sis-

tem penghawa dingin di BLNG berikutan dengan langkah syarikat menghentikan penggunaan alat penyejuk hydrochloro carbon.

Kontrak perjanjian ditandatangani oleh Pengarah Urusan BLNG, Fred Smeenk dan Pengurus Umum Kanan, Haji Mat-

satejo Sokiaw sementara SKS diwakili oleh Pengarah Urusannya, Awang Omar Abdul yang diadakan di BLNG.

Penandatanganan kontrak juga diadakan di antara BLNG dan MOC Sendirian Berhad dalam bidang pengangkutan, pembersihan peralatan dan perkhidmatan penghantaran. Perjanjian kontrak ditandatangani oleh Pengarah Urusannya, Pengiran Hajah Zainab binti Pengiran Haji Hamid.

Satu lagi kontrak bagi menganalisa lumpur dari alat penapis BLNG dimekterai bersama Mashhor Waste Management Sendirian Berhad, Pengurus Am syarikat berkenaan, Awang Haji Othman bin Haji Omar mewakili syarikat berkenaan. Kesemua empat kontrak memberi nilai pelaburan ditawarkan kepada syarikat tempatan yang aktif dalam bidang masing-masing.



PENGARAH Urusan BLNG, Fred Smeenk dan Pengarah Urusan SKS menandatangani perjanjian sivil, pembinaan keluli, saliran dan kerja-kerja mekanikal bagi projek janakuasa baru.

Langkah baru atasi kegagalan

KUALA BELAIT, Sabtu, 19 November. - Seramai 155 orang pelajar Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) telah diijazahkan Diploma menerima sijil mereka di majlis konvokesyen maktab itu.

Tetamu kehormat, Jurutera Kerja Kanan, Jabatan Kerja Raya Daerah Belait, Pengiran Ali bin Pengiran Mohamad menyampaikan sijil kepada para graduan yang diadakan di Dewan Serbaguna maktab tersebut. Pemangku Pengetua MKJB, Awang Ibrahim bin Haji Abdul Rahman dalam ucapan alu-aluannya menerangkan mengenai tahap pencapaian prestasi dan hasil penilaian akademik pelajar-pelajar yang menerima sijil pada hari itu.

Menurutnya, penilaian keputusan peperiksaan yang telah dilakukan bagi peperiksaan ujian peringkat I, II dan III sebanyak 83.5 peratus lulus, manakala 10.8

peratus gagal dalam beberapa unit mata pelajaran manakala 1.7 peratus telah dihentikan. Dalam analisa tersebut mata pelajaran seperti matematik, komunikasi, bahasa, sains dan teknologi merupakan mata pelajaran yang susah untuk lulus.

Beliau menjelaskan banyak faktor yang menyumbang ke arah pencapaian akademik yang cemerlang begitu juga sebaliknya, antaranya kualiti tenaga pengajar, penekanan terhadap kepimpinan pengajaran di kalangan para tenaga pengajar, suasana tempat belajar yang kondusif, memberikan perhatian berat terhadap perkembangan dan keperluan pelajar itu sendiri serta penekanan terhadap kepentingan disiplin dan bimbingan.

Untuk itu, katanya, pihak maktab juga telah mengatur beberapa strategi dan akan terus berusaha bagi meningkatkan pencapaian

akademik para pelajar antaranya meningkatkan kualiti kemudahan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, makmal dan bengkel.

Beliau menambah pihak maktab juga pada tahun ini telah membelanjakan \$340 ribu dalam membelan alat bantu mengajar di bawah peruntukan peralatan sekolah dan sebanyak \$376 ribu bagi perbelanjaan khas, di samping membuat beberapa pembaikan dan perubahan yang perlu dan sesuai terhadap sistem peperiksaan yang berkualiti selaras dengan kehendak majlis dan penempatan industri yang bersesuaian dan kompetitif.

Di samping itu pihak maktab juga menjaga hubungan baik warga maktab dengan ibu bapa dan penjaga pelajar. Oleh itu mulai tahun ini, pihak maktab melalui jabatan peperiksaan telah mengeluarkan surat keliling bagi memaklumkan jadual waktu peperiksaan

kepada ibu bapa dan penjaga pelajar dengan hasrat sama-sama memeduli kepentingan pelajaran yang akan diduduki.

Selain itu ibu bapa juga akan dimaklumkan mengenai keputusan peperiksaan anak-anak mereka melalui rekod kemajuan pelajar.

"Semua ini dibuat dengan hasrat bagi memastikan tiga pihak, pihak maktab, ibu bapa dan pelajar sama-sama berusaha dan bekerjasama ke arah meningkatkan pencapaian akademik anak-anak mereka," jelas beliau.

Beliau juga menyatakan antara punca yang menyumbang ke arah kegagalan pelajar dalam pelajaran, sikap para pelajar itu sendiri yang kurang menumpukan banyak waktu untuk mengulang kaji mata pelajaran yang susah dengan bersistematis.

Kebanyakan mata pelajaran yang susah memerlukan perbincangan secara

Kunjungan mengeratkan silaturahmi

BERITA DAN GAMBAR-GAMBAR OLEH
DK. HAJAH SAIDAH PG. HAJI OMARALLI
saidah.omaralli@information.gov.bn

rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri membuat kunjungan berhari raya ke mukim-mukim dan kampung di daerah ini.

Rombongan Yang Berhormat juga disertai Timbalannya, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani mengunjungi kediaman

Pemangku Pegawai Daerah Belait, Haji Mohamad Haji Abdul Rahman sebelum memulakan lawatan ke mukim dan kampung di daerah ini. Antara mukim yang dilawati Mukim Kuala Belait, Seria dan Sungai Liang.

Rombongan juga termasuk Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan,

Dato Seri Setia Haji Yusof, Pegawai-pegawai Daerah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian tersebut. Semasa kunjungan berhari raya itu, Yang Berhormat berkunjung ke kediaman Penghulu dan Ketua Kampung di mukim yang dilawati. Di majlis itu juga, Yang Berhormat bertukar fikiran dan mendengar masalah yang dihadapi oleh anak buah dalam mukim dan kampung masing-masing.

Hasilkan projek dari bahan terbuang

SERIA, Rabu, 16 November. - Timbalan Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Awang Haji Zainal Abidin berkata, penggunaan tenaga di Negara Brunei Darussalam telah mencapai 2,725.5 gigawat jam pada tahun lalu setara dengan Jepun, Republik Singapura, Taiwan dan negara-negara anggota ASEAN yang lain tetapi mereka memerlukan tenaga bagi memenuhi kehendak industri.

Beliau berkata penggunaan tenaga yang amat tinggi di negara ini bukan untuk keperluan industri tetapi bagi keperluan penduduk. Berucap semasa melancar-

kan projek teknologi alam sekitar yang diadakan di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) di sini.

Sehubungan itu, beliau berpendapat perlunya masyarakat di negara ini membuka minda terhadap pentingnya mengamalkan cara hidup dengan menggunakan sumber tenaga yang rendah.

"Masyarakat kita perlu peka terhadap konsep mengurangkan penggunaan sumber tenaga," ujar beliau. Dalam pada itu beliau juga berkata melalui kepesatan teknologi di negara ini masyarakat harus mendapat peluang mengurangkan penggunaan sumber tenaga

kerana teknologi dapat membantu mengurangkan tugas dengan cepat dan tepat.

Sempena pelancaran projek tersebut sebanyak sembilan buah sekolah di daerah ini membuktikan kemahiran mereka dalam bidang kitar semula. Pertandingan dimenangi oleh Maktab Anthony Abell dalam kategori paling kreatif manakala Sekolah Rendah Chung Ching juara dalam bahagian pelajar-pelajar berumur antara lima ke 12 tahun. Setiap sekolah menunjukkan kecekapan masing-masing dalam menggunakan bahan terbuang bagi menghasilkan projek yang bermanfaat.



TIMBALAN Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Awang Haji Zainal Abidin ketika melancarkan Projek Teknologi Alam Sekitar.

berkumpulan dan belajar sambil mengajar di kalangan pelajar itu sendiri. Kaedah ini amat berkesan dan telah terbukti keberkesanannya," ujar beliau.

Menurutnya, rata-rata persiapan untuk menghadapi peperiksaan dibuat dalam jangka masa yang singkat. Oleh itu, mulai tahun depan pihak maktab akan mengadakan minggu

ulang kaji secara teratur.

Justeru itu, beliau mengingatkan setiap pelajar supaya mengambil inisiatif untuk memajukan diri mereka dan bersikap positif dan proaktif dalam menguasai kemahiran yang diajarkan untuk mencapai keyaasan yang diinginkan.

Pihak maktab akan sentiasa membantu ke arah itu dengan menekankan pen-

dekatan yang berpusatkan pembelajaran. Beliau seterusnya menekankan bahawa kegemilangan sesebuah institusi pendidikan itu bukan sahaja bergantung kepada kualiti pengajaran, dan kelulusan tinggi tenaga pengajarnya, tetapi juga sangat berkait rapat dan berseesuaian kepada kualiti, sikap dan budaya pelajar itu sendiri.



TAHNIH ... Tetamu kehormat, Jurutera Kerja Kanan, Jabatan Kerja Raya Daerah Belait, Pengiran Ali bin Pengiran Mohamad menyampaikan sijil kepada seorang graduan.

Rasulullah sanjung tinggi penyair yang berdakwah

OLEH ABDULLAH ASGAR

abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Sabtu, 26 November. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menjelaskan, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menyanjung tinggi penyair yang menggunakan bait-bait syairnya sebagai alat untuk berdakwah fisabilillah.

Penyair bukanlah golongan yang tersisih dalam barisan pejuang-pejuang Islam kerana mereka disanjung oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seperti yang terjadi di suatu peristiwa ketika Baginda mengerjakan Umrah bersama para sahabat pada tahun ketujuh Hijrah.

Peristiwa itu yang dikenali sebagai Umrah Qadza di mana Rasulullah bersama para sahabat ditegah oleh Kuffar Quraisy daripada memasuki Mekah dan mengerjakan Umrah pada tahun ke-

enam Hijrah.

Perjanjian Hudaibiyyah telah dimeterai yang mana dalam perjanjian itu Rasulullah dan para pengikutnya dibenarkan oleh Kuffar Quraisy untuk memasuki Mekah dan mengerjakan Umrah pada tahun berikutnya selama tiga hari tanpa dibenarkan membawa senjata.

"Ketika Baginda memasuki Mekah kerana menunaikan Umrah, Abdullah bin Ruwahab ditugaskan untuk memimpin tali unta kenderaan Nabi dan ketika memasuki Mekah Abdullah Ruwahab bersyair," jelasnya.

Yang Berhormat menjelaskan demikian ketika berucap di Majlis Malam Sastera Islam sempena 20 tahun Pusat Da'wah Islamiyah di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini.

Yang Berhormat seterusnya menceritakan bahawa Sayidina Omar bertanya me-

ngapa Abdullah berani mengucapkan syair di hadapan Rasulullah di Tanah Suci.

Namun, jelas Yang Berhormat, Baginda bersabda, demi Tuhan bahawa sajak-sajaknya itu lebih berbahaya bagi kaum Kuffar daripada pedang dan panah.

Ini bererti, tegas Yang Berhormat, setiap perjuangan fisabilillah, gerakan di bidang dakwah bagi meninggikan agama Allah memerlukan kemahiran masing-masing dengan keupayaan, kemahirannya dan produknya.

Dari peristiwa ini Baginda mengiktiraf dan menjunjung tinggi seorang penyair kerana mengubah dan mendeklamasikan syairnya.

Di majlis itu Yang Berhormat juga melancarkan enam buah buku terbitan Pusat Da'wah Islamiyah sempena 20 tahun penubuhannya.

Buku-buku tersebut Mengangkat Martabat Bang-

sa, Puisi Hidayat III, Koleksi Peraduan Menulis Khat ASEAN 1985-2004, Pencapai 2 Dekad Pusat Da'wah Islamiyah, Seruan Mimbar 7 dan Kepercayaan Masyarakat Cina, Iban dan Dusun Di Negara Brunei Darussalam.

Kesemua buku-buku tersebut kini dijual kepada orang ramai di kedai buku Pusat Da'wah Islamiyah.

Selain itu Yang Berhormat juga menyampaikan hadiah kepada para pemenang Peraduan Menulis Cerpen, Rencana dan Sajak Sempena Sambutan Israk dan Mikraj 2005.

Bagi Peraduan Cerpen hadiah pertama dimenangi oleh Haji Bujang Haji Matnor, sementara bahagian Rencana dimenangi oleh Haji Mohd. Arripin Haji Hidup dan bagi Sajak pula hadiah pertama dimenangi oleh Haji Mohd. Jais Mohd. Salleh.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain melancarkan enam buah buku terbitan Pusat Da'wah Islamiyah. - Gambar oleh Masri Osman.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyaksikan pameran sempena majlis berkenaan. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Mesyuarat bincang Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam sepanjang tahun

OLEH AZRIN MOHD. HASSAN

BERAKAS, Sabtu, 26 November. - Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Pertandingan Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1427 Hijrah telah berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Ugama di sini.

Hadir bagi mengpekerusi mesyuarat tersebut Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.

Juga hadir ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Setia Ustaz

Haji Awang Abdul Aziz selaku Penasihat serta Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman selaku Setiausaha.

Mesyuarat membincangkan mengenai Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara yang akan diadakan sepanjang tahun

1427 Hijrah termasuk format atur cara, tarikh, tempat bagi majlis diadakan serta acara susulan.

Di antara kertas-kertas kerja yang dibincangkan di mesyuarat tersebut ialah Majlis Sambutan Awal Tahun 1427 Hijrah, Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Sambutan Israk dan Mikraj, Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh sebahagian Setiausaha-setiausaha Tetap, Ketua Hakim Syarie dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pesuruhjaya Polis, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta Pengarah-pengarah Urusan Tabung Amanah Islam Brunei Berhad, Bank Islam Brunei Berhad dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara bersama Ahli-Ahli Mesyuarat Tertinggi. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.



PEMANGKU Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Suhaili dan wakil SNP Pan-Pac Singapura, Clarence Lim, bertukar dokumen selepas penandatanganan perjanjian. - Gambar oleh Masri Osman.

Belia perlu diasuh, didedahkan pengalaman yang positif

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN

bakar.rahman@information.gov.bn

PENANJONG, Jumaat, 25 November. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad berkata, belia merupakan golongan paling penting dan berharga dalam pembangunan negara di mana menurut perangkaan tahun 2003 sebanyak 45 peratus daripada jumlah penduduk negara ini adalah golongan belia.

Ke arah itu, mereka perlu diasuh, dipimpin dan didedahkan dengan pengalaman yang positif serta membangun kerana negara berkehendakkan tenaga pekerja dan sumber tenaga manusia yang mahir, cekap dan proaktif dalam semua bidang kehidupan termasuk bidang perusahaan dan perdagangan.

YB menyatakan perkara tersebut semasa merasmikan dan menyampaikan sijil saham Bangunan Komersil PERDA (BAKODA) disini.

YB seterusnya berkata, bagi memastikan kejayaan setiap kejayaan program yang melibatkan golongan belia perlulah dirancang dengan teliti supaya bersesuaian dengan perkembangan dunia pada masa ini dan keterlibatan mereka dalam 'community of nations'.

"Oleh itu program-program kepimpinan belia dan pembinaan diri perlu diadakan secara konsisten di peringkat persatuan daerah dan nasional sebagai asas pembinaan generasi belia yang berkualiti," saran YB.

Menyentuh mengenai bangunan komersil PERDA, YB difahamkan ia telah mengambil masa 10 tahun dalam perancangan dan menurut YB tempoh tersebut bukanlah suatu jangka masa yang pendek.

YB menjelaskan bahawa ia adalah satu contoh jelas di mana kemajuan boleh dicapai dengan berkat muafakat dan semangat ingin maju yang tinggi di kalangan ahli-ahli sesebuah persatuan belia.

YB percaya dengan muafakat dan usaha bersepadu ahli-ahli PERDA dan masyarakat Kampong Penanjong dapat dijadikan iktibar oleh persatuan-persatuan belia yang lain dalam usaha mengembangkan persatuan belia khususnya dalam bidang perniagaan dalam sama-sama menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi selaras dengan Dasar Belia Negara.

Bangunan Komersil PERDA yang baru bernilai lebih \$100 ribu terletak di atas tanah seluas 1/3 dari lekak yang dibeli pada tahun 1970 oleh 62 orang pemodal.

Manakala setiap bab buku teks ini dimulakan dengan satu petikan ayat surah Al-Quran yang berkaitan dengan matematik.

Manakala setiap bab buku teks ini dimulakan dengan satu petikan ayat surah Al-Quran yang berkaitan dengan matematik.

Kurikulum Matematik Rendah mulai Januari 2006

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN

bakar.rahman@information.gov.bn

GADONG, Isnin, 28 November. - Kementerian Pendidikan memperkenalkan kurikulum buku matematik sekolah rendah darjah 1 dan 4 bermula Januari 2006.

Kurikulum baru bagi mata pelajaran tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat di mana pada tahun 2007 akan dilartakan kepada darjah 2 dan 5 manakala tahun 2008 dilartakan kepada darjah 3 dan 6.

Sehubungan dengan itu Majlis Menandatangani Perjanjian Penerbitan secara

usaha sama telah dilakukan antara Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Suhaili dengan pengurus-pengurus pihak penerbit iaitu Puan Cheong Sang Niang dari SNP Publisher dan Clarence Lim mewakili SNP Pan-Pac Singapura.

Majlis tersebut disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Haji Sheikh Adnan di River View Hotel di sini.

Melalui pelaksanaan kurikulum matematik yang baru

ini menandakan permulaan fasa baru dalam perkembangan pendidikan matematik di negara ini, di mana pembaharuan-pembaharuan telah dilakukan pada kurikulum mata pelajaran tersebut bukan saja pada isi kandungannya tetapi juga metodologi pengajaran.

Ciri-ciri penting kurikulum tersebut ialah penekanan pengajaran pemikiran matematik dan penyelesaian masalah serta pengiraan mental di mana murid-murid akan diasuh untuk berfikir dan mena-

kul pola-pola dan situasi-situasi penyelesaian masalah matematik mulai dari darjah 1.

Buku-buku teks tersebut akan diterbitkan dalam halaman-halaman berwarna-warni, di samping lukisan kartun dan gambar berwarna digunakan untuk menarik minat murid dan merangsang murid belajar matematik.

Manakala setiap bab buku teks ini dimulakan dengan satu petikan ayat surah Al-Quran yang berkaitan dengan matematik.

Pentadbir yang baik penting bagi negara dan ASEAN dalam usaha pelbagaikan ekonomi

OLEH SAMLE HAJI JAIT
samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Isnin, 28 November. - Simposium Serantau ASEAN-EC 2005 - Kemajuan Pentadbiran Yang Baik dengan tema 'Ke arah Menekankan Kemakmuran dan Kestabilan ASEAN' banyak memberi input yang berguna kepada peserta, di samping mengali lebih banyak pengalaman dan pengetahuan dari pembentang kertas kerja dan para peserta.

Timbalan Menteri Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah ketika merasmikan simposium itu antara lain menekankan langkah untuk menghasilkan 'pentadbir yang baik' adalah sangat penting kepada negara dan ASEAN ketika negara berusaha mempercepat dan mempelbagai ekonomi.

Katanya, usaha untuk mentadbir dengan berkesan bukan baru, malah lebih difokuskan kepada bagaimana kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan bersempadan dan berhubung dengan rakyat dalam mengambil keputusan dan melaksanakan ketika dunia yang serba mencabar dan semakin kompleks.

Sehubungan dengan itu, katanya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah dengan penubuhan semula Majlis Perundangan pada September lalu seperti yang



TIMBALAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah.

dititahkan sempena sambutan Hari Keputeraan baginda ke-58 tahun, di mana baginda bertitah memberi keutamaan dalam meningkatkan peluang kepada orang ramai menyumbangkan 'input' ke arah menjurus pembangunan negara.

"Titah baginda itu merupakan langkah penting ke arah haluan yang betul yang berhasrat untuk menyediakan konsultasi bagi rakyat mengambil bahagian dalam pembangunan negara," jelasnya.

Sebanyak enam kertas kerja yang bersangkutan bidang tema simposium disampaikan oleh penceramah tempatan dan antarabangsa termasuk Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Ong Keng yang menyampaikan kertas kerja 'The Roles of Good Governance In ASEAN'.

Juga menyampaikan ucapama ialah Ketua Pegawai Eksekutif Bagi Strategi Asian dan Ke-

pimpinan Malaysia, Dato Dr. Michel Yeoh dengan tajuk 'Rakankongsi Pribet Awam - Pengalaman Malaysia' sementara Pengarah Institut Pengajian bagi Selatan Timur Asia, K Kesavapany pula membentangkan kertas kerja bertajuk 'Kemajuan Ekonomi dan Pentadbiran di Singapura'.

Kertas kerja 'Amalan Pentadbir Korporat di Brunei - Pengalaman BSP' disampaikan oleh Timbalan Pengarah Urusan BSP, Haji Zainal Abidin sementara dua lagi kertas kerja masing-masing telah disampaikan oleh Dr. Sukonom Soebekti, Pengerusi Lembaga Pengurusan Institut Indonesia bagi 'Corporate Directorship' dan Pengarah Pelajar RIPA International United Kingdom, Dr. Denis Osborne menyampaikan ucapama bertajuk 'The New Public Management in Europe - Experience In The United Kingdom'.

Simposium anjuran Pusat Serantau ASEAN-EC merupakan aktiviti utama dalam kalender pusat berkenaan bagi tahun 2005 yang disertai oleh ketua-ketua jabatan kerajaan dan ketua pegawai eksekutif, pegawai kanan di sektor pribet dan awam, para akademik, di samping penasihat undang-undang dan badan-badan profesional tempatan dan antarabangsa.

Simposium juga menyediakan peluang kepada penceramah dan peserta berbincang dengan terbuka mengenai isu-isu pentadbiran, cabaran-cabaran dan pengalaman terutama dalam mengaplikasikan 'pentadbiran yang baik' dan semangat ASEAN.

Simposium berkenaan juga memfokus perhatian para peserta bagaimana 'pentadbiran yang baik' itu boleh maju dan menyumbang kepada mengekalkan kemakmuran dan kestabilan kepada ASEAN.

Di antara isu yang menjadi perbincangan ialah bagaimana cara kerajaan, organisasi bukan kerajaan dan masyarakat peniaga boleh bekerjasama untuk meningkatkan ketelusan, efisien dan ekuiti dalam dasar penggubal polisi awam, di samping bagaimana peniaga tempatan, perbadanan multi kebangsaan dan kerajaan boleh bekerja sama bagi inisiatif, meningkat dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi bagi melindungi faedah awam.

Cara-cara di mana pemimpin perkhidmatan awam boleh membina etika, bertanggungjawab dan responsif perkhidmatan awam dan menggunakannya untuk membawa beberapa kumpulan dalam masyarakat berkongsi perhatian bagi objektif umum juga dibincangkan.

Objektif simposium antara lain juga untuk berkongsi pengalaman dan mempelajari dari negara peserta mengenai aplikasi pentadbiran yang baik, di samping berbincang peluang-peluang dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam mempromosi amalan mengenai pentadbiran yang baik, di samping untuk menyediakan arena bagi merumuskan program-program yang akan memfokus bagi mempromosi kepentingan amalan bagi pentadbiran yang baik dalam ASEAN.



PARA peserta Simposium Serantau ASEAN-EC 2005. - Gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor.

Ekspo Sukan Maraton Brunei Pertama : Tingkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan kesihatan

OLEH SUKRI HIDAYAT HAJI ABU BAKAR

BERAKAS, Khamis, 1 Disember. - Seramai lebih 50 orang pegawai-pegawai kerajaan dan penganjur Maraton Brunei Pertama (1st Brunei Marathon) menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Ekspo Sukan Maraton Brunei Pertama hari ini yang berlangsung di Stadium Terutup Hassanal Bolkiah.

Majlis tersebut bertujuan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan kesihatan diri, di samping mengeratkan hubungan

baik persatuan-persatuan sukan dan penggemar sukan dari seluruh daerah di Negara Brunei Darussalam.

Lebih 2,000 peserta akan menyertai larian maraton tersebut yang mana 700 peserta antaranya adalah wakil daripada Bank Standard Chartered dengan tujuan mengutip dan meningkatkan tabung bagi membantu orang-orang cacat penglihatan.

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kebu-

dayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar.


Majlis tersebut dikenalalakan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan majlis terunggul sukan maraton yang pertama kali di Negara Brunei Darussalam.

Ekspo Sukan Maraton Brunei Pertama 2005 dibuka setiap hari bermula hari ini sehingga 8 Disember pada jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub semasa merasmikan Ekspo Sukan Maraton Brunei Pertama. - Gambar oleh Masri Osman.

LALUAN MARATON BRUNEI PERTAMA



Peka, responsif tunjang kecemerlangan

KUALA BELAIT, Ahad, 27 November. - Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada semua rakyat dan penduduk Daerah Belait yang telah memberikan kerjasama dan sokongan padu kepadanya sepanjang berkhidmat sebagai Pegawai Daerah Belait.

Dato Paduka seterusnya mengongsikan pengalamannya semasa bertugas di daerah ini selaku Pegawai Daerah yang dianggap sebagai 'tuan besar' yang boleh memutuskan dan membenarkan apa jua permintaan dan permohonan serta ada kalanya sebagai pekerja sosial, pegawai penyiasat bantuan kebajikan dan sebagainya yang sememangnya tidak ada kaitan dengan tugas Jabatan Daerah.

Namun begitu, tambah Dato Paduka, sebagai 'indung' kepada daerah harus

BERITA DAN GAMBAR-GAMBAR OLEH DK. HAJAH SAIDAH PHOA

saidah.omaralli@information.gov.bn

peka dan responsif ke atas perkara-perkara yang dihadapi dan sedaya upaya melayan mereka dengan penuh keterbukaan fikiran dan menjadi pendengar yang baik kepada masyarakat yang dipimpin.

"Jika ini menjadi amalan kita nescaya martabat sebagai penjawat jawatan dalam perkhidmatan awam akan cemerlang," kata Dato Paduka di Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bagi Daerah Belait dan penghargaan dan mengenang jasa serta khidmat Dato Paduka yang diadakan di Kompleks Sukan Mumong di sini.

Dato Paduka juga mengingatkan pesannya kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Belait agar sedaya upaya mempercepatkan apa jua kerja atau bantuan yang dipohonkan 'apa untung me-

lambatkan sesuatu permohonan dan apa rugi kita mempercepatkannya'.

Dato Paduka bertugas sebagai Pegawai Daerah Belait selama lebih setahun bermula pada 5 April lalu bagi menggantikan Dato Paduka Haji Adnan yang telah ditukar sebagai Pegawai Daerah Brunei dan Muara sehingga 24 Ogos lalu setelah memulakan cuti sebelum bersara pada hari berikutnya.

Di majlis itu, Dato Paduka telah menerima cenderahati daripada Jabatan Daerah, mukim dan kampung serta persatuan dan pertubuhan di daerah ini. Majlis diserikan dengan persembahan nyanyian, tarian, syair dan puisi.

Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohamad bin Haji Abdul Rahman dalam ucapannya

berkata, bagi melaksanakan agenda pembangunan negara kumpulan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta syarikat swasta merupakan komponen penting dalam struktur kepimpinan ejen pembangunan sebuah masyarakat.

Sebagai salah satu ejen pembangunan yang terdekat dengan masyarakat, beliau berharap pihak swasta akan lebih banyak terlibat dengan pembangunan masyarakat sebagai menunaikan tanggungjawab sosial.

Majlis yang julung kali diadakan dihadiri oleh pegawai dan kakitangan kerajaan, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, persatuan belia dan wanita, NGO, maktab dan sekolah serta pihak swasta yang bertujuan bagi mengerat dan menyatupadukan masyarakat di daerah ini.



JASAMU DIKENANG ... Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar menerima cenderahati sebagai tanda kenangan.

Hari Konvokesyen peluang untuk berinteraksi

KUALA BELAIT, Selasa, 29 November. - Isteri Pemangku Pegawai Daerah Belait, Hajah Suryana binti Haji Ahmad berharap murid-murid Sekolah Kindy Care rajin ke sekolah dan belajar bersungguh-sungguh supaya di hari kemudian akan menjadi orang yang berjaya dan mengharumkan nama ibu bapa, bangsa, agama dan negara.

Berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Konvokesyen sekolah itu, beliau selanjutnya berkata, majlis seumpama itu akan menjadi kesempatan yang berharga untuk berinteraksi dan bertukar-tukar fikiran dengan pihak pengurusan sekolah serta tenaga pengajar bagi membincangkan perkembangan dan kemajuan serta memberikan sokongan moral kepada anak-anak mereka.

Beliau percaya kewujudan sekolah itu sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan kepada perkembangan pendidikan di negara ini umumnya dan prasarana pra sekolah khususnya.

Selain itu sekolah tersebut juga akan dapat



ISTERI Pemangku Pegawai Daerah Belait, Hajah Suryana binti Haji Ahmad ketika menyampaikan ucapan di Majlis Konvokesyen Sekolah Kindy Care.

memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat khususnya kepada ibu bapa yang bekerja bagi memban-tu mereka menjaga dan memberikan ilmu pembelajaran kepada anak-anak mereka yang masih di peringkat awal, ujarnya.

Sehubungan itu, beliau berharap pihak sekolah akan dapat meningkatkan usaha dari masa ke semasa untuk meletakkan sekolah berkenaan ke dalam land-

skap sekolah yang dicontohi kerana pencapaian murid-muridnya yang cemerlang di dalam pelbagai aspek.

Majlis diserikan dengan persembahan nyanyian dan tarian daripada murid-murid sekolah itu. Sekolah tersebut kini mempunyai keramaian murid lebih daripada 80 orang yang belajar dari taman asuhan hingga darjah tiga.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar ketika menghadiri majlis berkenaan.

Anak yatim diraikan dalam majlis khusus

KUALA BELAIT, Jumaat, 25 November. - Mereka yang kurang bernasib baik terutama anak-anak yatim di negara ini tidak pernah diabaikan, malah sentiasa diberikan bantuan bagi meringankan beban mereka.

Salah satu projek tahunan Lembaga Tabung Derma Anak-anak Yatim Daerah Belait bagi meng-gembirakan hati anak-anak yatim menyambut Hari

Raya Aidilfitri walaupun tanpa ibu bapa mereka dengan menganjurkan sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi mereka.

Selain itu di bulan Ramadan pula mereka menerima sumbangan derma dari pelbagai pihak di daerah ini yang disampaikan melalui Jawatankuasa Lembaga Tabung Derma Anak-anak Yatim daerah ini.

Sehubungan itu, Pegawai Pentadbir Jabatan Daerah Belait, Haji Muhammad Ibrahim bin Haji Jumaat berharap supaya derma tersebut akan dimanfaatkan dengan sebaiknya. Beliau berucap demikian di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi anak-anak yatim daerah ini yang diadakan di Kompleks Sukan Mumong di sini. Seramai lebih 300

orang anak yatim berdaftar melalui Lembaga Tabung Anak-anak Yatim Daerah Belait.

Beliau selaku pengerasi majlis juga mengingatkan mereka supaya tidak akan patah semangat dalam mengharungi kehidupan seharian dan berusaha dengan gigih dalam mengejar ilmu pengetahuan kerana hidup tanpa ilmu umpama berjalan di dalam bilik yang gelap-gelita.

"Janganlah ketiadaan orang yang tersayang akan menyebabkan adik-adik terjerumus dalam kegiatan yang tidak sihat dan tidak bermoral, sebaliknya buktikanlah bahawa tanpa ibu bapa, adik-adik boleh berjaya dengan cemerlang seperti anak-anak lain dan menjadi insan yang berguna di masa akan datang," nasihatnya.

Hadir selaku Tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman dan isteri. Majlis diserikan dengan persembahan nyanyian, tarian, uji bakat dan cabutan nombor bertuah.



ANAK-ANAK yatim Daerah Belait diraikan dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Lembaga Tabung Anak-anak Yatim Daerah Belait.



MURID-MURID dan tenaga pengajar sekolah berkenaan menyampaikan lagu Selamat Hari Raya.

HALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat, Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia rahmat taufik dan hidayah serta izin-Nya jua kita dapat berkumpul beramai-ramai di majlis yang berkebahjikan pada hari yang sangat mulia ini iaitu hari Jumaat, penghulu segala hari dan bersejarah ini iaitu Majlis Perasmian Projek Menjejak Kampung bagi Mukim Kilanas.

Terlebih dahulu peramba/saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Radio Televisyen Brunei, Majlis Perundingan Mukim Kilanas dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa Projek Menjejak Kampung atas ingatan baik mengundang peramba/saya sebagai tetamu kehormat untuk sama-sama hadir menyeronokkan majlis perasmian pada pagi ini.

Sempena majlis pada pagi ini, peramba/saya dengan hati yang tulus ikhlas sukacita merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak pengajar dan pengendali yang menjayakan Projek Menjejak Kampung bagi Mukim Kilanas ini.

Projek ini secara tidak langsung akan menjadi bukti dan ristaan jalinan kerjasama di antara berbagai pihak yang mana merupakan suatu ikatan jaringan yang sihat dan baik yang perlu diteruskan dan juga dilaratkan kepada mukim-mukim lain di seluruh negara.

Peramba/saya berharap dengan adanya projek seperti ini akan dapat dijadikan sebagai suatu platform dan saluran bagi mendedahkan kegiatan-kegiatan anak-anak buah kampung yang mana

melibatkan setiap golongan masyarakat yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja, belia dan juga orang yang lebih dewasa.

Kerjasama dalam bentuk sumbangan tenaga, pemikiran, kemahiran dan kebolehan melalui penyelenggaraan projek ini dapat diwujudkan dengan adanya penyertaan, pengendalian sambutan dan sokongan semua pihak berkecuali.

Nilai-nilai yang diwujudkan melalui kerjasama permuafakatan, tolong-menolong dan bekerja secara berkumpulan, daripada semua peringkat dalam sama-sama melaksanakan projek seperti ini membina suatu tenaga kekuatan yang boleh membawa kepada perpaduan masyarakat yang kukuh seperti kata pepatah 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'.

Nilai-nilai murni seperti yang disebutkan tadi tidak syak lagi sememangnya adalah budaya warisan nenek moyang kita yang dikenali dengan konsep memucung-mucang. Nilai ini akan dijadikan sebagai titipan bertekad amanah untuk dituai, dijaga dan dijadikan budaya hidup oleh generasi kita terutama sekali kaum belia bagi survival bangsa secara berterusan.



UCAPAN Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim, selaku tetamu kehormat, Perasmian Projek 'Menjejak Kampung' Mukim Kilanas, di Padang Sekolah Rendah Bendahara Sakam, Bunut, Jalan Tutong, Mukim Kilanas, pada hari Jumaat, 23 September 2005.

terusan.

Di samping itu, agama Islam juga menggalakkan supaya kita bersatu padu bantu-membantu dalam perkara-perkara yang berkebahjikan kerana ianya merupakan amal salih yang diberi ganjaran baik oleh Allah Subhanahu Wataala dan dalam masa yang sama juga agama melarang perkara-perkara yang boleh membawa kepada permusuhan, pergaduhan dan perpecahan di kalangan masyarakat.

Projek seperti ini juga dapat dijadikan sebagai suatu proses pembudayaan atau sosialisasi dalam mana proses pendidikan, bimbingan dan pengalaman diperolehi oleh golongan belia mengenai tatacara bagaimana mengendalikan program seperti ini.

Ini adalah perlu bagi kesinambungan di mana generasi muda akan dapat mengambil alih dalam menyelenggarakan projek seumpama ini pada masa akan datang.

NILAI-NILAI BEKERJASAMA KEKUATAN KEPADA PERPADUAN MASYARAKAT

Dengan yang demikian, para belia akan dapat merancang bagi penggunaan masa yang lebih baik dan berfaedah daripada disiasikan begitu sahaja kepada perkara-perkara yang negatif dengan terlibat melakukan gejala-gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, mencuri, memogut harta benda awam dan sebagainya.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan perlu dihayati, digunakan dan dimanfaatkan bagi aktiviti-aktiviti yang sihat dengan sebaik-baiknya supaya ianya dapat digunakan secara berterusan.

Aktiviti-aktiviti dan kegiatan-kegiatan yang sihat dan yang berkebahjikan ini adalah perlu untuk pembangunan hidup bermasyarakat demi mendukung hasrat kerajaan dan negara untuk mewujudkan suasana negara yang aman damai, harmoni, makmur, selamat dan sejahtera daripada ancaman-ancaman terhadap keselamatan rakyat dan negara.

Peramba/saya juga yakin bahawa Projek Menjejak Kampung ini akan dapat mendedahkan lagi maklumat-maklumat mengenai dengan kampung ini dan masyarakatnya melalui media-media masa seperti televisyen, radio, akhbar-akhbar tempatan kepada masyarakat di kampung-kampung dan mukim-mukim lain di seluruh negara ini di mana pendedahan maklumat ini akan dapat memberi inspirasi dan men-

dorong serta merangsang masyarakat di luar kampung ini untuk mengambil faedah dan mencontohi kegiatan-kegiatan yang berkebahjikan dan kemajuan bersama.

Rakyat dan penduduk negara ini perlu bersama-sama dengan pihak kerajaan dalam membangun negara yang sama-sama kita cintai ini.

Tegasnya setiap rakyat dan penduduk perlu ada peranan masing-masing dalam memberikan apa jua bentuk sumbangan bagi membangun dan memajukan negara ini baik secara perseorangan mahupun kumpulan sebagai komplen kepada usaha yang dibuat oleh kerajaan.

Contohnya peranan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Peramba/saya berharap agar projek-projek seperti ini akan dapat mengaktifkan dan menghidupkan kembali Majlis-majlis Perundingan supaya bergerak dengan mengadakan rancangan dan membuat kegiatan bagi kepentingan masyarakat mukim dan kampung masing-masing.

Ini adalah suatu cabaran kepada majlis-majlis perundingan. Sebagai suatu insentif/ dorongan bagi meringankan beban kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ada mempunyai peruntukan bagi membantu rancangan kegiatan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kam-

pung. Apa yang diperlukan ialah majlis-majlis perundingan hendaklah menyediakan dan menghidupkan kertas kerja projek yang konkrit melalui Pegawai Daerah masing-masing untuk dipertimbangkan.

Sebelum peramba/saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi peramba/saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat menjayakan Projek Menjejak Kampung bagi Mukim Kilanas.

Apa yang diharapkan agar usaha-usaha seumpama ini akan terus disuburkan dan dipertingkatkan secara berterusan ke tahap yang lebih tinggi di masa-masa yang akan datang.

Peramba/saya juga percaya bahawa pihak penganjur ada mempunyai rancangan-rancangan yang serupa ini di kampung-kampung, mukim-mukim dan daerah-daerah lain mengikut giliran masing-masing di masa hadapan.

Dengan mendahulukan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam maka saya dengan amat sukacita merasmikan Projek Menjejak Kampung bagi Mukim Kilanas ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga Pengerusi IBB dan kumpulan syarikatnya dan Takaful IBB Berhad ketika menyerahkan sumbangan derma kepada Presiden Persatuan Kebangsaan Orang-orang Cacat Penglihatan Negara Brunei Darussalam, Awang Mohd. Jamary bin Abdullah.

IBB sambut Aidilfitri bersama pelanggan

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL
aliddin.moktal@information.gov.bn

BERAKAS, Jumaat, 11 November. - Bank Islam Brunei Berhad (IBB) hari ini mengadakan Majlis Resepsi Hari Raya Bersama Pelanggan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Majlis yang diadakan itu adalah sebagai tanda penghormatan IBB kepada pelanggan-pelanggannya yang selama ini terus memberi sokongan berterusan terhadap bank berkecuali, di samping untuk memeriahkan lagi suasana Hari Raya Aidilfitri di kalangan para pelanggan dan pegawai serta kakitangan IBB.

Selain itu ianya juga bertujuan menjalin dan mengukuhkan lagi ikatan silaturahim di antara para pelang-

gan dan pegawai serta kakitangan bank, sekali gus membantu bank untuk mencapai hasratnya dalam meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan dengan lebih baik selaras dengan ekspektasi para pelanggan.

Kira-kira 2,000 orang terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah Badan Penasihat Syariah, pemegang saham, para pendeposit, pelanggan individu, institusi korporat, pegawai dan kakitangan IBB dan kumpulan syarikatnya hadir di Majlis Resepsi Hari Raya IBB Bersama Pelanggan.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan berjumlah \$3,000.00 kepada Persatuan Kebangsaan

an Orang-orang Cacat Penglihatan Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar yang juga Pengerusi IBB dan kumpulan syarikatnya dan Takaful IBB Berhad kepada Presiden Persatuan Kebangsaan Orang-orang Cacat Penglihatan Negara Brunei Darussalam, Awang Mohd. Jamary bin Abdullah.

Majlis Resepsi turut dimeriahkan dengan program persembahan dari Persatuan Kebangsaan Orang-orang Cacat Penglihatan sambil para pelanggan menikmati jamuan yang dihidangkan serta cabutan bertuah.

Tingkatkan tahap perkhidmatan untuk penuhi kehendak pelanggan

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN
bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, Ahad, 27 November. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar berkata, kementerian ini tidak harus berpuas hati dengan tahap pencapaian perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai pada masa ini.

Kerana itu, YB menekankan kepada pegawai dan kakitangan kementeriannya sentiasa berusaha membuat langkah pembaikan dari segi proses, prosedur dan pengendalian penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi ekspektasi dan kehendak pelanggan masing-masing.

YB menyarankan, ketua jabatan dan pegawai kanan hendaklah sama-sama berusaha mewujudkan budaya kerja cemerlang seperti semangat kerja berpasukan, permutakarahan dan sifat keterbukaan.

Menurut YB, semangat kerja berpasukan adalah teras kepada kestabilan organisasi di setiap jabatan manakala sifat keterbukaan pula penting bagi mewujudkan suasana kondusif yang dapat menggalakkan pegawai dan kakitangan memberikan pandangan dan sumbangan.

YB menyatakan perkara tersebut di Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang diadakan di Dewan Amar Pahlawan di sini.

YB berkata, kementerian-

nya telah menyediakan strategi-strategi jangka sederhana dan panjang ke arah pencapaian misi kementerian berkenaan dalam menghubungkan negara ini dengan komuniti global dalam era informasi.

YB menambah, kita bukan sahaja memerlukan perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan yang selamat dan terjamin, efisien dan bersepadu tetapi juga perlu membantu iklim yang kompetitif dan kondusif bagi pertumbuhan industri dan mengemban serta mempromosikan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan-jabatan di bawah kementeriannya.

"Strategi-strategi yang digubal tidak akan mudah dicapai tanpa adanya komitmen, kerjasama, sumbangan serta sokongan padu dari semua pegawai dan kakitangan, sama ada di peringkat kementerian mahupun jabatan-jabatan di bawahnya," jelas YB.

Dalam membantu pencapaian misi berkenaan ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan hendaklah memastikan kelancaran projek yang dilaksanakan menurut masa yang ditetapkan dengan memantau kemajuan projek tersebut dari masa ke semasa dan mengambil langkah-langkah penyelesaian terhadap sebarang masalah yang timbul tanpa lengah.

Sasaran jangka sederhana apatah lagi jangka panjang tidak akan dapat dicapai sekiranya pelaksanaan projek dibiarkan terjejas dan tahap perkhidmatan dan kemampuan tidak dapat dipertingkatkan.

Majlis itu turut diselenggarakan dengan penyampaian sijil dan cenderamata kepada pegawai dan kakitangan yang bersara.

Antara tujuan majlis tersebut diadakan untuk beramah mesra, bermaaf-maafan dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai serta kakitangan di bawahnya.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menyampaikan sijil dan cenderamata kepada seorang pegawai yang bersara. - Gambar oleh Masri Osman.

SUKAN

20 pemain tempatan, 4 pemain import sarung jersi Brunei DPMM FC

LIPUTAN DAN GAMBAR OLEH SAMLE HAJI JAIT
samle.jait@information.gov.bn

GADONG, Jumaat, 2 Disember. - 20 pemain tempatan, empat pemain import termasuk seorang pemain Sabah dipilih untuk menyarungi jersi Brunei DPMM FC yang akan bersaing dalam Liga Premier I Liga Malaysia musim 2005/2006.

Majlis menandatangani kontrak pemain dan ketua jurulatih bersama pasukan Brunei DPMM FC telah disaksikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim, Naib Pengerusi DPMM FC, di sebuah hotel di sini.

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain, Presiden Persatuan Bolasepak Brunei Darussalam juga hadir pada majlis berkenaan.

Selepas semua pemain yang dipilih menandatangani, dokumen penandatanganan kontrak pemain berkenaan diserahkan oleh Pengerusi DPMM FC, Haji Eday Shardi kepada Naib Presiden IV selaku Pengerusi Jawatankuasa Pasukan Kebangsaan, Pengiran Haji Mohd. Yussof.

Tahun ini, penyertaan Brunei dalam kaneh Liga Malaysia telah menempah satu sejarah dan mencatatkan satu petanda positif kepada DPMM FC yang diberi kepercayaan untuk memberi persaingan dalam Liga M bagi musim 2005/2006.

DPMM FC merupakan juara berganda bagi Liga Kebangsaan telah mengadakan latihan rapi sebagai persiapan penyertaan mereka dalam kaneh Liga M.

Sebelum ini, pasukan itu telah berkunjung ke Sabah bagi perlawanan persahabatan, di samping

menyertai perlawanan empat penjuru di Sarawak.

Brunei DPMM FC telah menyenaraikan penyerang import dari Brazil, Rodrigo Antonio Lombardo Tosi dan dua lagi pemain kelahiran Croatia, Goran Vujanovic dan Gene Komar manakala seorang pemain dari Sabah, Joheny Mansulok juga berjaya memikat pengurus DPMM FC.

Di antara pemain kebangsaan tahun lepas yang juga bersama skuad ialah Mohd. Saiful Anee, Mohd. Saiful Rizan, Fadlin Gelawat, Haji Muhd. Subhi Abdullah, Rosmin Haji Kamis dan Wardun Haji Yusof.

Pengurusnya, Pengiran Waslimin yakin anak buahnya akan dapat melakukan persembahan yang terbaik untuk pasukan dalam usaha meningkatkan kelab berkenaan pada Liga Premier, Liga Malaysia sekali gus membantu mengangkat imej bola sepak tempatan.

Beliau juga melahirkan harapan agar penyokong tempatan terus hadir memberi sokongan padu kepada pasukan Brunei DPMM FC dalam usaha sama-sama mengembalikan imej baik arena bola sepak negara.

"Kehadiran penyokong setiap pasukan berakси di gelanggang sendiri merupakan satu tiupan



PENGURUS DPMM FC, Haji Eday Shardi menyerahkan dokumen penandatanganan kontrak pemain Brunei DPMM FC kepada Naib Presiden IV selaku Pengerusi Jawatankuasa Pasukan Kebangsaan, Pengiran Haji Mohd. Yussof sambil disaksikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim, Naib Pengerusi DPMM FC.



PEMAIN import Brunei DPMM FC, Goran Vujanovic, Rene Komar, Rodrigo Antonio Lombardo Tosi dan pemain Sabah, Joheny Mansulok.

semangat kepada pemain itu sendiri, sekali gus akan memberi perangsang kepada mereka untuk menampilkan aksi yang baik dan mengangkat nama Brunei," jelas Pengiran Waslimin kepada wakil PELITA BRUNEI.

KEPUTUSAN PERLAWANAN PERDANA II LIGA KEBANGSAAN 4 DISEMBER 2005

MARCH UNITED - 2 BRUNEI SHELL FT - 1
KOTA RANGER FC - 3 LUN BAWANG - 0
IB PANDAN - 3 SENGKURONG FC - 5
IBM BOKOK - 2 MUARA VELLA FC - 6



SUDAH BERSEDIA... Haji Subhi dan Fadlin Gelawat ketika menandatangani dokumen perjanjian bersama pasukan Brunei DPMM FC.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bersama anakanda-anakanda Yang Amat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widadul Bolkiah berkenan berangkat menyaksikan perlawanan itu. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

SENARAI PEMAIN SKUAD BRUNEI DPMM FC LIGA PREMIER I MUSIM 2005/2006

PENGIRAN Haji Hamzah bin Pengiran Haji Abdul Rahman; Ak Shahrudin bin Pengiran Haji Md. Tejuddin; Afendi Akop; Alizanda Sitom; Fadlin Gelawat; Haji Muhd. Subhi Abdillah Haji Bakir; Haji Shariful Rizal Haji Zainal; Mohd. Faizul Ambutang; Mohammad

Helme Panjang; Mohamad Saiful Aznee Zaini; Mohammad Sharin Zaini; Haji Khairul Anwar bin Haji Md. Yaakub; Mohd. Wardun Yussof; Radiman Abdul Rahman; Rosmini Haji Abdul Kahar; Sairol Haji Sahri; Rosmin Haji Mohd; Mohammad Saiful Rizal; Awang; Shahrul

Rizal Haji Abdul Rahman; Yusof Mohd. Salleh; Awang Joheny Mansulok; Rene Komar; Goran Vujanovic dan Rodrigo Lombardo Antonio Tosi.

Pengurus Brunei DPMM FC, Pengiran Waslimin dan Ketua Jurulatih Brunei DPMM FC, Rangko Buketa.

DPMM FC, Terengganu terikat 1 - 1

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN
bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, Ahad, 4 Disember. - Langkah awal pertemuan DPMM FC dalam tirai kaneh Liga Perdana I Malaysia menentang Terengganu merupakan sukat-sukat awal dalam mengharungi cabaran di perlawanan pembukaan setelah terikat 1-1 di Stadium Negara Hassan Bolkiah di sini.

Perlawanan pembukaan yang mula mendapat sokongan para penggemar bola sepak di negara ini sekali menggamatkan keadaan di stadium negara dengan tepuk sorak penonton yang setelah sekian lama sepi.

Sekalipun merupakan pengalaman pertama, DPMM FC mampu memberi saingan dalam kaneh Liga Perdana Malaysia dengan mempamerkan permainan yang menarik malah mampu menguasai dan mengimbangi perlawanan malam itu.

Dengan menggandingkan pemain lama Fadlin Gelawat dengan pemain import Rodrigo Antonio Lombardo Tosi di bahagian serangan sekali mampu melepaskan pasukan pelawat dengan serangan yang tidak terduga sambil dikuatkan dengan hiran bola dari bahagian tengah.

Serangan pantas yang diciptakan Sharlei Lins Mi-

randa sememangnya menjadi penggerak utama pasukan Terengganu dicetuskan di minit ke-33 separuh masa pertama berjaya mengoyakkan pertahanan DPMM FC dan hampir saja memisahkan kedudukan, namun rembatan Md. Nor Farhan dapat ditampun oleh Hj. Md. Subhi setelah jangkauan Md. Wardun tersasar.

Peluang terbaik DPMM FC terhidang lima minit sebelum babak pertama berakhir setelah cubaan Rodrigo Antonio Lombardo Tosi yang sentiasa dibayangi dua pemain pertahanan berjaya meloloskan diri dengan cubaan kencang di luar petak D yang berjaya ditepis Md. Syamsuri.

Hantaran yang dilakukan Rosmin kepada Rodrigo Antonio Lombardo Tosi di minit 59 yang sering kali dianggap sebagai tendangan penyudah mengelirukan tunggak pertahanan Terengganu Fabio Flor yang membuat umpanan kepada Yusof namun hanya menyaksikan tendangan liarnya.

DPMM FC tersentak apabila rembatan kencang di luar petak D oleh pemain pertahanan Terengganu Rosairil Asrul yang tanpa diduga mengegarkan gawang sekali gus memisahkan kedudukan setelah menerima hantaran yang ber-

punca dari tendangan sudut sebelah kiri.

Sekalipun ketinggalan DPMM FC sebaliknya meningkatkan asakan dengan membuat ancaman dari pelbagai sudut hinggan ancaman itu dibuat oleh pemain tengah Goran Vujanovic yang bergandingan dengan Fadlin.

Sebaliknya Terengganu yang berangan untuk membawa pulang mata penuh dikejutkan dengan ledakan kencang dari luar petak D

yang dihasilkan Rodrigo Antonio Lombardo Tosi sehingga bola yang didapak kemas Md. Syamsuri terlepas dari dakapannya sekali gus menyentuh gawang lawan.

Malah sebaliknya Terengganu hampir berputih mata apabila tandukan Rodrigo Antonio Lombardo Tosi di minit akhir disela-matkan palang gol apabila menerima hantaran lintang Hj. Md. Subhi.



PENJAGA gawang Terengganu menyelamatkan bola setelah menerima asakan pemain DPMM FC. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

SUKAN

SUKAN SEA XXIII, FILIPINA 2005



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah yang juga Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) ketika berkenan berangkat menyaksikan atlet Negara Brunei Darussalam dalam acara pencak silat di Coliseum Cebu. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama para atlet sepak takraw Negara Brunei Darussalam semasa membuat latihan. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

Keberangkatan ke Cebu suntik semangat para atlet negara

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL
aliddin.moktal@information.gov.bn

CEBU, Rabu, 30 November. - Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah yang juga Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) ke Bandar Raya Cebu sebagai penyuntik semangat para atlet Negara Brunei Darussalam yang mengambil bahagian dalam acara-acara sukan yang disertai seperti karatedo, pencak silat, takraw dan basikal.

Duli Yang Teramat Mulia selamat berangkat mendarat di Lapangan Terbang Mactan Cebu telah dijunjung oleh Datuk Bandar Raya Cebu, Tuan Yang Terutama Tom Osmena dan Timbalan Chef de Mission di Cebu, Leftenan Kolonel Pengiran Haji Mohd. Noor serta para pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan.

Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan yang terdiri daripada Chef de Mission Kontinjen Negara

Brunei Darussalam Sukan SEA Ke-XXIII 2005 di Filipina berada di Bandar Raya Cebu bagi melihat perkembangan para atlet negara kita di sini sekali gus sebagai penyuntik semangat kepada atlet negara.

Sejurus keberangkatan tiba, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Datuk Bandar Raya Cebu, TYT Tom Osmena berupa sebuah kunci replika yang simboliknya sebagai 'Kunci Bandar Raya Cebu' yang berlangsung di Hotel Waterfront Cebu di sini.

Duli Yang Teramat Mulia juga mengurniakan cenderahati kepada Datuk Bandar Raya Cebu.

Duli Yang Teramat Mulia mula-mula sekali berkenan berangkat melawat dan menyaksikan secara dekat para atlet sepak takraw Negara Brunei Darussalam membuat latihan di dewan sekolah berdekatan Kompleks Sukan Cebu.

Seterusnya Duli Yang



Teramat Mulia berkenan berangkat menyaksikan para atlet bertanding dalam acara pencak silat dan berkenan menerima junjung ziarah para atlet karatedo yang telah menyumbangkan tiga pingat untuk Negara Brunei Darussalam iaitu dua pingat perak dan satu gangsa.

Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan berangkat pulang ke Manila tepat jam 5.45 petang setelah membuat lawatan dan menyaksikan para atlet negara kita yang menyertai acara sukan di Cebu.

Negara Brunei Darussalam menaruh harapan kepada atlet pencak silat untuk menyumbang sebarang pingat dalam acara tersebut begitu juga dengan acara sepak takraw.

Skuad lawan pedang kecundang

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL
ahat.ismail@information.gov.bn
DAN HAJI AHMAD HAJI SALIM
ahmad.salim@information.gov.bn

MANILA, Isnin, 28 November. - Kecederaan ringan pada pergelangan kaki kanan peserta negara, Nor Baizurrah Mohd. Rushidi dalam pertempuran peringkat separuh akhir lawan pedang perseorangan wanita Sabre, Sukan SEA Ke-XXIII, 2005 telah memaksanya untuk melupakan pertarungan selanjutnya.

Itulah, nasib belum berpihak kepadanya dan lawannya dari Republik Indonesia, Manopo Nancy memenangi perlawanan dengan kemenangan tipis 15 - 14.

Terdahulu sebelum itu, diperingkat awal Nor Baizurrah berjaya menundukkan peserta Viet Nam 1 - 4, dan menduduki tangga keempat untuk selanjutnya mara ke pusingan separuh akhir.

Juga turut mengalami nasib yang sama ialah Dayang Alina Ali dan Dayang Farah Alian Haji Abu Bakar. Dayang Alina Ali tewas kepada

peserta Republik Indonesia, Ismalasari Rini dalam acara perseorangan wanita Epee 1 - 5, manakala Dayang Farah Alian pula kecundangan di tangan peserta Viet Nam, Nguyen Thi Hoa 1 - 5 acara perseorangan wanita Sabre.

Kekalahan dalam pertempuran tersebut menjadikan peserta negara hanya mampu menduduki tangga keenam dalam acara perseorangan wanita Epee dan Sabre dalam pusingan peringkat awal di San Juan Gymnasium, San Juan Elementary School di sini.

Sementara itu beberapa orang peserta negara yang menyertai dalam acara perseorangan lelaki Foil, Epee dan Sabre akan mencuba nasib dalam pertandingan selanjutnya di tempat yang sama. Mereka ialah Huzaimi Haji Kassim, Amirul Farzmin Jappar, Khairul Quddus Mohd. Roalee dan Md. Yunus Haji Hamid.



NOR Baizurrah binti Mohd Rushidi melakukan serangan kepada peserta Indonesia, Manopo Nancy dalam perlawanan perseorangan wanita Sabre.

Skuad basikal menurun bukit, gagal menyerlah

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL
aliddin.moktal@information.gov.bn

CEBU, Selasa, 29 November. - Skuad basikal Negara Brunei Darussalam dalam acara Sukan Basikal Menurun Bukit (Mountain Bike Down Hill) gagal menyerlah apabila Muhd. Raihan Abd. Aziz hanya menduduki tempat keenam dalam final downhill lelaki di Kompleks Sukan Ramon Danao, Cebu.

Kekalahan peserta negara disebabkan oleh masalah teknikal apabila basikal yang ditunggang oleh Muhd. Raihan mengalami pecah tayar semasa membuat acara downhill.

Emas dan perak dalam acara itu menjadi milik penunggang tuan rumah, masing-masing menerusi Umbac Joey Barba dan Michael Panuela Borja yang mencatat masa 2 jam 38.26 minit dan 2:42.65. Pingat gangsa diraih oleh Wisit Phuengnoi dari Thailand, manakala Muhd Raihan mencatatkan masa 3:29.91.

Nasib yang sama juga diterima oleh skuad basikal negara melalui acara basikal rentas desa (cross country) yang dibarisi oleh Muhd.

Raihan Muhd. Aziz, Md. Rafiuddin Zakaria dan Mohd. Norazizul Awang tidak dapat menghabiskan pusingan yang sepatutnya mereka lakukan sebanyak enam pusingan.

Menurut Pengurusnya, Awang Irwan, pencapaian yang disembahkan oleh skuad basikal Negara Brunei Darussalam amat baik walaupun mereka tidak berjaya mengutip sebarang pingat, tetapi sekurang-kurangnya mereka sudah berusaha sedaya upaya dan mendapat pengalaman berguna untuk mereka mem-

perbaiki lagi prestasi mereka di masa akan datang.

Menyentuh dalam acara downhill dan cross country yang disertai oleh skuad basikal negara yang tidak dapat menghabiskan pusingan itu disebabkan oleh masalah teknikal yang tidak dapat di-elakkan.



SKUAD basikal Negara Brunei Darussalam ketika beraksi dalam acara rentas desa basikal (cross country) di Kompleks Sukan Ramon Danao. - Gambar oleh Abdullah Haji Damit.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Datuk Bandaraya Cebu, Tuan Yang Terutama Tom Osmena yang berlangsung di Hotel Waterfront Cebu. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

SUKAN

SUKAN SEA XXIII, FILIPINA 2005

Emas hampir dalam genggaman

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL
aliddin.moktal@information.gov.bn

CEBU, Selasa, 29 November. - Kilauan emas yang dimimpikan oleh skuad karatedo Negara Brunei Darussalam hampir saja tercapai menerusi Haji Eddie Jofriani Haji Johari dalam pertandingan akhir kumite perseorangan lelaki 55 kilogram ke bawah antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia di Coliseum Bandar Mandaue di sini.

Haji Eddie Jofriani terpaksa berpuas hati dengan pingat perak dalam acara kumite individu lelaki bawah 55 kilogram pada Sukan SEA XXIII 2005 Filipina, hari ini setelah tewas tipis.

Sekalipun hajat mengintai emas sulung hampir tercapai, namun kilauan perak disumbangkan oleh peserta Brunei itu dianggap sudah cukup membanggakan kerana lawannya dari Malaysia, R. Puvaneswaran bukan

lah calang-calang orangnya - pemenang pingat emas Sukan Asia 2002 di Busan, Korea Selatan.

Haji Eddie Jofriani tewas dengan kiraan mata 5 - 3. Ia juga merupakan pingat tunggal Brunei pada hari ketiga temasya dwi-tahunan Asia Tenggara ini selepas kita mengutip satu perak dan satu gangsa semalam.

Haji Eddie Jofriani mempamerkan aksi bertenaga di peringkat akhir walaupun cedera di bawah matanya semasa bertarung dengan peserta dari Thailand yang begitu kasar permainannya.

Dalam pendekatan wakil PELITA BRUNEI, beliau melahirkan rasa gembira kerana akhirnya segala kekalahan sebelum ini terbalas juga dengan menyumbangkan pingat perak untuk Negara Brunei Darussalam dan bertekad untuk terus

meningkatkan lagi prestasi persembahannya dalam sukan karatedo bagi mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau dan antarabangsa.

Pengurus Karatedo, Haji Syed Mohammed Haji Syed Othman melahirkan pencapaian dan persembahan yang ditunjukkan oleh anak buahnya itu sudah cukup cemerlang jika dibandingkan dengan penyertaan mereka yang lalu.

Pada tahun ini Negara Brunei Darussalam hanya menghantar enam atlet karatedo dan berjaya mengutip tiga pingat untuk negara iaitu dua pingat perak dan satu gangsa.

Mereka yang terpilih adalah terbaik walaupun antara mereka tidak berhasil mengutip sebarang pingat tetapi mereka telah berusaha sedaya upaya dengan memberikan saingan yang hebat dan persembahan yang terbaik kepada pihak lawan.

Menyentuh mengenai penghakiman dalam acara karatedo, beliau menjelaskan ada setengah hakim berat sebelah kepada pihak tuan rumah. Perkara ini sering sahaja berlaku dan banyak menerima teguran dan aduan dari negara-negara yang menyertai acara tersebut.

Walau bagaimanapun beliau merasa bangga atas pencapaian dan prestasi yang telah ditunjukkan oleh peserta negara dalam acara ini.

Sementara itu, Mohd. Sofian Abdullah pula dalam acara lelaki perseorangan terbuka tewas pada peserta dari Thailand, P. Suwansomsri dengan kiraan 0 - 3 begitu juga dengan peserta wanita, Dayang Masdiana Haji Tengah dalam acara kumite perseorangan wanita 48 kilogram ke bawah tewas tipis kepada Yin Hua Thawnglui dari Myanmar dengan kiraan 1 - 3 dan juga tewas tipis pada peserta dari Laos, C. Phetsirsing 0 - 1 dalam acara kumite terbuka wanita.

Pingat gangsa acara itu diraih oleh peserta Viet Nam, Pham Tran Nguyen dan Bambang Mouloin dari Republik Indonesia.



Haji Eddie Jofriani tersenyum gembira bersama pingat perak yang diperolehi ketika bergambar bersama Timbalan Chef de Mission, Leftenan Kolonel Pengiran Haji Mohd. Noor selepas penyampaian hadiah di Coliseum Bandar Mandaue. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.



TIMBALAN Chef de Mission di Cebu, Leftenan Kolonel Pengiran Haji Mohd. Noor ketika menganjurkan pingat perak yang dikutip oleh peserta negara, Haji Eddie Jofriani Haji Johari dalam acara karatedo kumite lelaki perseorangan 55 kilogram ke bawah. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

Atlet wushu kurang menyerlah di peringkat akhir

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL ahat.ismail@information.gov.bn
DAN HAJI AHMAD HAJI SALIM ahmad.salim@information.gov.bn

MANILA, Isnin, 28 November. - Ketiga-tiga atlet wushu



yang bersaing mewakili negara pada temasya Sukan SEA Ke-XXIII 2005 gagal menyerlah pada peringkat akhir, yang berlangsung di Emilio Aguinaldo College Ermita Manila.

Pasukan negara bagi acara lelaki nanquan yang disertai oleh pasangan adik beradik, Isa Bismi yang memperolehi mata 8.83 dan Ismi Bismi memperolehi 8.15 hanya mampu menduduki tangga ke-6 dan 7 daripada 9 orang peserta yang menyertai acara tersebut.

Dalam acara ini pingat emas diraih oleh peserta tuan rumah, Pedro Quina, dengan kutipan mata 9.30, pingat perak oleh peserta Malaysia, Ho Ro Bin memperolehi mata 9.21 dan peserta dari Republik Indonesia, Sandry Liong memperolehi pingat gangsa.

Sementara bagi acara lelaki taijiquan yang diwakili oleh Tan Peng Horng menduduki tangga bawah sekali daripada 9 peserta dengan kutipan mata 8.83. Bagi acara ini pingat emas



PESERTA acara lelaki nanquan, Isa Bismi.



PEGAWAI kontinjen bagi acara wushu, Pong Jong Seng.

disandang oleh peserta Republik Singapura, Gon Qiu Bin dengan mata 9.28, peserta Myanmar memperolehi pingat perak dan pingat gangsa di dimenangi Kenneth Lim daripada Republik Filipina.

Walaupun tidak memperolehi sebarang pingat dalam acara yang disertai, atlet negara mampu memperlihatkan persembahan yang terbaik dalam pertandingan tersebut dan kekalahan tersebut bukanlah satu halangan bagi atlet negara untuk memperbaiki segala kelemahan.

Menurut Pegawai Kontinjen acara wushu, Pong Jong Seng, hasil makluman daripada peserta negara, cara yang diajarkan oleh jurulatih dengan yang dipertandingkan dalam Sukan SEA ini, adalah berbeza sedikit (mashih cara lama), sedangkan cara baru bagi acara ini digunakan dalam pertandingan.

"Kebanyakan peserta-peserta yang menyertai dalam acara ini adalah terdiri

mereka yang sudah lama berkecimpung iaitu lebih lima tahun, sebagai contoh peserta dari Malaysia, Ho Ri Bin yang telah berkecimpung dalam acara ini selama enam tahun dan begitu juga peserta dari Republik Filipina dan Indonesia," jelas beliau lagi.

Dalam pada itu, banyak perkara-perkara yang kita perlu perbaiki dan tingkatan sebagai contoh dengan mengkhususkan jurulatih dalam sesuatu acara seperti taijiquan dan changquan, agar dengan itu akan dapat menunjukkan persembahan yang baik dan bermutu.

Sementara Isa Bismi, peserta bagi acara lelaki nanquan yang sudah terlibat dalam acara wushu selama dua tahun 10 bulan, mengaku memperlihatkan peningkatan dalam acara wushu dengan mengikuti latihan selama seminggu di Republik Rakyat China.

"Walaupun saya hanya mampu memperolehi 8.83 mata dalam pertandingan kali ini, namun saya berazam, kekalahan yang dialami ini bukan satu penghalang bagi saya dan rakan-rakan senegara dalam usaha untuk meningkatkan dalam bidang yang disertai dan kami juga akan sentiasa bekerja keras dengan menjalani latihan-latihan untuk mencapai impian dan mengharumkan nama negara di sebarang kejohanan seperti Sukan SEA ini," katanya.

Sementara peserta negara bagi acara taijiquan iaitu Tan Peng Horng akan menyertai acara tersebut pada 30 November ini di tempat yang sama iaitu Emilio Aguinaldo College, Manila di sini yang disertai oleh sembilan buah negara.

Prestasi membanggakan, mampu beri saingan hebat

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL
aliddin.moktal@information.gov.bn

CEBU, Ahad, 27 November. - Karatedo adalah acara penyumbang pingat kepada Negara Brunei Darussalam pada Sukan SEA yang lalu tetapi harapan negara untuk mengutip sebarang pingat dalam acara kumite berpasukan lelaki dan kata perseorangan perempuan nampaknya tipis memandangkan atlet negara awal-awal lagi sudah tewas dalam acara membuka tirai acara karatedo di Mandaue Coliseum di sini.

Para peserta Negara Brunei Darussalam walaupun berjaya mempamerkan persembahan yang baik dalam acara kumite berpasukan lelaki dan kata perseorangan perempuan, namun mereka kurang bernasib baik untuk memenangi dalam dua acara tersebut di hari pertama karatedo dimulakan.

Pasukan negara dalam acara kumite berpasukan lelaki iaitu Mohd. Sofian

Abdullah, Tong Kit Siong dan Haji Eddie Jofriani Haji Johari serta Sim Chung Hiang (simpunan) bertemu dengan pasukan dari Republik Indonesia yang membariskan pesertanya Christo Mondolu Bambang Mauludin, Umar Syarif, Donny Dharmawan dan Ricky Syahbana.

Dalam pertandingan itu peserta negara terpaksa akur akan kehebatan peserta lawan setelah tewas dengan kiraan 0 - 3. Walaupun begitu, peserta negara kita sudah cuba sedaya upaya memberikan saingan hebat kepada peserta dari Republik Indonesia itu.

Sementara itu, pasukan negara berpeluang untuk merebut pingat gangsa apabila bertemu dengan pasukan negara tuan rumah Republik Filipina tetapi hampa juga di mana peserta negara kita juga tewas dengan kiraan 0 - 3.

Di sebelah petangnya pula peserta negara dalam acara kata perseorangan perempuan yang diwakili oleh Masdiana Haji Tengah pula bertemu dengan peserta dari Republik Singapura, peserta kita kurang menyerlah jika dibandingkan dengan peserta dari Republik Singapura.

"Para peserta negara sudah membuat persembahan yang membanggakan tanpa membuat sebarang kesilapan berdasarkan pengalaman saya menjadi hakim dalam acara itu selepas perlawanan di hari pertama kejohanan karatedo yang berlangsung hari ini," menurut Pengurus Karatedo, Haji Syed Mohammed Haji Syed Othman kepada wakil PELITA BRUNEI.

Beliau seterusnya menjelaskan, pada keseluruhannya pasukan negara telah memberikan saingan yang hebat dan berusaha sedaya upaya untuk mencapai kemenangan tetapi gagal memperolehinya. Bagaimanapun beliau merasa berbangga dengan

prestasi yang telah ditunjukkan oleh peserta negara.

Beliau menambah, ketiga-tiga peserta dalam acara kumite lelaki berpasukan adalah peserta terbaik kerana mereka lebih mampu untuk mempertahankan kedudukan dalam perlawanan yang diikuti begitu juga dengan peserta perempuan negara.

Tidak dapat dinafikan bahawa para peserta dari negara-negara lain seperti Indonesia dan Malaysia, Viet Nam dan negara tuan rumah Filipina begitu baik persembahan mereka dalam acara kumite berpasukan lelaki dan acara kata perseorangan perempuan.

Menyentuh mengenai mutu pengadilan yang dikatakan akan sentiasa menyebelahi tuan rumah dalam sukan subjektif seperti karate, Haji Syed Mohammed tidak menolak kemungkinan perkara itu akan berlaku tetapi beliau tidak bimbang kerana Negara Brunei Darussalam juga mempunyai barisan peserta karate yang berpengalaman.

SUKAN

SUKAN SEA XXIII, FILIPINA 2005



PINGAT EMAS ... Pg. Md. Salleh Chuchu, Haji Naim Brahim dan Lokman Haji Mohd. Salleh mencatat sejarah merangkul pingat emas acara Triples Lelaki Boling Padang.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) semasa berkenan berangkat ke Majlis Mesyuarat SEAF. Juga menghadiri mesyuarat itu perwakilan Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Chef de Mission, Awang Japar bin Bangkol. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Barisan Triples lelaki rangkul pingat emas

LAPORAN HAJI AHAT HAJI ISMAIL

ahat.ismail@information.gov.bn

DAN HAJI AHMAD HAJI SALIM

ahmad.salim@information.gov.bn

PAMPANGA, Ahad, 4 Disember. - Penantian yang sungguh lama, akhirnya menjadi kenyataan apabila Skuad Boling Padang Triples Lelaki Sukan SEA Ke-XXIII 2005, berjaya merangkul Pingat Emas selepas menundukkan barisan Malaysia 15 - 12 pada pertarungan akhir.

Pingat emas pertama dari acara boling padang telah diraih oleh Pengiran Tengah dari acara single pada temasya Sukan SEA Ke-XX 1999 di Brunei Darussalam, tetapi kali ini barisan trio Pengiran Md. Salleh Chuchu Pengiran Haji Tuah, Haji Naim Brahim dan Lokman Haji Md. Salleh pula mencipta nama sekali gus mengumandangkan lagu kebangsaan Allah Peliharakan Sultan di gelangang Hidden Vale Sports Club, Angeles

City, Republik Filipina.

Sasaran untuk mendapatkan pingat emas tunggal ini sememangnya sudah terbayang apabila trio negara memperlihatkan keyakinan yang tinggi meninggalkan Malaysia enam mata pada permainan pusingan ketujuh.

Menyedari sudah ketinggalan, Malaysia bangkit pada end ketujuh dan seterusnya end kesepuluh menjadi 9 - 6.

Pada end kesebelas trio negara menambah 1 mata kepada 9 - 7 dan kemudian pada end ke-12 trio negara bertindak cemerlang dengan mendapat 5 menjadikan kedudukan 9 - 12.

Melihat mereka berada diambang kekalahan, Malaysia memporak-porandakan permainan dengan melarikan jauh zik sehingga permainan

diulang semula. Bagaimanapun pada permainan selanjutnya tuah terus memihak trio negara dengan memperolehi lagi 3 pada end ke-13 menjadikan 9 - 15.

Selepas ketinggalan 6, Malaysia masih terus berusaha namun hanya 3 saja yang dapat mereka capai dan kemenangan berpihak kepada trio negara dengan kedudukan 12 - 15.

Sebelum itu dalam perebutan pingat gangsa, kesemua pemain negara tewas. Abdul Rahman Haji Omar tewas tipis kepada peserta Thailand, Sakprasert Mitsaha, 20 - 21, di bahagian single.

Bahagian Pairs Wanita, Norzainah Haji Ahmad dan Ampuan Hajah Lilinaryani Ampuan Haji Salleh kalah kepada peserta Republik Fili-



pina, Amy Gardoce dan Ronalyn Greenlees 9 - 18.

Di bahagian Triples Wanita, Hajah Ajjiah Muntol, Dayang Isah Muntol dan Hajah Amaliah Haji Metali dikecewakan oleh barisan Republik Filipina, Sonia Bruce, Rosita Bradborn dan Ellenita Atkins dengan 10 - 15, manakala pasukan Pairs Lelaki, Ampuan Ahad Ampuan Kasim dan Haji Osman Haji Yahya tewas kepada pasangan Thailand, Thira Maithai dan Sudharm Phonghanyudh dengan 16 - 20.

Dua atlet olahraga gagal menyerlah dalam saingan

MANILA, Rabu, 30 November. - Dua atlet dari acara olahraga gagal menyerlah pada temasya Sukan SEA Ke-XXIII 2005 dengan menduduki kedudukan tercir dari pada lain-lain peserta semasa pertarungan di Belapan dan Padang Kompleks Sukan Rizal.

Pelari jarak jauh Jimmy Anak Ahar, menduduki tangga kesembilan pada perlumbaan lari 1,500 meter akhir dengan mencatatkan masa 4.03.01, berbanding juara dari Myanmar, Aung T yang mencatatkan masa 3.49.25.

Bagaimanapun, ketika ditemui beliau menyatakan, kegagalan tersebut disebabkan keadaannya yang kurang sihat menjelang perlumbaan.

"Sebenarnya saya mendapat demam menjelang hari perlumbaan," ujarnya ringkas ketika ditemui selepas perlumbaan.

Sementara itu atlet lompat kijang lelaki, Mohd. Shah Johan Haji Shari, hanya mencatatkan lompatan sejauh 13.83, selepas

dua lompatannya dikira batal, berbanding dengan catatan yang pernah dibuatnya semasa latihan di Malaysia sejauh 15.03.

Menurutnya, kegagalan tersebut disebabkan kakinya yang masih terasa sakit ketika menjalani latihan selama sebulan di Malaysia.

"Oleh sebab saya tidak mempunyai jurulatih, saya dihantar menjalani latihan di Malaysia selama sebulan. Dalam latihan inilah saya mendapat kecederaan dan semasa lompatan ini terasa masih sakit," ulasnya.

Pada awalnya dia merasa yakin untuk melakukan lompatan yang lebih baik, tetapi

selepas lompatan pertama dia gagal melakukannya.

"Jadinya saya sungguh kecewa kerana tidak dapat meneruskan persaingan sekalipun saya telah mencubanya tiga kali lompatan untuk memasuki kelompok enam terbaik ke peringkat akhir," ujarnya.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berangkat melawat atlet equestrian Pengiran Anak Nasir Pengiran Anak Jafar Alam yang mengalami kecederaan.

Pengelolaan Sukan SEA: perlu mengikut Perlembagaan Majlis SEAF

MANILA, Khamis, 1 Disember. - Majlis Persekutuan Sukan Negara-negara Asia Tenggara (SEAF) perlu memastikan setiap pengurusan, pelaksanaan dan peraturan pertandingan sukan dipatuhi oleh setiap negara pengelola Sukan SEA.

Dengan mematuhi pelaksanaan ini, penyelenggaraan kejohanan-kejohanan sukan akan datang dapat dijalankan lebih teratur mengikut Perlembagaan Majlis SEAF.

Perkara tersebut dibentangkan oleh Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia, Dato Seih Kok Chi semasa Mesyuarat Majlis SEAF di sebuah hotel di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat ke mesyuarat tersebut dengan diiringi oleh Chef de Mission, Awang Japar bin Bangkol.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA, Republik Filipina yang juga selaku Presi-

den Jawatankuasa Olimpik Republik Filipina, Jose Cojuangco Jr.

Seterusnya semasa mesyuarat itu Dato Seih menjelaskan, jika Perlembagaan dan Peraturan Majlis SEAF diikuti, keadaan pengurusan akan berjalan lancar dan negara-negara peserta tidak akan mengalami masalah.

"Ini apa yang terjadi sebagai contoh acara yang disertai oleh hanya tiga negara pun terus dipertandingkan juga, bukannya ini bercanggah dengan Perlembagaan Majlis SEAF," katanya.

Chef de Mission Malaysia, Low Beng Choo, pula menambah, Republik Filipina kali ini melaksanakan pengelolaan tidak menentu.

"Peraturan tidak mengikut garis pandu, penginapan, pemakanan dan pengangkutan tidak selaras serta undang-undang pertandingan juga tidak menepati kehendak acara yang dipertandingkan," ujarnya.

"Jadi, Jawatankuasa Eksekutif Majlis SEAF perlu melaksanakan tugas lebih efektif bagi melancarkan lagi pengelolaan dan kesejahteraan negara-negara peserta," katanya.

Pada mesyuarat tersebut anggota Majlis SEAF se-

bulat suara melantik perwakilan Republik Singapura, Teo Chee Hean menjadi Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Majlis SEAF yang baru.

Sementara itu perwakilan Thailand, Charoen Wattanasin pula melantik kepada Majlis SEAF mengenai persiapan negara itu yang akan menyelenggarakan temasya Sukan SEA Ke-XXIV pada tahun 2007 di Bangkok.

Menurutnya, persiapan bagi pengelolaan temasya dua tahun sekali itu telah berjalan lancar dan Kerajaan Thailand telah melantik Timbalan Perdana Menteri Thailand menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penganjur.

Perwakilan Viet Nam pula membentangkan bahawa negara itu akan menyelenggarakan Asian Indoor Game Ke-3 2008 di dua bandar raya, Ho Chi Minh dan Hanoi dengan berharap negara-negara anggota Sukan SEA akan memberikan sokongan penuh.

Perwakilan Republik Singapura pula menyatakan mengenai kesediaan mereka untuk menyelenggarakan Sukan SEA pada tahun 2013 manakala Kemboja pula menyelenggarakan pada tahun 2011.

Atlet equestrian alami kecederaan

MANILA, Selasa, 29 November. - Peserta tunggal negara acara equestrian, Sukan SEA Ke-XXIII 2005, Pengiran Anak Nasir Pengiran Anak Jafar Alam terpaksa melupakan hasrat untuk beraksi di acara itu kerana kecederaan.

Dia yang sudah siap sedia untuk beraksi pada 30 November hingga 4 Disember ini, terpaksa membatalkannya disebabkan mengalami kecederaan semasa menjalani latihan di padang Polo and Country Club Alabang.

"Saya merasa kecewa tidak dapat beraksi disebabkan kecederaan ini," katanya semasa Duli Yang Ter-

amat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan (BDNOC) berangkat mengadakan lawatan.

Duli Yang Teramat Mulia yang diiringi oleh Chef de Mission, Awang Japar bin Bangkol berangkat melawat Pengiran Anak Nasir bagi mengetahui perkembangan terkini kecederaan yang dialaminya.

Pengiran Anak Nasir mengalami kecederaan selepas melepasi halangan lompatan pertama dan apabila meneruskan lompatan selanjutnya, kuda yang di-

tunggangnya menukar haluan dan dia terjatuh ke tanah.

Dengan kecederaan itulah dia terpaksa membatalkan penyertaan acara equestrian yang merupakan kali pertama disertai oleh kontinjen negara di temasya Sukan SEA ini.

Bagaimanapun, beliau berhasrat untuk beraksi pada Sukan SEA akan datang di Thailand.

"Walaupun tidak dapat menyertai pertandingan di sini, saya masih berminat dan tidak merasa putus asa untuk ikut serta dalam acara ini pada Sukan SEA dua tahun akan datang," jelasnya.

SUKAN

SUKAN SEA XXIII, FILIPINA 2005

Republik Indonesia atasi Brunei Darussalam 11 - 7

LAPORAN HAJI AHAT HAJI ISMAIL ahat.ismail@information.gov.bn
DAN HAJI AHMAD HAJI SALIM ahmad.salim@information.gov.bn

MANILA, Rabu, 30 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat menyertai perlawanan 9 Ball Pool Double, Sukan SEA Ke-XXIII 2005, menentang peserta Republik Indonesia, di Makati Coliseum.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran

Muda Abdul Qawi dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Emaleen binti Abdul Rahman Teo.

Duli Yang Teramat Mulia yang berpasangan dengan Ahmad Taufiq M. Murni, pada awal permainan dua frame pertama ketinggalan 2 - 0 kepada pasangan Republik Indonesia, Muhammad Junarto dan Adam Abdul Rahim.

Bagaimanapun di perlawanan frame ketiga, bawakan negara bangkit menguasai permainan ketiga hingga ketujuh dengan mendahului 7 - 2.

Republik Indonesia yang sememangnya mempunyai pemain terbaik seperti Muhammad Junarto memanfaatkan kebolehan dengan sebaiknya untuk menguasai frame selanjutnya iaitu frame kelapan hingga 13 dengan kedudukan 8 - 5.

Meskipun ketinggalan tiga frame pasangan negara terus memberikan saingan hingga merapatkan kedudukan 6 - 8 sebelum ketinggalan 6 - 10. Kedudukan tersebut bertahan kepada 7 - 10 dan Republik Indonesia menamatkan permainan dengan kedudukan 7 - 11.

MANILA, Isnin, 5 Disember. - Sesudah kesemua 11 negara berhempas pulas bertarung selama 9 hari (27 November hingga 5 Disember) pada temasya Sukan SEA XXIII 2005, kini sukan berprestij di rantau ini ditutup rasmi oleh Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal-Arroyo di Quirino Grandstand, Luneta Park, dengan Negara Brunei Darussalam membawa pulang 1 pingat emas, 2 perak dan 2 gangsa.

Pencapaian ini menampakkan sedikit peningkatan melalui pungan pingat perak di mana pada temasya Sukan SEA XXII di Viet Nam kontinjen negara meraih 1 pingat emas, 1 perak dan 8 gangsa melalui acara seni mempertahankan diri silat, taekwando dan

karatedo.

Bagaimanapun pada temasya di Republik Filipina, silat yang menjadi penyumbang utama pungan pingat-pingat, gagal menyerlah sebaliknya acara boling padang bangkit menyumbang 1 pingat emas manakala Karatedo menyumbang perak, gangsa dan taekwando juga menyumbang gangsa.

Tuan rumah Republik Filipina muncul selaku juara keseluruhan dengan 113 pingat emas, 84 perak dan 94 gangsa dan pencapaian ini merupakan sejarah penting bagi Republik Filipina selepas dua kali mengelolakan

temasya ini, gagal menjuarainya dan pengelolaan edisi ketiga ini telah membuahkan hasil selaku juara.

Thailand yang sering menjuarai sukan ini hanya menduduki tempat kedua dengan pungan pingat emas 87, perak 78 dan gangsa 118 dan juara dua tahun lalu Republik Viet Nam ditempat ketiga dengan 71 pingat emas, 68 perak dan 89 gangsa.

Malaysia, salah sebuah pengasas Sukan Semanjung Asia Tenggara (SEAP) dan juga pengasas Sukan Negara-negara Asia Tenggara (SEA Games) 1977 menduduki tempat keempat dengan 61 pingat

emas, 50 perak dan 64 gangsa.

Republik Indonesia yang juga sering mendominasi sukan ini hanya mampu menduduki tempat kelima dengan 49 pingat emas, 79 perak dan 89 gangsa manakala Republik Singapura ditempat keenam dengan 42 Pingat Emas, 32 perak dan 55 gangsa.

Myanmar ditempat ketujuh dengan 17 pingat emas, 34 perak dan 48 gangsa sementara Laos ditangga kelapan dengan 3 pingat emas, 4 perak dan 12 gangsa.

Kemboja hanya meraih 3 pingat perak, 9 gangsa manakala Timor Leste hanya memperoleh 3 pingat gangsa.

Brunei Darussalam raih 1 emas, 2 perak, 2 gangsa

DYTM sertai perlawanan 8 dan 9 Ball Pool

MANILA, Khamis, 1 Disember. - Selepas berangkat menyertai acara 8 dan 9 Ball Pool Double pada temasya Sukan Ke-XXIII 2005, Duli Yang Teramat Mulia meneruskan perlawanan dengan berangkat menyertai acara 8 Ball Pool Single dan 9 Ball Pool Single.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman berangkat menyaksikan perlawanan yang berlangsung di gelanggang Makati Coliseum.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC). Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Pada acara 8 Ball Pool Single, Duli Yang Teramat Mulia bertemu peserta Republik Singapura, Chan Keng Kwang dengan mengatasi pada awal frame pertama.

Duli Yang Teramat Mu-

lia kemudian menyamakan kedudukan 1-1 di frame kedua dan selepas itu pemain Republik Singapura menguasai lima frame selanjutnya sebelum kedudukan menjadi 4 - 2.

Pada saingan frame ketujuh hingga kesembilan terus dikuasai oleh pemain Republik Singapura dan kemudian Duli Yang Teramat Mulia memenangi frame ke sepuluh menjadi 7 - 3.

Pada kedudukan itu pemain Republik Singapura terus menguasai permainan dan menang dengan kedudukan 9 - 3.

Dua hari berikutnya Duli Yang Teramat Mulia berangkat menyertai acara 9 Ball Pool Single menentang pemain Viet Nam, Luong Chi Dung, di Makati Coliseum.

Pada acara ini pemain Viet Nam mengatasi tiga frame awal permainan sebelum DYTM merapatkan mata 3 - 1.

Selepas itu, pemain Viet Nam menguasai semula sembilan frame berikutnya sebelum dirapatkan menjadi 8 - 2, kemudian pemain Viet Nam itu terus menamatkan permainan dengan 11 - 2.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat ke upacara penutupan rasmi Sukan SEA Ke-XXIII 2005.



CHEF de Mission Brunei Darussalam, Awang Japar bin Bangkol bersama Chef de Mission lain-lain negara menyalaikan obor sejurus sebelum upacara penutupan rasmi.

Thailand tuan rumah Sukan SEA XXIV 2007

MANILA, Isnin, 5 Disember. - Tirai temasya dwitahunan Sukan SEA XXIII 2005 di Republik Filipina sudah ditutup dan negara

Thailand pula muncul untuk menjadi tuan rumah temasya Sukan SEA Ke-XXIV menjelang 2007.

Upacara penyerahan



GILIRAN THAILAND TUAN RUMAH ... Presiden Jawatankuasa Olimpik Republik Filipina yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengantar Sukan SEA, Fose Cojuangco Jr. menyerahkan bendera Sukan SEA kepada perwakilan Thailand yang akan menjadi tuan rumah Sukan SEA Ke-XXIV 2007.

bendera rasmi Sukan SEA yang berlangsung di Quirino Grandstand, Luneta Park di sini dengan dilakukan secara sederhana penuh warna-warni dengan hampuran bunga api di angkasa di samping beberapa persembahan yang cukup memukau orang ramai.

Mewakili Kerajaan Thailand selaku penganjur Sukan SEA Ke-XXIV menjelang 2007 ialah Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Suwat Lapatanlop menerima bendera rasmi Sukan SEA yang menjadi simbol kemajuan perkembangan sukan rantau Asia Tenggara, daripada Presiden Jawatankuasa Olimpik Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jose Cojuangco Jr. diringi lagu kebangsaan Thailand.

Terdahulu dari itu acara penutup Sukan SEA Ke-XXIII bermula dengan perbarisan oleh para atlet dan pembawa bendera yang diwakili oleh negara masing-masing secara berkumpulan iaitu Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia,



Laos, Malaysia, Republik Singapura, Thailand, Timor Leste, Viet Nam dan Republik Filipina.

Dalam ucapan perpisahan yang disampaikan oleh Presiden Jawatankuasa Olimpik Republik Filipina yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengantar Sukan SEA 2005, Tuan Yang Terutama Jose Cojuangco Jr. antara lain berkata di hari terakhir temasya Sukan SEA merupakan perhimpunan sebuah keluarga.

Menurutnya, selaku jawatankuasa penganjur temasya Sukan SEA Ke-XXIII sebagai bangsa Filipina, sememangnya berhasrat untuk memberikan

harapan yang terbaik kepada negara-negara ahli Sukan SEA.

Republik Filipina tidaklah membuat persediaan yang begitu menarik tetapi sederhana dalam menghimpunkan semangat persahabatan dalam sukan untuk perkongsian persaudaraan melalui pertandingan-perandingan sukan.

"Ini adalah juga hasrat kita yang bersungguh-sungguh untuk memberikan tingkat layanan yang baik dan di waktu inilah kita juga dapat mempamerkan kece-merlangan prospek yang lebih baik di masa akan datang," jelasnya.

Kemudian diikuti dengan pengisytiharan penutupan rasmi Sukan SEA Ke-XXIII 2005 oleh Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo diikuti pemadaman obor Sukan SEA dan penurunan bendera rasmi Sukan SEA disertai persembahan bunga api yang beraneka warna terpancar di ruang udara.

Republik Filipina selaku penganjur Sukan SEA Ke-XXIII 2005 merupakan negara yang banyak mengumpul kutipan pingat iaitu 113 pingat emas, 84 perak dan 94 gangsa.

Kemudian diikuti oleh

negara Thailand dengan kutipan 87 pingat emas, 78 perak dan 118 gangsa dan Viet Nam di tangga ketiga dengan kutipan 71 pingat emas, 68 perak dan 89 gangsa.

Republik Filipina juga merupakan negara yang pertama mengubah tradisi upacara perasmian dan penutupan rasmi Sukan SEA dengan mengadakan-nya di luar stadium, yang mana sebelum ini sering di adakan dalam stadium sejak bermulanya Sukan SEA dalam tahun 1977.

Dalam tahun ini juga tidak ada penganugerahan kepada atlet sukan terbaik.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik menadah tangan mengaminkan doa yang dibacakan sejour sebelum baginda berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Khas Ketiga Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Mekah, Arab Saudi pada 6 Disember 2005. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan terima mengadap isteri perwakilan asing

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Puan Kathleen Anne Buckley, isteri Tuan Yang Terutama Christian David Bennett, Pesuruhjaya Tinggi Australia di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini (kiri). - Gambar oleh Masri Osman.

Pemimpin kreatif penting bagi sesebuah organisasi

GADONG, Isnin, 5 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bertitah bahawa kekuatan dan nilai-nilai kepimpinan yang baik merupakan isu utama bagi sesuatu organisasi atau pergerakan.

Baginda bertitah, seorang pemimpin mesti mampu berkongsi pengalaman dan pengetahuan bagi menajaya dan melaksanakan visi mereka dengan inovasi dan kreativiti dalam menajaya kejayaan dan pencapaian pergerakan mereka.

Baginda bertitah demikian ketika berkenan merasmikan Majlis Perhimpunan Pemimpin 2005 Negara Brunei Darussalam yang dianjurkan oleh Persatuan Sedunia Pandu Puteri dan Pengakap Puteri (WAGGGS) bagi Rantau Asia Pasifik yang berlangsung di Ritzquin International Hotel, The Mall di sini.

Baginda seterusnya bertitah menegaskan bahawa cabaran-cabaran kepimpinan adalah banyak dan harus dihadapi de-

ngan ketabahan yang dipupuk melalui kefahaman, kekuatan dan keazaman yang disertai sama rasa kasih sayang.

Dari itu, tegas baginda, pemimpin-pemimpin perlu menghadapi cabaran dan tanggungjawab baru dengan slogan 'Sentiasa Bersedia', yang mana akan menjadi lebih relevan dalam menghadapi cabaran dan peluang yang dibawa oleh alaf baru, globalisasi dan kemajuan teknologi.

"Kebolehan mengawal globalisasi merupakan cabaran utama untuk membina ahli-ahli ke arah mencapai sepenuhnya keupayaan individu dan warga dunia," tegas baginda.

Baginda seterusnya berharap agar semangat persefahaman dan toleransi akan meningkatkan rasa hormat terhadap pandangan, budaya dan nilai anggota masing-masing.

Terdahulu sebelum itu keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang juga Penuang Diraja Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam

telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis yang diketuai oleh Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Siti Hafshah binti Haji Abdul Halim.

Berangkat sama ke majlis itu Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sunur Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Majlis telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang diketuai oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ghani yang juga membaca doa selamat di akhir majlis.

Majlis juga diserikan dengan nyanyian lagu tema WAGGGS dan lagu Asia Pasifik WAGGGS dari Persatuan Pandu Puteri Sekolah Rendah Yayasan Sultan

Haji Hassanal Bolkiah yang diketuai oleh cucunda baginda, YAM Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan YAM Pengiran Anak Hariisah Widadul Bolqiah.

Selain dari ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Perhimpunan Pemimpin-pemimpin 2005 Negara Brunei Darussalam ini juga disertai oleh ahli-ahli dari Australia, Mesir, Malaysia, Jepun, New Zealand dan Thailand. Projek yang bertemakan 'Facing Challenges and Opportunities In Good Faith' dikendalikan oleh Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah.

Perhimpunan yang berlangsung dari 3-10 Disember itu diisi dengan pelbagai aktiviti seperti sesi dialog bersama ahli-ahli WAGGGS dan membuat lawatan ke Taman Negara Ulu Temburong. Di samping itu para peserta perhimpunan ini juga menyertai aktiviti mencabar di Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Penanjong Garison, Tutong.

soalan mengikut peranan dan bidang tugas masing-masing yang disampaikan oleh Setiausaha-setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan di Kementerian berkenaan.

Simposium selama dua hari yang dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan ketua jabatan, penolong-penolong ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan bertujuan untuk mengetahui sejauh mana perkembangan perancangan strategik di setiap kementerian dan bagi mengetahui tahap peningkatan penjalanan hubungan strategik (strategic alliance) di antara kementerian-kementerian.

Program Pensejajaran telah mula diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam pada bulan Januari 2003 merupakan salah satu inisiatif kerajaan ke arah meningkatkan kualiti dan keberkesanan Perkhidmatan Awam.

Matlamat utama Program Pensejajaran untuk membentuk setiap agensi kerajaan bagi memastikan supaya setiap projek atau aktiviti yang dikendalikan di setiap kementerian adalah sejajar dengan hasrat Rancangan Kemajuan Negara dan juga matlamat Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21.

Sidang Kemuncak Khas OIC libatkan ramai cendekiawan

LAPORAN HAJI DAYANG BIN HAJI KASIM

dayang.kasim@information.gov.bn

DARI MEKAH AL-MUKARAMAH

MEKAH, Isnin, 5 Disember. - Kota Suci Mekah Al-Mukaramah akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Khas Ketiga Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) yang akan berlangsung pada 7 hingga 8 Disember ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan berangkat menghadiri sidang berkenaan.

Menurut laporan akhbar-akhbar utama di sini, sidang khas kali ini adalah berbeza daripada sidang sebelumnya kerana untuk kali pertama dalam sejarah OIC melibatkan ramai cendekiawan dan cerdik pandai Islam bagi perediaan agenda sidang kemuncak berkenaan.

Sidang ini yang bertujuan untuk mengembalikan semula harapan dan kepercayaan Islam yang telah hilang, segala laporan yang dihimpunkan dan disediakan telah dijadikan pelan strategik membina Islam untuk tempoh selama 10 tahun.

Laporan-laporan berkenaan menyentuh dan memperincikan cabaran-cabaran akan datang dan cadangan bagi mengatasi cabaran berkenaan. Antara lain resolusi berkenaan mengambil kira langkah penyelesaian melalui aspek

politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan sesebuah negara anggota.

Laporan itu juga dijangka sedemikian rupa dengan harapan akan menyediakan jalan bagi penyatuan dan kerjasama Islam yang lebih kukuh. Langkah sedemikian juga melambangkan bahawa negara-negara anggota OIC dan seluruh umat Islam umumnya telah menyedari kepentingan bagi mewujudkan strategi-strategi jangka panjang bagi mencapai tujuan dan sasaran bersama.

Sidang kemuncak itu juga dijangka akan difokuskan kepada isu-isu ekonomi dan cabaran yang dihadapi oleh negara-negara anggota seperti pengurangan kemiskinan dan peningkatan pengintegrasian perdagangan dan ekonomi.

Dalam hal ini, isu mengenai peruntukan dalam OIC juga akan menjadi perbincangan untuk membolehkan OIC berfungsi dengan mantap.

Satu lagi cabaran yang paling berat bagi OIC ialah berikutan had aktiviti per-ekonomian yang telah dikenakan oleh Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di kalangan negara-negara Islam yang menjadi ahli kepada WTO dan OIC.

Dalam hal ini OIC dalam sidang kali ini juga berusaha untuk cuba mengatasi halangan-halangan perdagangan dengan menghormati un-

dang-undang WTO khususnya dalam hal pentadbirannya.

Penubuhan tabung krisis dan tabung bagi umat Islam yang miskin oleh Bank Pembangunan Islam juga akan menjadi salah satu agenda yang akan dibincangkan. Juga dijangka akan ditekankan dalam agenda sidang ialah pengintegrasian kefahaman dan ideologi Islam yang perlu diperkukuhkan demi mengelakkan salah faham atau salah tafsir di kalangan umat Islam.

Dalam satu sidang akhbar bersama Setiausaha Agung OIC, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Ekmeleddin di Ibu Pejabat pertubuhan berkenaan di sini berkata, Kerajaan Arab Saudi juga telah memperuntukkan sebuah kawasan seluas 40 ribu kaki persegi bagi tapak pembinaan ibu pejabat kekal OIC di kawasan bersejarah, Khazama. Upacara meletakkan batu asas bangunan akan diadakan esok.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Hwang Won-Kun, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea, di Istana Nurul Iman pada 23 November lepas. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ketika berkenan menerima mengadap Puan Hwang Kum-Dun, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

PENETAPAN JAWATAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Disember. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan titah perintah supaya Awang Haji Abdul Majid bin Mangarshah, Pemangku Pengarah Biro Kawalan Narkotik ditetapkan dalam jawatan sebagai Pengarah Biro Kawalan Narkotik bermula hari Khamis, 28 Syawal 1426 bersamaan 1 Disember 2005.

UTAMAKAN MELANCONG DI NEGARA SENDIRI

اوتامكن ملنچوڤ دنڠارا سنديري

تدريمتكن اوله جياتن فرائڠن، جياتن فردان منترى دان دچيتق اوله جياتن فرچيقتن كراچان، جياتن فردان منترى، نڠارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

ANEKA

BILANGAN 49

RABU 7 DISEMBER 2005

رابطو 5 ذوالقعدة 1426

PERCUMA

SIDANG Kemuncak ASEAN Ke-11 dan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) akan berlangsung 11 - 14 Disember 2005. Sidang tersebut akan menemukan pemimpin-pemimpin 16 buah negara yang terdiri daripada sepuluh negara ASEAN, China, Jepun, Republik Korea serta India, Australia dan New Zealand. Tema sidang kali ini ialah 'Satu Visi, Satu Identiti dan Satu Komuniti'.

Tiga isu akan menjadi tumpuan dalam Sidang Kemuncak ASEAN kali ini iaitu ekonomi, politik dan sosial, di samping membincangkan bidang-bidang lain yang berkaitan masyarakat Asia.

ASEAN yang ditubuhkan pada tahun 1967 di Bangkok diasaskan oleh lima negara iaitu Malaysia, Thailand, Republik Indonesia, Republik Filipina dan Republik Singapura. Negara Brunei Darussalam menyertai ASEAN pada 8 Januari 1984, diikuti kemudiannya oleh Viet Nam pada 28 Julai 1995, Laos dan Myanmar pada 23 Julai 1997 dan Kemboja pada 30 April 1999.

Rantau ASEAN yang mempunyai penduduk kira-kira 500 juta orang dan mempunyai keluasan 4.5 juta kilometer persegi.

Matlamat utama penubuhan ASEAN ialah:

- * Memacu pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan pembangunan budaya di rantau ini menerusi usaha bersama dalam semangat keseksamaan dan perkongsian dalam usaha memanfaatkan asas bagi sebuah komuniti negara ASEAN yang aman dan makmur;

- * Mempromosi keamanan dan kestabilan serantau melalui rasa hormat terhadap keadilan dan peraturan undang-undang dalam hubungan negara serantau dan seterusnya mematuhi prinsip-prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(PBB).

Prinsip asas pertubuhan ini telah digariskan dalam Perjanjian dan Kerjasama Persahabatan (TAC) yang ditandatangani pada Sidang Kemuncak ASEAN yang pertama pada tahun 1976 di mana dalam perjanjian itu negara anggota perlu memelihara ikatan dan persahabatan negara anggota dan mematuhi beberapa garis panduan yang antaranya saling hormat-menghormati kemerdekaan, kedaulatan, keseksamaan, integriti wilayah dan identiti nasional negara masing-masing.

ASEAN mempunyai ruang yang begitu luas bagi mengembangkan usaha untuk merealisasikan integrasi ASEAN dengan keaktifan sektor perniagaan dalam mengembangkan dan memanfaatkan potensi memperkukuh lagi ekonomi ASEAN, di samping sokongan yang padu dari pemimpin-pemimpin ASEAN sendiri.

Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN (ASEAN - BIS) yang diadakan di Bali, Republik Indonesia pada tahun 2003 misalnya telah menjadi 'batu loncatan' yang kukuh dalam bidang ekonomi di mana sidang itu telah memberikan tumpuan mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan dalam ASEAN terutama status pelaksanaan kerjasama ekonomi dan mempertingkatkan inisiatif ekonomi baru ASEAN.

SIDANG KEMUNCIAK ASEAN KE-11 FOKUSKAN TIGA ISU PENTING

OLEH ZABAIDAH HAJI SALAT
zabaidah.salat@information.gov.bn



ASEAN - BIS juga telah bersepakat mencapai 'networking' di samping usaha ke arah memajukan perniagaan dalam usaha intra ASEAN dalam bidang ekonomi khususnya dengan negara luar ASEAN seperti Amerika Syarikat dan Eropah. Bidang industri yang sudah dikenal pasti dan diberikan keutamaan dalam ekonomi ASEAN seperti industri berasaskan kayu, pengangkutan, peralatan industri, automotif, bahan kimia dan plastik, bidang perbankan dan lain-lain. Selain itu sumber tenaga manusia, pendidikan, kesihatan, farmasi, teknologi informasi, tekstil dan barang-barang perhiasan juga dikenal pasti dapat meningkatkan ekonomi ASEAN.

ASEAN + 3

Tiga rakan ASEAN yang utama iaitu Republik

Rakyat China, Jepun dan Republik Korea (ASEAN + 3) adalah rakan kerjasama dalam membantu meningkatkan integrasi ASEAN. Republik Rakyat China misalnya telah dapat membantu ASEAN dalam melaksanakan Pakej Hasil Awal dalam kemajuan perdagangan mengenai Kawasan Perdagangan Bebas di mana ASEAN + China telah dapat melaksanakan pakej tersebut mengikut jadual yang telah dipersetujui, di mana langkah tersebut telah memberikan mesej yang positif kepada pelabur dan yang pasti ASEAN mampu bekerjasama dengan Republik Rakyat China dalam meningkatkan kerjasama ekonomi. Di samping Republik Rakyat China juga aktif di sektor kerjasama yang lain seperti pertanian dan tenaga, di mana kerjasama tersebut telah meningkatkan kesefahaman di kalangan penduduk ASEAN dan Republik Rakyat China serta memberikan pengetahuan dan kemahiran yang baru.

Selain dari bidang ekonomi ASEAN + China juga bekerjasama di bidang teknologi maklumat dan komunikasi, isu-isu keselamatan yang bukan tradisional, di samping menyertai Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC) yang mana China merupakan ne-

gara pertama di luar ASEAN yang berbuat demikian.

Jepun juga merupakan negara rakan ASEAN yang memberi sokongan yang kuat ke arah inisiatif bagi Integrasi ASEAN (IAI). Jepun merupakan rakan perdagangan yang penting ASEAN dan kejayaan kerjasama dengan Jepun adalah kritikal untuk perkembangan ekonomi ASEAN. Dalam hubungan ini, Rangka Kerja Bagi Perkongsian Komprehensif Ekonomi (CEP) di antara ASEAN dan Jepun telah dimeterai. Negara ini juga telah memainkan peranan utama di bidang kerjasama tenaga di rantau ini, di samping membantu pembangunan beberapa Kawasan Perkembangan Serantau di ASEAN, termasuklah BIMP-EAGA, terutama sekali pelaburan tenaga manusia untuk memudahkan pengaliran perdagangan serta mengurangkan kos perniagaan di kawasan tersebut.

Manakala Republik Korea juga merupakan penyokong utama kepada aktiviti-aktiviti ASEAN, di mana banyak kemajuan telah dicapai terutama dalam perdagangan, pelaburan, pelancongan, pembangunan, kerjasama dan program pembangunan sumber tenaga manusia. Republik Korea juga merupakan penyumbang utama dalam projek penting di dalam Pelan Kerja IAI.

ASEAN dan Republik Korea akan terus dapat

memperluas dan mempertingkatkan lagi kerjasama ekonomi yang sedia ada terutama dengan sokongan negara itu dalam cadangan untuk menubuhkan mekanisme bagi Menteri-Menteri Ekonomi dan menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN - Korea (FTA).

Republik India juga merupakan rakan dalam kerjasama ASEAN - India. Negara ini telah menandatangani perjanjian dalam Rangka Kerja Mengenai Kerjasama Ekonomi yang komprehensif. Perjanjian ini telah memberikan peluang-peluang baru bagi memperluaskan kerjasama ekonomi meliputi perdagangan, barangan, perkhidmatan teknologi maklumat dan perhubungan dan pelaburan. Dalam hal ini Majlis Perniagaan ASEAN - India telah ditubuhkan.

Di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 juga akan diselenggarakan dengan Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Ke-9, Sidang Kemuncak ASEAN + India Ke-4 dan Sidang Kemuncak ASEAN + Russia Pertama. Selain itu Kuala Lumpur juga akan menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-2 dan Sidang Kemuncak Segitiga Pertumbuhan Indonesia - Malaysia - Thailand (IMT-GT), di samping itu Kuala Lumpur juga akan mengadakan Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2005.

SIDANG KEMUNCIAK EAS

Sementara Sidang Kemuncak EAS Pertama yang akan berlangsung selepas Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 adalah atas inisiatif Malaysia yang mempunyai matlamat yang kukuh untuk mewujudkan sebuah kumpulan serantau yang aman, makmur dan maju untuk pembangunan semua penduduk di rantau ini.

Sidang ini dijangka akan membincangkan isu-isu berkaitan politik, ekonomi dan juga keselamatan. Selain itu isu-isu serantau dan juga antarabangsa yang berkaitan serta mempunyai kesan kepada rantau Asia Timur juga akan dibincangkan.

EAS akan menjadi akar umbi untuk mendorong kepada penubuhan Komuniti Asia Timur (EAC) yang bertitik tolak daripada beberapa perkembangan global yang akan membina hubungan ekonomi dan perdagangan bebas serta aktiviti ekonomi yang lebih baik dan Asia Timur merupakan satu rantau yang pesat berkembang dengan kehadiran masyarakatnya yang pelbagai etnik, agama dan budaya.

Sidang pertama yang akan disertai sama oleh negara-negara ASEAN, Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, India, Australia dan New Zealand akan terus menjadi satu lagi penggerak kepada integrasi ASEAN.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama para pemimpin ASEAN yang lain di Sidang Kemuncak ASEAN - INDIA yang berlangsung di Phnom Penh, Kemboja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menandatangani Deklarasi Vientiane di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 di Vientiane, Laos pada bulan November 2004.

GEJALA SOSIAL DAN KEMISKINAN

'Perlu ditangani secara lebih mantap dan bersepadu'

OLEH SAHARI AKIM

sahari.akim@information.gov.bn

GEJALA sosial dan kemiskinan merupakan dua isu yang turut melanda sebilangan masyarakat kita. Kedua-dua isu ini sering disebut dan semakin meningkat dari setahun ke setahun. Ia bukan sahaja mendapat perhatian dari para pemimpin malah masyarakat umum.

Usaha menangani isu tersebut sewajarnya dipertingkatkan bukan sahaja oleh agensi-agensi berkenaan dalam kerajaan, malah semua peringkat dan sektor dalam masyarakat termasuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan seumpamanya.

Banyak faktor yang menjadi penyebab berlakunya keadaan tersebut. Kedua-dua isu itu juga berkait rapat antara satu sama lain. Catatan menunjukkan terdapat sebilangan yang termasuk dalam kategori orang miskin itu terdiri dari individu atau keluarga yang bermasalah sosial.

Sebaliknya sebilangan individu dari keluarga yang susah dan bermasalah serta tidak terurus dari segi pendidikan dan pengetahuan agama juga boleh terjerumus ke kancang gejala sosial.

Ruangan FOKUS kali ini akan membincangkan secara ringkas kedua-dua isu di atas dengan memberikan penumpuan kepada isu kemiskinan kerana isu sosial telah pernah ditulis dalam ruangan ini.

GEJALA SOSIAL

Secara ringkas isu gejala sosial melanda masyarakat moden tidak terkecuali di negara kita ini terutama golongan remaja. Antara gejala sosial yang dihadapi termasuklah pergaulan bebas, samseng, rompak, penipuan, penderaan, sumbang mahram, penyalahgunaan dadah, minum arak dan pelbagai lagi.

Melalui kajian yang dibuat oleh pihak berkenaan, gejala-gejala tersebut antaranya adalah disebabkan oleh pengaruh kehidupan moden, kurang pendidikan, kurang disiplin, kurang pengetahuan agama, keluarga yang bermasalah, pengaruh persekitaran dan kawan-kawan, pengaruh media, kurang pengelilingan dan pemantauan oleh keluarga dan seumpamanya.

Dalam hal ini semua pihak perlu meningkatkan usaha menanganinya secara

bersepadu. Ibu bapa perlu memberikan kasih sayang dan didikan sempurna kepada anak-anak. Mereka perlu diasuh dengan disiplin, adat resam, tatasusila dan nilai-nilai murni kehidupan.

Selain dari itu anak-anak juga perlu diberikan pengetahuan agama yang sempurna. Insya-Allah ia akan dapat menjadi benteng kepada mereka dari terpengaruh atau terjebak dengan perkara-perkara negatif yang bukan sahaja akan merosakkan kehidupan mereka, malah akan membebaskan keluarga.

Pada masa yang sama, negara juga terancam dengan kegiatan-kegiatan negatif itu, di samping terpaksa menanggung beban dari segi kos pengawalan dan pemulihan. Ramainya golongan bermasalah ini juga boleh menjejaskan keharmonian, keamanan, kesejahteraan dan pembangunan negara.

Ke arah itu semua pihak harus bertanggungjawab dalam menangani isu-isu gejala sosial ini supaya dapat dikurangkan dari terus berleluasa. Usaha menanganinya bukan sahaja dibebankan kepada agensi-agensi kerajaan malah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, pemimpin-pemimpin masyarakat dan orang ramai juga hendaklah turut sama berusaha menanganinya.

Program-program dan strategi perlu disusun secara lebih mantap dan berkesan. Kesedaran perlu ditanamkan kepada masyarakat umum melalui pendidikan, ceramah seminar, kursus-kursus sivik, di samping memperbanyakkan aktiviti-aktiviti berkegiatan yang boleh menjurus masyarakat

memamalkan cara hidup sihat dan positif.

KEMISKINAN

Pada masa lampau, fakir miskin di negara ini kebanyakannya terdiri dari orang-orang tua, penghidap-penghidap penyakit, orang-orang yang cacat anggota dan akal, balu-balunya yang menyara ramai tanggungan dan anak-anak yatim piatu. Mereka yang susah ini bergantung kepada bantuan kebajikan dan wang zakat.

Akhir-akhir ini kita dikejutkan dengan bertambahnya penerima bantuan dan wang zakat terdiri dari mereka yang dalam lingkungan umur serta mempunyai tubuh badan yang sihat untuk bekerja dan menyara kehidupan.

Golongan di atas terdiri mereka yang bermasalah sama ada terlibat dalam jenayah, gejala sosial yang menjadikan mereka menganggur dan tidak mempunyai pekerjaan atau pendapatan. Sebilangan mereka ini pula sepatutnya perlu menyara isteri dan anak-anak.

Sebilangan lagi penerima bantuan kebajikan dan wang zakat terdiri wanita-wanita yang mengalami perceraian atau suami mereka bermasalah. Disebabkan tidak mempunyai mata pencarian dan terpaksa pula memikul tanggungjawab menyara anak-anak maka mereka memerlukan bantuan kebajikan dan wang zakat.

Apa yang lebih membimbangkan ialah terdapat sebilangan anak-anak muda dan murid sekolah yang juga turut bergantung kepada bantuan tersebut. Keadaan ini sepatutnya tidak



berlaku terutama kepada anak-anak muda yang segar-bugar dan berupaya untuk menjalankan sebarang usaha dan pekerjaan.

SENARIO

Dari senario di atas kita dapat melihat faktor-faktor penyebab berlakunya kemiskinan di kalangan masyarakat di negara ini. Ada di antara penerima bantuan dan wang zakat itu disifatkan sebagai 'wajar' dan ada pula di antaranya yang tidak sepatutnya berlaku.

Bagi mereka yang benar-benar tidak berkemampuan dari segi fizikal untuk mencari nafkah atau menyara keluarga yang ramai tanpa pendapatan mencukupi disebabkan keadaan yang munsabah, maka itu masih boleh dianggap wajar.

Apa yang tidak 'wajar' ialah mereka yang mempunyai tubuh badan dan mental yang sihat tetapi terjebak dengan gejala sosial atau menganggur, malas dan memilih kerja. Usaha perlu dilakukan untuk mengubah sikap seperti ini dengan memberikan kesedaran dan seterusnya menjurus mereka untuk bersikap positif.

Kesedaran perlu diberikan supaya mereka bersemangat maju, berdaya dan rajin berusaha, mencari pekerjaan, tidak melibatkan diri dengan gejala-gejala sosial, di samping menghindari dari sifat terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan.

Seperkaranya lagi yang patut dielakkan oleh masyarakat kita ialah sikap atau budaya terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan terutama bagi mereka yang mampu bekerja. Janganlah menganggap bahawa bantuan kebajikan dari agensi-agensi kerajaan itu sebagai jalan keluar

untuk mengatasi masalah.

Kita difahamkan bahawa penerima yang mempunyai keluarga yang agak ramai menerima bantuan bulanan agak besar jumlahnya, boleh dikatakan setara dengan gaji seorang buruh atau pekerja peringkat bawah.

Keadaan tersebut membuatkan sebilangan orang sentiasa berasa 'selesa' dan berterusan bergantung kepada bantuan selain menjadikan mereka malas untuk mencari pekerjaan tetap. Ada di antaranya lebih suka mencari pendapatan sambilan untuk menambah bantuan yang diterima berbanding mencari pekerjaan tetap kerana takut bantuan akan dipotong.

Menyentuh mengenai pelbagai bantuan kebajikan ini, jika kita perhatikan sebilangan masyarakat sudah tidak lagi berasa 'sega' atau malu untuk memohon bantuan meskipun mereka masih mampu untuk bekerja. Memohon bantuan kebajikan sudah dianggap perkara 'biasa' atau semacam 'hak' yang perlu didapatkan dari kerajaan dan pihak-pihak berkenaan.

Sesetengah pemohon pula cuba mencari pelbagai alasan agar dapat memenuhi syarat dan dikategorikan sebagai penerima. Apa yang perlu difahami oleh pemohon ialah dari segi 'hukum' dan ajaran agama' termasuk dari segi 'moral' kerana bantuan tersebut merupakan 'hak' mereka yang benar-benar berhak.

Terutama bagi agihan zakat, pemohon mestilah benar-benar berhak dan termasuk dalam asbab yang ditentukan. Perlu diingat bahawa agihan zakat itu adalah hak bagi fakir miskin dan mereka yang termasuk dalam asbab penerima. Bagi mereka yang tidak berhak

maka adalah berdosa dan haram mengambil hak orang lain.

BERTAMBAH

Jumlah fakir miskin di negara ini bertambah dari setahun ke setahun. Dari 13,298 orang pemohon yang layak dikategorikan fakir miskin pada tahun lepas meningkat kepada 19,420 pada tahun ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dalam satu temu bual menyatakan usaha sedang dan akan dijalankan antaranya termasuk mengkaji semula skim-skim yang sedia ada di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) untuk menjadikan bantuan kepada fakir miskin tersebut sebagai Skim Bantuan Tetap Bulanan selama dua tahun.

Yang Berhormat menjelaskan, penelitian rapi akan dibuat ke atas kelayakan seramai 19,420 itu bagi memastikan adakah mereka benar-benar tergolong dalam asbab fakir miskin.

Pada masa yang sama usaha ke arah mengeluarkan mereka dari kemiskinan ialah mengenal pasti dari jumlah tersebut majoritinya adalah dalam lingkungan orang yang boleh bekerja atau masih mempunyai pekerjaan tetapi tidak mempunyai kecukupan kerana mempunyai tanggungan yang ramai.

Apa yang perlu dipastikan, jelas Yang Berhormat, mereka tidak selamanya miskin atau berterusan tersenarai sebagai fakir miskin sehingga membawa kepada generasi atau zuriat mereka akan datang.

Mengenai kadar atau sukat-sukat kategori kemiskinan bagi negara ini, kita tidak mempunyai garis panduan yang muktamad. Bagaimanapun pihak MUIB dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menggunakan kaedah, um-

pamanya keperluan asas (makan) seseorang itu sekurang-kurangnya \$60.00 seorang, wang saku sekitar \$200.00 setiap ketua keluarga dan keperluan anak sekolah \$60.00 sebulan.

Bagi tujuan penjimatan, agihan zakat harta yang biasanya diberikan bersama zakat fitrah dalam bulan Ramadan akan dibayar secara bulanan (selama 12 bulan) yang keseluruhannya berjumlah \$10 juta.

Setiap ketua keluarga akan menerima agihan hasil zakat harta sebanyak \$1,200.00 setahun dan tanggungannya menerima \$360.00. Bermakna dalam masa sebulan ketua keluarga akan menerima \$100.00 dan tanggungan sebanyak \$25.00 sebulan selama setahun. Ia akan diteruskan pada tahun hadapan jika mereka masih tersenarai.

Selain dari agihan zakat, fakir miskin dan mereka yang tidak berkemampuan di negara ini juga menerima bantuan bulanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

KESIMPULAN

Melihat kepada senario di atas maka kaedah dan mekanisme perlu dicari untuk mengeluarkan mereka dari kategori kemiskinan. Bagi mereka yang tidak mempunyai pekerjaan, usaha melalui pelbagai pihak hendaklah dibuat untuk memberikan mereka pekerjaan sama ada di sektor awam atau swasta.

Sebilangan lagi perlu dijurus dan dibimbing untuk berusaha atau berdaya mengikut kecenderungan dan kebolehan masing-masing sama ada berniaga secara kecil-kecilan, bertani, bertukang, menjadi nelayan, berusaha dalam penghasilan produk, bergiat dalam bidang masakan, jahitan dan sebagainya.

Akhirnya: Bijak bistari menyatakan, 'jika diberikan ikan pasti akan habis, tetapi dengan memberikan pancing mereka akan berterusan memanfaatkannya'.



ORANG ramai adalah diingatkan agar tidak bermain kikir atau layang-layang di kawasan larangan terutama sekali kawasan turun naik kapal terbang dan pesawat helikopter. LENSEA PELITA sempat merakamkan sebuah kikir diterbangkan di kawasan berkenaan (seperti dalam gambar).


Untuk pengetahuan ramai, adalah menjadi kesalahan jika kikir diterbangkan di lingkungan lima kilometer kawasan turun naik kapal terbang dan pesawat helikopter. Mereka yang didapati berbuat demikian akan dikenakan denda tidak melebihi dari \$3,000.00 di bawah Akta Perjalanan Udara (Penggali 113).

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN

Bahagian II

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Pemprosesan Tarikan Balik Cukai (Drawback) dan Pulangan Balik (Refund)	60 hari
2.	Pemprosesan Deklarasi (Di Long Room)	1 hari



APABILA KITA DIUJI ALLAH, BERDOA DAN BERTAUBATLAH KEPADA-NYA

Di antaranya bencana alam seperti kemarau, banjir, gempa bumi, tanah runtuh dan sebagainya ataupun ianya dari perbuatan manusia itu sendiri seperti kelesetan ekonomi, kebakaran dan sebagainya ataupun wabak penyakit seperti taun dan yang menjadi kegemparan dunia sekarang ialah Selesema Burung.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa pada masa ini, wabak penyakit Selesema Burung yang juga dikenali sebagai 'Avian Influenza' sedang melanda beberapa buah negara di dunia ini. Penyakit Selesema Burung ialah sejenis penyakit berjangkit yang boleh menjejaskan kesihatan serta mendatangkan kematian pada ternakan ayam dan pelbagai jenis burung peliharaan termasuk angsa, itik dan lain-lain yang disebabkan oleh Virus Influenza Type A.

Menurut sumber dari Kementerian Kesihatan bahawa penyakit tersebut juga boleh berjangkit kepada manusia dan orang yang berisiko tinggi untuk dijangkiti ialah mereka yang terdedah secara langsung dengan haiwan yang telah dijangkiti seperti tinggal berdekatan atau bekerja di ladang ternakan, rumah penyembelihan dan pasar. Tanda-tanda penyakit Selesema Burung itu ialah panas badan, sakit tekak atau kerongkong, selesema, batuk, jangkitan mata serta sesak atau susah bernafas.

Berikutan merebaknya

penyakit berbahaya tersebut di kebanyakan negara di dunia ini, Negara Brunei Darussalam melalui pihak-pihak bertanggungjawab telah mengambil tindakan dan usaha bagi mengelakkan penyakit tersebut merebak ke negara ini. Di antara langkah-langkah yang telah diusahakan ialah membuat pemantauan bagi memastikan penduduk di negara ini tidak dijangkiti oleh wabak Selesema Burung dengan memperketatkan lagi kawalan kemasukan haiwan serta kawalan kuarantin iaitu dengan mengharuskan kemasukan ayam, itik, jenis-jenis burung dan telur serta menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan di ladang ayam bagi tujuan pemantauan telah giat dijalankan dalam usaha mencegah dari merebaknya penyakit tersebut kepada ternakan-ternakan negara ini.

Alhamdulillah, menurut maklumat yang diperolehi dari Kementerian Kesihatan sehingga kini tidak terdapat kes Selesema Burung yang dikesan di negara ini. Walau bagaimanapun, sebagai langkah berhati-hati dan berwaspada kita ditekankan untuk menjaga kebersihan diri, kawasan rumah serta ladang-ladang ternakan dan persekitarannya. Semangnya perkara menjaga kebersihan ini telah diitikberatkan oleh ajaran agama Islam sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Taubah ayat 108 tafsirnya:

"Dan Allah mengasihi

orang-orang yang membersihkan diri mereka zahir dan batin."

Dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

"Dari Abi Malik Al-Asy'arie berkata: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Kebersihan itu sebahagian dari iman." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Itulah di antara hikmat-hikmat kenapa agama Islam memerintahkan kita supaya menjaga kebersihan.

Di samping kita mempercayakan tentang penyakit Selesema Burung, elok juga rasanya kita menambah maklumat dan pengetahuan kita. Sebagaimana sumber yang diperolehi dari Kementerian Kesihatan menyatakan penyakit Influenza itu bermacam-macam dan telah menyebabkan jutaan manusia di dunia ini meninggal dunia antaranya:

1. Spanish Flu yang telah berlaku pada tahun 1918, mengorbankan seramai 40 hingga 50 juta orang;

2. Asean Flu yang telah berlaku pada tahun 1957, mengorbankan seramai empat hingga lima juta orang;

3. Hongkong Flu yang telah berlaku pada tahun 1968, telah mengorbankan seramai empat hingga lima juta orang.

Dalam kita menghadapi segala ujian dan bala daripada Allah, kita perlulah bersabar dan kembali kepada Allah Subhanahu Wataala dengan memohon perlindungan daripada-Nya, begitulah juga dalam keadaan kita menghadapi wabak Selesema Burung di mana kita telah berusaha memohon perlindungan dari Allah Subhanahu Wataala iaitu dengan mengadakan Sembahyang Sunat Hajat Tolak Bala dan doa khas pada setiap selepas Sembahyang Fardu Maghrib dan sebelum Sembahyang Fardu Jumaat di masjid-masjid dan surau-suru serta balai ibadat seluruh negara dibacakan pada setiap sembahyang. Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Az-Zumar ayat 8 tafsirnya:

"Dan apabila manusia disentuh oleh sesuatu

bahaya, ia segera berdoa kepada Tuhannya dengan keadaan rujuk kembali bertaubat kepada-Nya, kemudian apabila Allah Subhanahu Wataala memberikan sesuatu nikmat sebagai kurnia daripada-Nya, lupalah ia akan segala bahaya yang menyebabkannya merayu kepada Allah sebelum itu dan ia pula menjadikan sekutu-sekutu bagi Allah, untuk menyesatkan dirinya dan orang lain dari jalan Allah."

Daripada ayat tersebut dapatlah kita mengambil kesimpulan, apabila kita diuji oleh Allah Subhanahu Wataala kita hendaklah kembali kepada hukum-hukum Allah, berserah diri kepada-Nya dengan berdoa, beristighfar serta bertaubat kepada-Nya semoga kita tidak termasuk ke dalam golongan orang-orang yang lalai dan ingkar. Di samping itu kita wajib taat dan menaati segala suruhan-Nya dengan melaksanakan amal ibadat dengan penuh keikhlasan kerana Allah Subhanahu Wataala dan bagi mendapat keredhaan-Nya. Dan apabila kita selamat dari ujian Allah Subhanahu Wataala itu, kita hendaklah bersyukur dan jangan kufur kepada-Nya ibarat kata semasa susah ingat Allah, tetapi di kala senang lupa segala-galanya.

Akhirnya marilah kita sama-sama berdoa dan memohon hidayah dan rahmat dari Allah Subhanahu Wataala semoga diri kita, ahli keluarga kita, negara dan umat Islam seluruhnya mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wataala serta selamat dari segala bala bencana. Amin ya Rabbalalamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 214 tafsirnya:

"Mereka telah ditimpa kepapahan kemusnahan harta benda dan serangan penyakit, serta digoncangkan oleh ancaman bahaya musuh, sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersertanya: Bilakah datangnya pertolongan Allah? Ketahuilah, sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah."

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala telah mengingatkan di dalam Al-Quran bahawasanya kehidupan dunia ini hanyalah merupakan permainan dan hiburan. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-An'am ayat 32 tafsirnya:

"Dan tidak dinamakan kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan."

Kehidupan inilah yang banyak menyebabkan manusia lalai dan lupa diri

dari mengingat Allah Subhanahu Wataala kerana sifat manusia itulah Allah Subhanahu Wataala telah mengutus Nabi dan Rasul bagi memberikan peringatan supaya mereka bertaubat dan beramal salih. Tetapi masih juga ada di antara manusia yang ingkar dan berlaku sombong di muka bumi ini, tidak mahu mengikut perintah Allah Subhanahu Wataala. Maka kerana itu Allah Subhanahu Wataala menukarkan bala bencana sebagai cubaan dan dugaan agar manusia tidak lalai berterusan dan akan insaf terhadap apa yang mereka lakukan. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ar-Ruum ayat 41 tafsirnya:

"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia: Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan

mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat."

Sesungguhnya bala yang ditimpakan ke atas manusia bukanlah semata-mata bertujuan untuk menghukum golongan yang zalim dan ingkar terhadap perintah Allah Subhanahu Wataala sahaja tetapi juga sebagai ujian dan peringatan kepada orang-orang yang beriman. Oleh itu sebagai orang yang beriman hendaklah bersabar dan reda terhadap qadad dan qadar Allah Subhanahu Wataala dan anggaplah ujian tersebut sebagai cubaan dan ujian untuk memantapkan lagi keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wataala.

Adapun ujian atau bala yang ditimpakan Allah Subhanahu Wataala ke atas manusia itu ada bermacam-macam keadaan.

وقت سمبهيڤ، امساک، شوروک دار حضر

وقت ۲ سمبهيڤ، امساک، شوروک دار حضر باکي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 5 ذوالقعدة، 1426 برسمان دغن 7 ديسمبر، 2005 هيفگ کهاري ثلاث، 11 ذوالقعدة، 1426 برسمان دغن 13 ديسمبر، 2005 اداله سمرت دباوه اين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروک	ضحی	مسيحي
نوالقعدة									ديسمبر
5	12.13	3.35	6.08	7.22	4.43	4.53	6.15	6.40	7
6	12.13	3.35	6.08	7.22	4.44	4.54	6.16	6.41	8
7	12.14	3.36	6.08	7.23	4.44	4.54	6.16	6.41	9
8	12.14	3.36	6.09	7.23	4.44	4.54	6.17	6.42	10
9	12.15	3.37	6.09	7.24	4.45	4.55	6.17	6.42	11
10	12.15	3.37	6.10	7.24	4.45	4.55	6.18	6.43	12
11	12.16	3.38	6.10	7.25	4.46	4.56	6.18	6.43	13

وقت ۲ سمبهيڤ باکي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڤ فرض جمعة دسلوروه نگارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تهايري.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 215 Bahagian Pertama

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

HUKUM sembahyang berjemaah dalam sembahyang fardu, selain daripada fardu Jumaat, adalah sunat mu'akkadah bagi golongan lelaki. Sembahyang berjemaah yang dikerjakan oleh orang lelaki di masjid pula adalah lebih afdal daripada sembahyang yang dikerjakannya di tempat-tempat lain. Menurut qawl Imam Syafi'e dan ulama-ulama Syafi'e, kanak-kanak lelaki hendaklah disuruh dan digalakkan untuk hadir ke masjid dan berjemaah dalam sembahyang untuk membiasakannya.

Adapun fadilat dan ganjaran mengerjakan sembahyang fardu dengan berjemaah adalah sangat banyak dan telah diketahui umum. Antaranya hadis riwayat Ibnu Umar Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sembahyang berjemaah itu lebih afdal dari sembahyang seorang diri dengan dua puluh tujuh darjat." (Hadis riwayat Muslim).

Terhasil berjemaah dalam sembahyang itu dengan dua orang, iaitu seorang imam dan seorang makmum, ataupun lebih dari itu. Ini berdasarkan hadis riwayat Abu Musa Al-Asy'ari yang maksudnya:

"Dua orang dan lebih

dari itu adalah jemaah." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

WANITA SEMBAHYANG BERJEMAAH DI MASJID

Menurut Imam An-Nawawi, hukum berjemaah bagi golongan perempuan sesama mereka juga adalah sunat. Manakala untuk hadir ke masjid bersama-sama golongan lelaki, hukumnya makruh bagi wanita-wanita yang mempunyai hai'at (yang mempunyai daya tarikan) kerana untuk mengelakkan fitnah. Oleh kerana itu sembahyang orang perempuan di rumahnya adalah lebih afdal daripada sembahyang di masjid.

Sembahyang jemaah perempuan dengan berimamkan seorang lelaki pula adalah lebih afdal daripada berimamkan seorang perempuan, kerana imam lelaki lebih mengetahui mengenai perkara dalam sembahyang dan lebih jelas bacaannya dalam semua hal. Akan tetapi seorang perempuan tidak boleh berjemaah dengan seorang imam lelaki yang tiada hubungan mahram antara keduanya.

Menurut Imam Asy-Syirazi, hukum seorang lelaki yang bersembahyang dengan seorang perempuan ajnabiyah adalah makruh. Imam An-Nawawi seterusnya menerangkan bahawa makruh yang dimaksudkan di atas adalah makruh karahah tahrim. Maka seorang lelaki yang mengimamkan seorang perempuan ajnabiyah dan berseendirian dengannya, hukumnya adalah haram ke atasnya dan ke atas perempuan tersebut.

Menurut ulama Syafi'e, jika perempuan itu seorang yang sudah berumur (tua) dan tidak menarik perhatian, maka tidak makruh baginya hadir berjemaah ke masjid. Adapun perempuan muda atau yang boleh menarik perhatian, maka hukumnya adalah makruh.

Terdapat beberapa hadis sahih yang menyebut tentang kehadiran jemaah wanita ke masjid di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Akan tetapi ini tertakluk juga dengan syarat dan keadaan tertentu. Antara hadis tersebut, daripada Hindun binti Al-Harith berkata bahawa Ummu Salamah isteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi-

tahunya yang maksudnya:

"Bahawa wanita-wanita di zaman Rasulullah jika setelah selesai dari sembahyang fardu mereka, mereka segera pulang. Sedangkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam masih tinggal bersama kaum lelaki dengan kehendak Allah jua. Setelah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berdiri, barulah mereka (kaum lelaki) berdiri pula." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Manakala hadis dari 'Aisyah Radiallahuanha pula yang maksudnya:

"Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sembahyang fardu (Sembahyang Subuh), maka perempuan-perempuan mukminat menyaksikan bersama Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, kepala mereka terselubung dalam tudung (tutup kepala), kemudian mereka pulang ke rumah masing-masing dan seorang pun tidak mengetahui mereka." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah menyebutkan bahawa jika kaum wanita yang meminta izin dari suami

mereka untuk hadir ke masjid, maka hendaklah suami tersebut mengizinkan isterinya pergi dan janganlah menegahinya. Dari Ibnu 'Umar Radiallahuanhuma Rasulullah bersabda yang maksudnya:

"Jika isteri-isteri kamu meminta izin dari kamu untuk pergi ke masjid, maka izinkanlah mereka." (Hadis riwayat Muslim).

Akan tetapi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan orang perempuan agar tidak memakai wangian sebagaimana hadis daripada Zainab isteri Abdullah bin Mas'ud yang maksudnya:

"Apabila salah seorang di antara kamu ingin sembahyang di masjid, maka janganlah kamu memakai wangian." (Hadis riwayat Muslim).

Sungguhpun di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kaum wanita hadir ke masjid, terdapat juga hadis yang kurang menggalakkan kehadiran mereka, seperti mana riwayat dari 'Amrah bin

'Abdur Rahman bahawa 'Aisyah Radiallahuanha berkata yang maksudnya:

"Andai kata Rasulullah mengetahui apa yang dilakukan wanita sekarang, nescaya Baginda lebih melarang mereka untuk pergi ke masjid, sebagaimana wanita Bani Israil telah dilarang. Aku (Yahya) bertanya kepada 'Amrah: Apakah kaum perempuan Bani Israil itu dilarang berbuat demikian itu? Dia ('Aisyah) menjawab: Ya." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Sembahyang berjemaah bagi kaum wanita di rumah mereka adalah lebih afdal dari hadir berjemaah di masjid berdasarkan hadis dari Ibnu 'Umar Radiallahuanhuma Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Janganlah kamu menegah kaum wanita kamu (hadir) ke masjid, akan tetapi rumah-rumah mereka itu adalah lebih baik bagi mereka (daripada hadir ke masjid)." (Hadis riwayat Abu Daud).

BERSAMBUNG

IKHLAS SIFAT UTAMA DALAM BERAMAL

SELAIN daripada suruhan memperbanyakkan amal kebajikan, Islam juga cukup mengambil perhatian yang amat besar terhadap niat ikhlas yang menyertai amal perbuatan seseorang. Mengeluarkan derma umpamanya atau memberikan sesuatu kepada orang lain yang memerlukan merupakan amal perbuatan yang baik. Namun terdapat juga sesetengah orang yang mengeluarkan sedekah atau derma kepada orang lain, dengan tujuan supaya dirinya dianggap sebagai seorang yang dermawan. Tetapi sifat dermawan yang didoroi untuk kepentingan dunia, menurut pandangan Islam, tidaklah termasuk sebagai sedekah, kerana sedekah yang benar-benar ikhlas adalah didorong dari hati yang bersih dan suci daripada kekotoran jiwa dan semata-mata mengharap keredaan Allah Subhanahu Wataala. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Insaan ayat 9 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Kami memberikan makanan kepada kamu hanyalah untuk mengharapkan keredaan Allah, dan Kami tidak menghendaki balasan dari kamu dan tidak pula mengharapkan ucapan terima kasih."

Adapun ikhlas dalam membuat amal kebajikan kerana Allah Subhanahu Wataala semata-mata, merupakan syarat diterima-Nya amal ibadat tersebut, kerana ikhlas

adalah roh sesuatu amal sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Allah tidak menerima sesuatu amalan, kecuali amalan yang ikhlas dan untuk mencari keredaan Allah."

Oleh sebab itu, sedekah atau pemberian derma yang tidak disertakan dengan rasa ikhlas adalah tidak diterima dan merupakan perbuatan yang sia-sia. Islam sangat memandang mulia kepada seseorang Muslim yang dapat mengalahkan sifat bakhil yang ada di dalam jiwanya dengan mengeluarkan sedekah. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Taghaabun ayat 16 yang tafsirnya:

"Maka bertakwalah kamu kepada Allah menurut kesanggupan kamu, dengarlailah dan taatlailah dan nafkahkanlah nafkah yang baik untuk diri kamu. Dan barangsiapa yang dipelihara dari kebakhilan dirinya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung."

Di sebalik itu pula, Islam sangat-sangat

memandang rendah dan hina terhadap seseorang Muslim yang mempunyai sifat bakhil yang boleh menyesatkan. Oleh sebab itu adalah sangat wajar bagi kita sebagai orang-orang Islam menyingkirkan sifat bakhil dari hati kita, supaya nanti kita akan mendapat kebaikan di dunia dan akhirat.

Jika sifat tamak dan bakhil telah menguasai jiwa dan hati manusia, maka dengan sendirinya manusia tersebut tidak akan merasa puas dengan apa yang telah dimilikinya. Andai kata semua yang ada di dunia ini diberikan kepadanya, maka semakin susahlah lagi baginya untuk membelanjakan hartanya yang melimpah ruah itu. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Israa' ayat 100 yang tafsirnya:

"Katakanlah: Kalau seandainya kamu memiliki gudang-gudang perbendaharaan rahmat Tuhan kamu, nescaya kamu akan menahannya, kerana kamu takut untuk mengeluarkannya. Dan adalah manusia

منجوكر ريسان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

itu tersangatlah bakhilnya."

Harta adalah semata-mata barang pinjaman yang boleh berpindah dari seorang kepada seorang yang lain. Tegasnya, harta kita boleh berpindah kepada orang lain dan harta orang lain pula boleh berpindah kepada kita. Dalam hal ini tidak seorang pun yang dapat tahu dengan pasti, apakah harta yang lebih dulu meninggalkan kita atau kitakah yang lebih dulu meninggalkan harta. Oleh kerana itu, amat rugilah orang-orang yang hidupnya terlalu bergantung kepada harta benda semata-mata, hinggalah ada sesetengah orang yang sanggup mempergunakan nyawanya untuk mendapatkan harta yang hanya bersifat fana, namun tidak mampu menolong dirinya di akhirat kelak.

MENARUH HARAPAN PADA YANG MUDA

PEPATAH Melayu ada mengatakan bahawa 'sekali air bah, sekali penatai berubah'. Begitu indah sekali pepatah tersebut diciptakan oleh orang-orang tua-kitani yang mengungkapkan perjalanan hidup manusia, khususnya perubahan yang dilalui oleh seseorang atau sebuah masyarakat. Sememangnya orang-orang tua kitani pada waktu dulu sudah dapat meramal keadaan yang akan berlaku secara rambang khususnya kejadian yang akan berlaku terhadap mereka sendiri.

Semua itu adalah bersebab daripada pengalaman yang telah mereka lalui. Pergantungan hidup terhadap alam semesta memang tidak dapat dielakkan khususnya sebagai anggota masyarakat. Bagi mereka yang bertani akan meneroka hutan belantara dan bukit-bukau. Bagi yang hidup sebagai nelayan akan meneroka laut dalam dan tuhur serta sungai mencari pegantungan penghidupan. Dengan kata lain, mereka melihat alam sebagai penentu arah serta pedoman dalam segala segi penghidupan mereka yang pastinya ditempuh dengan penuh cabaran dan dugaan.

PEPATAH

Untuk menghadapi itu semua, orang-orang tua kitani jua telah mencipta pepatah 'kalau takut dilambungkan ombak, jangan berumah di tepi pantai'. Pepatah ini sangat menuntut semua lapisan masyarakat untuk banyak bersabar atau 'berjagung-jagung dahulu, sementara menunggu padi masak'. Pokoknya, semua penghidupan pada zaman dulu itu diserikan dan diindahkan dengan kata-kata pepatah, bidalan dan sebagainya untuk melambungkan kesukaran dan kemudahan sesuatu pekerjaan atau keadaan.

Kebijaksanaan hidup yang dirumus daripada seluruh pengalaman akhirnya disimpulkan dalam pepatah, syair dan pantun yang indah untuk dijadikan pedoman hidup orang muda, kerana itulah warga tua dalam masyarakat dahulu dijadikan ketua serta pemimpin dan diberikan penghormatan yang cukup tinggi oleh semua lapisan masyarakat.

TANGGUNGJAWAB

Dalam hari-hari terakhir masyarakat tua, seluruh ahli masyarakat merasakan bahawa tanggungjawab mereka adalah cukup besar memberi segala sokongan serta penjagaan untuk memastikan perjalanan hidup warga tua ke alam akhirat adalah tenang.

Bagaimanapun, alam sekitar dan rentak hidup yang melahirkan segala pepatah, syair dan pantun sedemikian, seperti yang diramalkan oleh orang-orang tua kitani dalam pepatah 'sekali air bah, sekali pantai berubah' telah sama sekali berubah setelah zaman semakin canggih. Satu persatu struktur penghidupan masyarakat kita dirombak runtkai. Daripada sistem kuasa, hak milik tanah, pentadbiran, pendidikan hingga cara berpakaian,

menyaji makan minum mencuci gigi telah diubah.

Begitu juga dengan kesannya terhadap hubungan warga tua dengan anggota lain dalam masyarakat juga semakin dirasakan, khususnya hubungan mereka dengan golongan muda. Kalau dahulu hubungan ini amat intim dan akrab, kini sudah renggang malahan wujud pula 'jurang generasi'.

Warga tua tidak bersekolah, walaupun ada hanya bersekolah pondok atau di balai-balai sahaja. Sedangkan warga muda bersekolah moden, warga tua bertani di sawah dengan cangkul, warga muda 'mencangkul' dengan pena di pejabat, warga tua berjogget 'merah jambu merah', warga muda berdans rock and roll, warga muda lancar menulis Rumi, sementara warga tua lancar menulis jawi, warga tua enak makan dengan ulam dan pucuk sedangkan warga muda lahap memakan burger dan sausej atau mi segera.

JURANG GENERASI

Apa yang ingin disentuh di sini ialah kesan perubahan yang terbit dalam bentuk jurang generasi, sebenarnya merupakan pembentukan polarisasi antara warga tua dengan warga masyarakat yang lain, terutama warga muda. Orientasi penghidupan, perasaan sosial, dan kedudukan warga tua berbeza daripada yang lebih muda dalam masyarakat.

Warga tua seolah-olah sudah dilupakan, tidak dihormati, nasihat mereka tidak dipakai, malah kadang-kadang dianggap sebagai beban oleh sebahagian besar warga masyarakat yang lebih muda, sama seperti 'kacang lupukan kulit'.

Misalnya kita sering terbaca di dada-dada akhbar luar negeri mengenai cerita sayu orang tua, lelaikan dan perempuan yang di-

tinggalkan oleh anak-anak dan keluarga di hospital dan di perhentian bas atau dibiarkan merayau-rayau sendirian. Ada juga yang sedikit terhormat dan bernasib baik apabila mereka dihantar ke rumah-rumah orang tua. Walaupun perkara seumpama ini tidak begitu menjadi isu besar dalam masyarakat kita di negara yang aman damai ini, tetapi perjalanan masih panjang dan kita tidak dapat meramal apa yang akan berlaku dalam jangka waktu yang terdekat.

Dari paparan sedemikian, jelas bahawa isu penjagaan orang-orang tua adalah isu yang mesti ditangani bersama kerana kita diancam oleh pola perubahan yang semakin mendesak. Slogan yang sering kita dengar di mana-mana 'Masyarakat Penuaan' hendaklah dirancang dan diprogram dengan sistematis sebagai usaha kita mengangkat kesejahteraan warga tua.

Pada umumnya ada beberapa faktor yang menjadi ukuran siapa dia masyarakat atau warga tua. Di negara kita, secara 'bain-bun' (berjenaka) istilah tua itu adalah bagi mereka yang mencapai umur berakut menuntun 'gaji tua'. Bagaimanapun ada beberapa faktor lain yang dikira menjadi pengukur kepada warga tua.

KRONOLOGI

Antaranya ialah berdasarkan ukuran kronologi iaitu berdasarkan umur. Di Eropah dan Amerika Utara, mereka yang berumur 60 tahun ke atas didefinisikan sebagai tergolong dalam kategori tua. Faktor kedua pula ialah berdasarkan kedudukan mental atau psikologi, seperti ketahanan daya ingatan, kemampuan pembelajaran, kepintaran, deria dan lemah kuatnya kemampuan dan kemahuan emosi.

Faktor ketiga pula ialah menyentuh dengan kriteria



KELOLAAN HAJI DAYANG HAJI KASIM

dayang.kasim@information.gov.bn

biologi, yakni perubahan fizikal tubuh badan. Misalnya, perubahan keadaan kulit daripada lembut gebu menjadi berkedut atau perubahan kemampuan sistem serta bahagian tubuh badan. Faktor keempat berkaitan dengan suasana sosial kerana apabila seseorang itu tua, peranan, perawakan, perilaku dan personaliti akan turut berubah mengikut tuntutan norma atau kelompok sebaya atau masyarakat umum.

Bagi memastikan proses penuaan menjadi pengalaman positif, warga tua perlu menerima tiga hakikat asas dalam menghadapi cabaran penuaan, iaitu kemampuan fizikal dengan lanjutnya usia, memastikan peranan yang sentiasa ada dalam kehidupan dan menjamin maruah serta integriti diri terus kekal sepanjang hayat.

Satu sistem kesihatan yang menekankan kepada pencegahan adalah satu langkah bijaksana. Penjagaan kesihatan berke-nanan harus memastikan setiap warga tua sihat serta memberi penekanan sekurang-kurangnya untuk melihat, mendengar, makan dan bergerak sehingga lanjut umur. Warga tua digalakkan mengamalkan hidup sihat yang harus dimulakan dari usia muda. Penekanan juga perlu diberikan kepada dasar dan program yang memberi perhatian kepada warga tua yang sihat serta meningkatkan penjagaan mereka yang sakit dan kurang upaya.

SOKONGAN

Bagi memastikan kesihatan fizikal dan mental warga tua serta hubungan keluarga kekal baik, harus diwujudkan sistem sokongan keluarga. Sebaik-baiknya warga tua di-

galakkan untuk tinggal dengan keluarga dan dalam masyarakat selama yang boleh. Untuk itu, perlu diadakan perkhidmatan yang menyeluruh bagi warga tua dalam masyarakat.

Dalam pada itu, yang terpenting ialah anak-anak muda atau warga muda perlu dididik supaya menghayati erti kehidupan warga tua yang menghabiskan sisa hidup dengan suasana aman dan tenang. Jasa dan pengorbanan warga tua, khususnya ibu bapa adalah tidak ternilai. Anak bertanggungjawab menghargai pengorbanan tersebut. Ketepikan sikap yang menyifatkan warga tua sebagai nyanyuk dan banyak kerenah. Sebaliknya golongan di hendaklah diajak bersama menyertai segala aktiviti keluarga dan didedahkan kepada kemajuan yang dinikmati oleh anak cucu dari semasa ke semasa.

Badan koperasi, syarikat perniagaan dan projek yang mampu menghasilkan pendapatan untuk membolehkan warga tua berdikari perlu diwujudkan. Warga tua perlu digambarkan sebagai berkebolehan untuk menjadi sumber pengalaman dan kepakaran dalam masyarakat.

Jika hanya setakat kesedaran mengenai warga tua sahaja belum memadai. Cara yang paling konkrit untuk menangani isu warga tua harus dibicarakan dengan jelas dan terperinci. Yang penting isu warga tua adalah isu bersama, tidak kira sama ada barisan depan atau belakang, kiri atau kanan, lelaki atau perempuan. Ini kerana kelompok ketua daripada setiap barisan-barisan berkenaan akan semuanya menjadi tua suatu hari nanti.



OLEH SAHARI AKIM

sahari.akim@information.gov.bn

DAN SITI SERI LELA IMELDA
FARRAH ZOHRE BINTI
HAJI ABDULLAH

EVOLUSI TANPA WAYAR (WIRELESS)

KAJIAN mengenai industri tanpa wayar (wireless) antarabangsa telah dilakukan selama 26 tahun. Evolusi berlaku dalam proses data komputer iaitu Wireless Internet. Seperi kebanyakan evolusi, ia merupakan proses yang perlahan dan komplikated.

Banyak pihak yang mengambil peranan dalam kajian ini seperti wireless operator: Pengeluar peralatan, penjual infrastruktur, pembangun software, penyedia perisian, pengiklan dan pemasaran.

Industri ini berkembang maju tetapi dalam keadaan bercelaru. Pengguna berkehendakkan akses internet tanpa wayar tetapi kerap kali tidak memenuhi kehendak mereka. Sekarang sudah terdapat penyelesaiannya dan banyak lagi sedang dibangunkan.

Sistem-sistem 'next generation cellular' LAN Wireless umum dan telefon/PDAs baru pelbagai guna menyediakan nilai tambahan yang signifikan. Wireless menyediakan keseronokan dan boleh mewujudkan peluang-peluang baru dalam perniagaan.

EVOLUSI TAMBAHAN

Internet tanpa wayar dan perkomputeran mudah alih membantu memperbaiki masalah dan kecelaruan terutama semasa pergolakan politik dan ekonomi. Wireless Internet & Mobile Computing merupakan syarikat perunding bagi industri tanpa wayar dan para peniaga, pengilang, pembangunan software, pengiklan dan penyedia perisian sektor korporat.

Syarikat ini membantu memulakan perniagaan-perniagaan baru dan meningkatkan perniagaan yang sedia ada bagi data tanpa wayar di seluruh dunia.

Syarikat pengeluar tanpa wayar dan komputer mudah alih agak unik. Syarikat ini tidak bertindak balas terhadap pembangunan wireless data. Syarikat ini mengelakkan perkara-perkara tersebut dan menggunakan tenaga pakar mereka untuk membantu para pelanggan mewujudkan perniagaan-perniagaan yang menguntungkan.

Pihak syarikat juga mengkaji dan membantu para peniaga membangun produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan seperti dalam bidang:

- * Aplikasi tanpa wayar termasuk e-mel dan pesanan cepat / hiburan (muzik, permainan, suaradail, grafik); imej tanpa wayar (telefon kamera, telefon 'camcoder', tv telefon); perkhidmatan-perkhidmatan informasi; e-commerce dan portal.
- * Integrasi LAN wireless ((80.11) dengan wireless WANs.
- * FM radio aplikasi dan teknologi 'subcarrier', bercirikan asas Microsoft's SPOT - 'wireless watch'.
- * Perniagaan telefon kamera mudah alih sejagat bagi aplikasi pengguna dan peniaga.
- * Pelbagai inovatif produk dan perkhidmatan.
- * Sokongan proaktif pengguna / pendidikan dan pemasaran.
- * Pembangunan 'weblog untuk korporat' seperti 'WIC Weblog' untuk CTIA kokus internet tanpa wayar dan Laporan Telefon Kamera Reiter's.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Perbelanjaan bagi keperluan persekolahan wajar diutamakan

KEPERLUAN persekolahan anak-anak meningkat setiap tahun seiring dengan peningkatan peringkat pembelajaran mereka. Bermula dari pra sekolah, naik ke peringkat rendah, kemudian menengah dan seterusnya pusat pengajian tinggi.

Ini memerlukan kebijaksanaan ibu bapa dalam mengendalikan perbelanjaan. Jika dilihat untuk jangka masa yang panjang, ianya merupakan satu pelaburan yang kelak akan memberi pulangan yang tidak ternilai - kejayaan anak-anak menjadi generasi berilmu.

Aidilfitri baru sahaja berlalu. Tidak dinafikan ramai di antara kita yang berbelanja sakan apabila menjelang Hari Raya. Jika kewangan dirancang dengan teliti dan berbelanja mengikut bajet yang ada, awda masih boleh menyimpan sebahagian wang untuk keperluan

yang lain. Bagi yang berkeluarga dan mempunyai anak-anak yang masih bersekolah, perbelanjaan bagi keperluan persekolahan mereka sewajarnya diberi keutamaan.

Setiap kali bermula nya persekolahan, keperluan-keperluan asas seperti pakaian seragam, alat tulis, buku-buku latihan dan sebagainya memerlukan pembaharuan. Jika pakaian seragam tahun lepas masih elok digunakan awda tidak perlu berbelanja untuk pakaian seragam yang baru melainkan jika benar-benar perlu seperti ianya sudah sempit atau fabrik itu tidak lagi selesa untuk dipakai.

Perbelanjaan untuk buku teks mungkin tidak begitu tinggi bagi anak-anak yang bersekolah di sekolah kerajaan kerana kemudahan pinjaman buku-buku teks secara percuma kepada mereka. Namun situasi ini

berbeza jika anak-anak bersekolah di sekolah perendirian. Ibu bapa terpaksa berbelanja lebih untuk keperluan ini, belum lagi mengambil kira yuran bulanan yang perlu dibayar berbanding dengan yuran tahunan yang hanya perlu dibayar sekali setahun bagi sekolah kerajaan.

Di antara keperluan yang lain pula, termasuklah keselesaan dan kemudahan pembelajaran anak-anak. Sesetengah ibu bapa mungkin akan menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas tambahan atau bagi yang mampu akan menggunakan khidmat 'home tutor'. Semua ini dilakukan hanyalah semata-mata untuk memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang terbaik.

Sebagai ibu bapa, janganlah lokek berbelanja untuk anak-anak apatah lagi jika yang melibatkan soal pembelajaran seperti membeli buku-buku rujukan atau yang berunsur ilmiah.

Dengan kemudahan teknologi internet yang ada pada masa ini memudahkan lagi pembelajaran kerana pelbagai maklumat boleh diperolehi asalkan bijak menggunakannya.

Dengan melayari laman-laman web yang berunsur pendidikan, ianya banyak membantu pembelajaran anak-anak, di samping dapat mengembanluaskan pengetahuan mereka. Namun ibu bapa harus mematai-matai anak-anak agar kemudahan teknologi maklumat (IT) itu tidak disalahgunakan.

Selain keperluan material, anak-anak memerlukan sokongan dan dorongan padu yang berterusan dari ibu bapa. Tidak salah jika sesekali kita memberi hadiah galakan kepada mereka atas pencapaian cemerlang dari segi akademik atau penglibatan

aktif dalam aktiviti kurikulum sekolah. Galakan seperti inilah yang akan memotivasikan mereka agar berusaha dengan lebih gigih lagi dan memperbaiki kelemahan diri.

Oleh itu, ibu bapa harus peka dan pemedulian terhadap keperluan pembelajaran anak-anak kerana kelak merekalah yang bakal menjadi harapan bangsa dan merekalah yang akan menentukan maju mundurnya sesebuah negara.

Norhafizah binti Karim,
No. 802,
Kampong Panchor
Murai, Jalan Kulapis,
BH 3123.
No. k/p : 00-313224

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Peranan Orang Ramai Dalam Mencegah dan Menangani Pandemik Influenza'. Tarikh tutup 14 Disember 2005.

2. 'Bersopan Santun Semasa Memandu Di Jalan Raya'. Tarikh tutup 21 Disember 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
e-mel: pelita@brunet.bn

Perancangan awal penting dalam penyediaan keperluan persekolahan

CUTI persekolahan telah bermula, maka berakhirlah sudah beban yang ditanggung anak-anak dan para ibu bapa. Kini satu beban atau tanggungjawab lagi yang perlu dilaksanakan oleh para ibu bapa iaitu melaksanakan keperluan persekolahan anak-anak.

Sebenarnya perkara ini haruslah kita ambil kira awal-awal lagi demi untuk mengelakkan bukan saja masalah kewangan, malahan juga dari segi masa dan kepentingan anak-anak kita.

Antara kebaikan jika kita mengutamakan keperluan persekolahan ini ialah anak-anak kita tidak akan menghadapi masalah di sekolah seperti tidak menumpang kawanannya dan tidak ketinggalan mata pelajaran jika semuannya sudah tersedia.

Ini akan membuatkan anak-anak kita akan lebih bersemangat dan tekun dalam pembelajarannya dan mereka juga akan dapat mengulang kaji pelajaran di rumah.

Masalah yang akan timbul sebenarnya terlalu banyak jika keperluan persekolahan ini tidak diutamakan. Antaranya kita akan terpaksa menunggu terlalu lama jika stok buku-buku yang diperlukan telah habis

dijual oleh para peniaga buku.

Bukan kita sahaja yang akan mendapat susah dengan terpaksa berulang-alik memastikan sama ada stok sudah ada atau belum daripada para peniaga, malahan anak-anak kita akan merasa tertekan apabila berada di sekolah kerana teman-teman yang lain sudah memiliki buku mereka sendiri.

Begitu juga dengan pakaian seragam, perkara ini juga sering menjadi masalah para ibu bapa pada masa kini.

Sebenarnya masalah ini dapat kita atasi sedikit demi sedikit jika kita memakai amalan orang-orang tua kita dahulu.

Lazimnya pakaian seragam sekolah si abang akan digunakan lagi oleh si adik dan begitu juga dari kakak kepada adik perempuan, jika pakaian yang ada masih boleh digunakan. Cara ini sebenarnya bukan sahaja dapat menjimatkan wang ringgit malah kita telah mengajar anak-anak kita cara berjimat cermat.

Tetapi apa yang menjadi masalah pada masa ini para ibu bapa terlalu mengikut kehendak hati dan kehendak anak-anak kononnya kesian dan terpaksa mengikut per-

edaran zaman. Sifat seperti ini sebenarnya merugikan diri sendiri, apalah hendak diikutkan orang lain sedangkan mereka adalah golongan orang yang mampu, sedangkan kita?

Maka kita sebagai ibu bapa haruslah mengambil langkah yang sewajarnya demi untuk memastikan kebaikan bersama terutama sekali untuk anak-anak kita meneruskan perjuangan mereka dalam bidang pembelajaran.

Ikhtiarlah atau usahakanlah awal-awal lagi segala keperluan persekolahan anak-anak kita demi untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlalu.

Bak kata pepatah 'ukurlah baju di badan sendiri'. Pepatah ini sebenarnya baik untuk kita amalkan dan jadikan iktibar sebagai panduan hidup kita sehari-hari. Kesimpulan perancangan itu perlu sebenarnya, bukan saja dari segi kewangan malahan dari semua aspek kehidupan.

Misnah binti Haji Bakar,
No. 22, Simpang 32, Jalan A, RPN Kampong Mentiri,
Jalan Kota Batu, BU2129.
No. k/p: 00-255652

Rancang pembelian lebih awal

BULAN Syawal sudah pun berlalu, sudah setentunya para ibu bapa mulai sibuk untuk menyediakan keperluan persekolahan anak-anak mereka. Dalam kesibukan kita menyambut Hari Raya, persediaan perbelanjaan persekolahan perlu juga diutamakan dan didahulukan. Ini adalah kerana kita selaku ibu bapa tidak mempunyai bajet yang cukup untuk membeli keperluan persekolahan mereka, bermakna kita akan mengorbankan keperluan belajar mereka selama tahun.

Untuk membeli apa jua keperluan sebarisan memerlukan perbelanjaan dan perancangan yang lebih awal. Namun janganlah kerana perayaan setahun sekali ini kita berbelanja berhabis-habisan menurut kehendak nafsu hingga sanggup membeli terutama sekali barang-barang yang tidak berfaedah.

Apabila kita berbelanja, hal yang penting kita perlu memikirkan terlebih dahulu, adakah barang-barang yang hendak dibeli itu berguna ataupun tidak kerana ditakuti akibat dari keseronokan berbelanja akan menjadikan kita alpa dan melakukan pembaziran.

Bagi perbelanjaan persekolahan, perancangan pembelian yang lebih awal merupakan langkah yang sewajarnya diambil perhatian. Bagi para ibu bapa yang mempunyai anak yang ramai, perbelanjaan persekolahan yang merangkumi baju sekolah baru, peralatan sekolah, buku teks dan sebagainya memerlukan perbelanjaan yang bukan sedikit. Apatah lagi ibu bapa perlu dan mesti menyedari akan kepentingan keperluan anak-

anak terutama sekali perbelanjaan persekolahan mereka.

Apabila hari persekolahan mula menjelang, perlulah diingat dan janganlah pula sampai persediaan keperluan anak-anak untuk belajar tidak dapat disediakan. Ini kerana wang yang diperuntukkan telah habis dibelanjakan bagi keperluan menyambut Hari Raya. Jika kesusulan ini berlaku sudah setentunya akan menyusahkan ibu bapa itu sendiri kerana anak-anak tidak dapat mengikuti pelajaran oleh sebab tiada persediaan keperluan sekolah mereka. Bukankah ini akan merugikan pihak ibu bapa dan anak itu sendiri.

Apabila menjelang musim perayaan, memang tidak dapat dinafikan ramai yang berlumba-lumba untuk membeli-belah. Dalam sebuah keluarga, isteri merupakan 'menteri kewangan'. Selaku isteri adalah diharapkan agar bijak mengatur kewangan untuk kepentingan dan keharmonian keluarga mereka sendiri.

Menyediakan kemudahan anak-anak untuk bersekolah adalah lebih mustahak. Walaupun menyediakan kelengkapan Hari Raya memang satu kemestian bagi mereka yang mampu. Oleh kerana keghairahan untuk nampak lebih cantik di Hari Raya, persediaan pelajaran anak-anak terabai. Begitu juga segala kelengkapan di rumah semua baru tetapi anak-anak ke sekolah pula dengan pakaian lama. Ini adalah tidak adil bagi mereka.

Oleh yang demikian persediaan awal perlu dibuat supaya tidak 'terkapai-kapai' dan 'terlulusir' untuk mencari per-

alatan persekolahan. Keputusan yang bijak ialah menyediakan peralatan persekolahan anak-anak lebih awal. Itulah yang dinamakan perancangan berimbang. Walaupun berbelanja untuk Hari Raya tapi keperluan persekolahan anak-anak tidak dilupakan.

Pasti kebanyakan para ibu bapa telah menyediakan kepentingan pelajaran anak-anak mereka. Walau bagaimanapun sekali-pun sibuk menyambut Hari Raya ada sesetengah ibu bapa yang bijak berkesempatan memperuntukkan perbelanjaan dengan mengasingkan 'budget' sekolah yang sudah menanti. Melalui sikap mereka yang begitu prihatin terhadap kelengkapan per-

sekolahan patut dipuji demi menjamin masa hadapan anak-anak tersebut.

Menyediakan keperluan persekolahan anak-anak dengan membuat persediaan awal akan membuahkan hasil yang baik apabila mereka bersekolah nanti. Disebabkan kesedaran ibu bapa yang begitu mementingkan pelajaran, anak-anak mereka akan dapat mengikuti pelajaran dengan lebih teratur.

Masazlinnah binti Haji Abdul Majid,
Blok HA No. 2 Simpang 135, Flat Jabatan Ukur,
Jalan Bengkurung Masin,
BF 2120.
No. k/p : 00-126730

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Utamakan Keperluan Persekolahan Anak-anak'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Perancangan kewangan perlu diatur dengan bijak

ANAK merupakan anugerah Allah Taala yang tidak ternilai. Dengan kehadiran mereka dalam sebuah keluarga akan lengkaplah kehidupan berumah tangga bagi pasangan yang telah berkahwin.

Sebagai ibu bapa, adalah menjadi kewajipan kita untuk memelihara dan membesarkan mereka. Di samping itu pula, kita pasti tidak akan lupa untuk memberi mereka pendidikan dengan menghantar mereka ke sekolah.

Adalah tanggungjawab kita selaku ibu bapa untuk mengutamakan keperluan

persekolahan anak-anak. Pelajaran bagi mereka amat penting dan setentunya kita menyedari tiada apa yang lebih membahagiakan kita selain daripada memberikan pendidikan demi melihat kejayaan mereka.

Setelah kita menjalani ibadat puasa dan sambutan Hari Raya Aidilfitri kita akan mula berfikir sekarang tentang penyediaan keperluan persekolahan anak-anak. Kalau kita sanggup membelanjakan wang yang begitu banyak untuk menyambut kedatangan bulan Syawal bagaimana pula penyediaan persekolahan mereka pada

tahun hadapan. Perbelanjaan persekolahan pula memerlukan bajet yang banyak. Ini termasuk membeli pakaian dan peralatan sekolah, buku-buku, yuran dan sebagainya.

Bagi mereka yang tidak mempunyai anak yang ramai, mungkin ini dapat diusahakan, tetapi bagaimana pula dengan keluarga yang mempunyai banyak tanggungan, tentu perbelanjaan persekolahan itu memerlukan wang yang banyak untuk menyediakannya. Adalah beruntung bagi ibu bapa yang sudah awal-awal lagi menyediakan keperluan untuk anak-anak mereka. Ada juga

para ibu bapa yang bijak mengatur perbelanjaan dengan mengasingkan perbelanjaan harian, persekolahan dan ketika menyambut sambutan Hari Raya yang lalu.

Apa yang perlu ditekan ialah perancangan kewangan itu perlu diatur dengan bijak. Ini bagi memudahkan agar kita tidak terkapai-kapai mencari sumber kewangan bagi menampung perbelanjaan persekolahan anak-anak kita nanti. Namun apa yang penting, bagaimana susah sekalipun kita mencari nafkah, kita perlu memikirkan kepentingan keperluan

persekolahan anak-anak yang patut kita dahulukan berbanding dengan perbelanjaan yang lain.

Kita perlu berusaha agar kita dapat menyediakan apa-apa jua keperluan persekolahan bagi mereka. Yang penting, anak-anak kita perlu diberi pendidikan agar mereka akan menjadi seorang insan yang berguna pada bangsa dan negara di masa hadapan, insya-Allah.

Rahimah binti Haji Tengah,
No. 2, Berek MTSSR,
Jalan Muara.
No. k/p : 00-115823

REMAJA

MENYUMBANG SEMANGAT

PENUMPUN terhadap generasi belia memang tidak akan terhenti malahan ia akan dilakukan secara berterusan sebagai pengalangan yang akan membahai perkembangan dan kemajuan setiap diri belia yang ada di negara kita ini. Justeru pelbagai kemudahan disediakan dalam usaha ke arah memastikan bahawa belia-belia yang ada di negara kita ini, merupakan kalangan yang begitu dipedulikan dan penyediaan kemudahan ini juga merupakan usaha ke arah meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Pendedahan mereka ke dunia luar juga tidak pernah kendur-kendurnya dilakukan. Ini bertujuan bagi membina sebuah masyarakat belia yang bergerak selari dengan perkembangan semasa.

Serentak dengan itu juga ia merupakan petanda usaha dalam memperkuatkan jati diri belia ke arah kesempurnaan kehidupan yang lebih dinamik dan proaktif. Pertumbuhan-pertumbuhan belia yang diwujudkan bertujuan bagi menyediakan wadah belia untuk melaksanakan tanggungjawab sedemikian agar ia boleh berperanan dalam erti kata menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan negara yang lebih bermakna. Namun trend yang ada masa kini menyebabkan wujud elemen-elemen baru mengurangkan minat generasi belia untuk berpersatuan. Banyak andaian memungkinkan kurangnya minat mereka ke arah ini. Kepimpinan, kemudahan, dan dinamisme perancangan untuk mereka tidak banyak yang boleh menggamit hati nurani mereka untuk kembali menggunakan wadah persatuan

sebagai pelantar untuk mereka berkembang.

Keadaan ini menyebabkan pergerakan belia agak lembap dan pada waktu yang sama, usaha untuk menanamkan generasi kepimpinan yang bakal menyambung kesinambungan persatuan tidak dapat dielakkan. Kalaupun ada mungkin ia masih pada takuk lama dan muka lama. Perubahan sekeliling perlu dijadikan penyukat untuk kitani bersama-sama 'menyumbang semangat' kebeliaan agar tidak mati begitu sahaja. Kalau semangat sudah mati, ini bererti kita akan kehilangan anggota masyarakat yang akan menyumbang ke arah pembangunan yang lebih berkesan.

Pemedulian dalam menentukan arus perkembangan mereka perlu dilihat dengan lebih proaktif, kita tidak boleh menyalahkan tanggapan,

OLEH H. A. MANAP

malahan kita perlu melihat secara terbuka. Generasi belia perlu digembleng untuk kembali berpersatuan. Ini bukan sahaja akan dapat mendidik mereka berdikari akan tetapi ia boleh dijadikan sebagai asas ke arah pembinaan masyarakat belia yang kuat dan bertenaga mendepani perubahan semasa yang berlaku di sekelilingnya. Pelbagai program yang bertujuan mengangkat generasi belia perlu dilakukan dengan lebih kemas kini, ia perlu selaras dan seimbang dengan perubahan zaman dan keadaan masa kini. Perkara ini tidak boleh dilihat secara ringan kerana jika ini tidak diendahkan maka kita akan mudah kehilangan sebahagian dari jentera penting dalam masyarakat. Dalam hubungan ini semangat kebeliaan yang gemar berpersatuan perlu diwujudkan dengan iklim masa kini. Trend kepimpinan pula perlu diwujudkan agar seimbang dengan dunia perubahan dan pergolakan naluri mereka.

Jika ini dapat diusahakan kita akan mampu menyumbang semangat mereka yang bukan sahaja akan bermanfaat untuk kita jadikan asas ke arah pembasmian gejala sosial. Kita perlu bertindak secara lebih teliti dalam men-

angani dan membawa semula mereka untuk warnai persatuan. Inilah pentingnya perubahan dan mencorakkan wadah yang menjadi simbol kegembiraan belia. Berpersatuan biar kita jadikan sebagai hal yang menjadi penajanaan masyarakat belia yang berwibawa dan bertenaga, kerana yang ingin kita lahirkan ialah mereka yang berjiwa besar yang mampu melihat ke hadapan akan persaingan sejagat yang mampu ditangani dengan bijak.

Meningkatkan kemahiran diri mereka juga perlu dijadikan agenda penting yang bukan setakat mewujudkan aktiviti. Biar proses perubahan dan kehendak masa yang dilalui menjadi asas yang mewarnai kehidupan belia yang cemerlang. Biarlah mereka yang wujud sebagai kelompok penggerak perubahan yang akan mampu menawarkan pelbagai kemajuan. Tambahan lagi ketangkasan mereka biar dijadikan sebagai benteng dalam mengindahkan batasan hidup yang berprinsip dan berkualiti tinggi. Jika ini yang akan lahir, insya Allah kita akan dapat wujudkan zon pembinaan masyarakat yang bekalinga dan jauh dari ancaman gejala sosial masa kini.

DBP serah buku bentuk Braille

OLEH SITI SERI LEILA IMELDA FARRAH ZOHRE HAJI ABDULLAH

BERAKAS, Selasa, 15 November. - Majlis Penyerahan Terbitan Buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam bentuk Braille berlangsung di Bilik Laila Muafakat, DBP di sini.

Pemangku Pengarah DBP, Dr. Mataim bin Bakar menyerahkan buku-buku berkenaan kepada

Pengurus Pusat Ehsan Bengkurong, Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Md. Yassin.

Sementara Unit Pendidikan Khas juga menerima salinan buku berkenaan diwakili oleh Cikgu Haji Roslan bin Haji Zulkefli.

Penerbitan buku itu adalah kerjasama antara DBP, Unit Pendidikan

Khas, Kementerian Pendidikan dan Pusat Ehsan Bengkurong.

Tajuk buku-buku itu ialah 'Hitam dan Belang' hasil karya Awang Haji Haris bin Bidin; 'Berubah Sikap' oleh Awangku Haji Ahmad Masudwardi Aidil-Fitri bin Pengiran Haji Md. Daud; 'Si Bibik' oleh Dayang Hajah Shahrab binti Dato Paduka Haji Abdul Wahab dan 'Budi Yang Baik Dibalas Baik' hasil karya Dayang Hajah Nisbah binti Haji Salleh.

SENARAI PEMENANG 'ALAI PINTAR' YANG BELUM MENGAMBIL HADIAH

AWANG Muhd. Ali Syahmi bin Saad, Awang Muhd Afi Syahmi bin Saad, Awang Khairul Saifuddin bin Haji Zulkifli, Dayang Rosnani binti Amle, Nor-sakinah binti Roslan, Dayangku Norfaaiqah binti Pengiran Haji Mohd. Alauddin, Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Serbini, Md. Loqmanul bin Razali, Dayang Nurafiqah binti Haji Ahmad, Awangku Haji Ahmad Fadillah Akbar bin Pengiran Haji Sallehuddin, Awang Md. Azharuzzakwan bin Haji Hamrin, Awang Md. Azfaruddin bin Haji Hamrin, Awang Md. Azfaruzzahhar bin Hamrin, Awang Md. Nazrul Hawzan bin Juned dan Awang Muhd. Faris bin Muhd. Firdaus.

Dayangku Norhaziqah binti Pengiran Haji Mohd. Alauddin, Awang Mohammad Sallehuddin bin Ramudin, Md. Rafuddin bin Haji Md. Siffri, Dayang Hazirah binti Ali Yusof, Awang Md. Zulfikarali Tawfiq bin Razali, Awang Muhammad Hamizan bin Mislac, Awang Muhd. Nazirul Azim bin Zulkifli, Awang Mohd. Isma Hafiz bin Othman, Awang Wafly Adly bin Haji Reduan, Dayang Nuratiqah binti Haji Abu Bakar, Dayang Hamira Sari Maziyyah binti Haji Hamdan, Awang Muhammad Safiq bin Haji Alihan, Awang Muhammad Khairul Hazmie bin Ali Yusof dan Awang Abdul Qawie bin Haji Hamzah.

Dayang Nurul Aini

binti Kilali, Dayang Siti Rasyidah Nur Suaidah binti Saini, Dayang Siti Rabeah binti Haji Matin, Dayang Nur Puteri Anisah Rah Addaiful Aisy binti Norizal, Awang Muhammad Nurnajmudin bin Mahadi, Dayang Halimatul binti Mohd. Rafie, Dayang Siti Khadijah Mariah binti Imam, Awang Muhd. Hamizal Wathieq bin Azis, Awang Muhammad Firdaus bin Alianafia, Dayang Nor Ain binti Monir dan Awang Mohd. Fahmi bin Haji Matnoor.

Sehubungan itu, para pemenang bolehlah menuntut hadiah mereka di Kaunter Penyambut Tetamu Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 23 November 2005

Bangunan Darulifta, Jabatan Mufti Kerajaan, Jalan Babu Raja.



ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 700

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 700,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 700

1. Apakah nama bangunan ini?
2. Di manakah letaknya?

Pemenang soalan Alai Pintar keluaran 23 November 2005

Mizatul Munawarah binti Mayasin,
Sekolah STJ PGGMB Lambak.
Umur : 6 tahun

Dk. Siti Nurul Bazilah binti Pg. Haji Ismail,
Sekolah Menengah PAP Puteri Masnah.
Umur : 13 tahun

Dk. Siti Nurul Jannah Sajiddah binti Pg. Kaharuddin,
Sekolah Nusa Laila Puteri.
Umur : 6 tahun

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

Unsur Perlambangan dalam Antologi Sajak Di Balik Mega karya Adi Kelana

OLEH AZRIN H. G. M.

PENGENALAN

SEBELUM membincangkan lebih lanjut tentang kajian perlambangan terhadap Antologi Sajak Di Balik Mega, diterangkan terlebih dahulu secara umum definisi sajak. Pada umumnya sajak ialah tulisan-tulisan kesusasteraan yang bukan prosa dan ditulis dalam bentuk yang berangkai-rangkai. Menurut Dr. Haji Hashim, sajak ialah suatu pengucapan yang pendek dan tepat, suatu pengucapan yang halus dan dapat menyampaikan suatu maksud dengan lebih tajam dan amat berkesan. Ini menunjukkan pada asalnya sajak itu mempunyai rangkai yang menggunakan kata-kata yang paling sedikit bagi menyampaikan satu pandangan yang luas tentang hidup, perasaan dan idea.

Selain dilihat dari segi bentuk, sajak juga dilihat dari segi isinya, gaya penyampaian dan juga kesannya kepada pendengar. Apabila menganalisis isi sajak, dengan sendirinya kita telah mengkaji 'roh' sajak tersebut. Melihat gaya penyampaian, bermaksud kita telah menilai keindahan bentuk sajak dan ini akan memberi kesan emosi kepada pendengar sama ada ia berasa insaf, sedih, bersemangat dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun sajak itu adalah media bagi penyair untuk melahirkan fikiran dan perasaan hati untuk tatapan umum. Perasaan hati dan fikiran penyair itu diungkapkan dalam sajak dengan kata-kata yang indah dan ada kalanya melanggar hukum tatabahasa. Ungkapan dalam sajak biasanya secara implisit, samar dengan makna yang tersirat, diksi atau pemilihan kata-katanya amat cenderung pada erti yang konotatif dan ambiguiti sifatnya. Ungkapan sajak itu disampaikan secara samar dan ini sangat berkaitan dengan penggunaan lambang-lambang tertentu sama ada ia bersifat universal mahupun persendirian.

LAMBANG ATAU SIMBOL

Menurut Ali Ahmad, simbol ialah kata-kata yang melambangkan sesuatu objek yang lain daripada makna asalnya. Suatu objek yang dikatakan simbol membawa erti lebih daripada apa yang sebenarnya. Ini menunjukkan lambang merujuk kepada kata-kata yang dipilih (tidak semua kata) dapat memberi erti yang lain di sebalik lambang yang digunakan. Simbol yang bersifat universal lebih mudah difahami berbanding dengan simbol yang dinamik atau yang sengaja dicipta baru oleh penyair. Ini membuatkan penafsiran terhadap sesuatu simbol itu sering berubah-ubah dan sifatnya tidak tetap. Penafsiran terhadap beberapa lambang juga adalah mengikut perspektif sesuatu bangsa atau masyarakat tertentu yang berlainan budaya, tanggapan dan pengaruh sekeliling yang berbeza. Misalnya lambang bagi warna 'hitam' mempunyai penafsiran yang banyak. Ia boleh ditafsirkan sebagai warna yang teragung

dalam Islam bagi penganut agama Islam. Ia juga boleh ditafsirkan sebagai lambang kesepian, kesunyian, kejahatan, keyakinan diri dan sebagainya. Begitu dengan lambang 'malam' yang boleh ditafsirkan bermacam-macam mengikut persepsi sesuatu bangsa. Ia boleh ditafsirkan sebagai kesunyian, kesepian, kesesatan, ketenangan, waktu yang sesuai untuk mendekatkan diri kepada Allah dan sebagainya. Manakala bagi masyarakat Barat pula, lambang 'malam' boleh ditafsirkan sebagai masa untuk berseronok, bersuka ria, berhibur, berlakunya maksiat, jenayah dan sebagainya. Di sini jelas membuktikan bahawa penafsiran lambang itu berbeza-beza mengikut kefahaman yang lazim ditafsirkan oleh sesuatu bangsa.

Walaupun bagaimanapun, dalam Antologi Sajak Di Balik Mega ini, unsur perlambangan yang digunakan oleh penyair Adi Kelana lebih kerap menggunakan lambang universal yang sudah diketahui umum lebih-lebih lagi lambang yang diketahui oleh masyarakat di sekelilingnya. Lambang peribadi pula amat sedikit digunakan oleh penyair. Ini boleh dijelaskan lagi dalam bahagian seterusnya.

LAMBANG DALAM ANTLOGI SAKAJ DI BALIK MEGA

Antologi Sajak Di Balik Mega memuatkan 56 buah sajak yang dihasilkan oleh Adi Kelana sejak tahun 1956 hingga April 1982. Ini menunjukkan sajak-sajak yang dicipta dalam antologi ini dihasilkan dalam masa yang agak panjang iaitu lebih kurang tiga dekad. Ini sudah setentunya penyair telah membawa beberapa persoalan yang berbeza menurut perubahan zaman dan keadaan seperti tentang kemasyarakatan, perjuangan, perdamaian, keagamaan, kecintaan dan sebagainya. Walaupun bagaimanapun persoalan-persoalan yang dikemukakan dalam Antologi Sajak Di Balik Mega ini tidak lepas daripada menggunakan kata-kata berlapis atau bahasa lambang yang mempunyai makna yang tersirat di sebalikannya. Misalnya dalam sajak 'Awan Putih' di bawah yang menggunakan beberapa lambang tertentu:

1. Awan Putih

Semalam awan putih mengembang dalam mesranya kenangku ah! Rindu menyayat kehilangan kasihku.

Ucapkan cinta antara kenangmu yang kelabu sedetik hanya sepanjang hayat kita berpadu.

Tau betapa hainnya nanah melimpahi dada dan bisanya belati membedah jantung yang luka

atau risanya keluh dari janji tersisih sepanjang hidup hanya jiwa yang pedih.

Tau dik? sepanjang hayat sedetik kita berpadu setahun kasihmu hanya ingatan yang beku.

Semalam - awan putih mengembang

dalam mesranya kenangku ucapkan cintamu antara kenangan kelabu mimpiku: Kita kehilangan kasih!

Januari 1956

Terdapat beberapa lambang yang digunakan oleh Adi Kelana dalam sajak 'Awan Putih' di atas. Pengkaji telah memberikan tafsiran terhadap beberapa lambang yang menonjol sekali dalam sajak di atas seperti berikut:

Lambang - Semalam: Maknanya kenangan yang belum lama berlaku dan masih segar; Awan putih: Kegembiraan atau kekasih; Kelabu: Pudar atau menyayat hati; Nanah melimpahi dada: Kesakitan dan penderitaan yang ditanggung; Belati: Sakitnya seperti pisau menghiris jantung yang luka dan Beku: Mati dan pupus.

Sajak 'Awan Putih' ini apabila dikaji dan dianalisis, ia lebih mempersoalkan tentang cinta kerana penggunaan kata-kata yang romantik oleh penyairnya. Sajak ini lebih memperlihatkan kekecewaan penyair yang telah kehilangan kekasih. Kekasih yang diangganya sebagai kegembiraan yang sementara dan tidak kekal lama. Kegagalan bagi orang bercinta, penderitaan itu amatlah pedih dan menyayat hati seperti kata penyair, 'dan bisanya belati membedah jantung yang luka', 'sepanjang hidup hanya jiwa yang pedih'. Apabila hilang kekasih, peristiwa lalu sering saja dikenang walaupun ianya menyakitkan. Demikianlah asam garam orang yang bercinta yang ada kalanya bahagia dan tidak kurang juga berduka.

Seterusnya pengkaji telah memilih sajak 'Warisan' yang juga menggunakan unsur perlambangan oleh penyair. Contoh sajak ini ialah seperti berikut:

2. Warisan

Jika engkau ditanya dari mana datangnya kata-kata: Inilah tanah bumi kita bayu dan lautnya adalah nafas dan darah warisan.

Apakah yang kauragukan bahawa engkau bakal disisihkan kerana tanahmu tinggal sejempit nafas dan darahmu jadi beku dan pupus?

Katakanlah: Kita anak warisan dari bumi dan zaman kita tidak perlu lagi kluar atau tunduk menyerah atau mati dalam tangisan.

Kerana hidup atau mati kita telah ditakdirkan pada tanah dan bumi di mana kerananya kita rela berkorban.

Jalan Panglima Mac 1961

Dalam sajak di atas, hanya terdapat beberapa penggunaan lambang oleh Adi Kelana yang boleh ditafsirkan seperti berikut:

Lambang - Tanah bumi: Maknanya tanah air; Bayu dan lautnya: Segala harta benda atau hasil peribumi; Nafas dan darah: Isi di luar

dan dalam peribumi; rakyat dan tanah air; Sejempit: Kecil atau sedikit; Zaman: Generasi turun-temurun.

Setelah menganalisis beberapa penggunaan lambang dalam sajak di atas, jelas ia merupakan luahan perasaan dan harapan penyair ke arah menyedarkan betapa pentingnya anak bangsa mempertahankan tanah air daripada dirampas atau dijajah. Penyair juga menekankan tentang kewujudan manusia dan hak mereka terhadap tanah air. Kata-kata pengucapan Adi Kelana dalam sajak di atas penuh dengan falsafah terhadap tanah airnya agar setiap pembaca memahami, menyedari bahawa setiap inci itu pertiwi yang dipijak dan diwarisi perlu dipertahankan kerana ia adalah satu warisan. Ia juga menyedarkan pembaca agar bumi Brunei yang kecil ini dipertahankan agar sejarah kehilangan wilayah Brunei tidak akan berulang lagi. Sebagai anak watan, perasaan seumpama ini ingin ditekan oleh penyair Adi Kelana.

Manakala dalam sajak 'San Francisco', penyair juga meluahkan perasaannya terhadap kehidupan manusia yang tidak bermoral atau manusia yang sudah kehilangan harga diri di San Francisco. Perasaan benci penyair itu diungkapkan dengan menggunakan beberapa lambang peribadi seperti berikut:

3. San Francisco

Bayu laut dan kabus kota berbau dalam larutnya usia malam.

Seorang perempuan kupu-kupu kota sedang iseng dengan tamunya yang edan.

Di mana-mana akan ketemu jua daki kota yang berbau dengan lumpur.

Manusia demikianlah hidup yang menggugat hakikat kehidupan yang pura-pura.

San Francisco Julai 1965

Dalam sajak di atas, pengkaji mendapati beberapa penggunaan lambang yang digunakan oleh Adi Kelana yang menunjukkan tentang perasaan benci dan kekecewaan penyair terhadap kehidupan manusia yang disiksanya sendiri di San Francisco. Antara simbol yang dikenal pasti adalah:

Lambang Bayu laut: Makna golongan manusia dalam bilangan yang ramai; kabus kota: Tempat atau bandar yang tercemar; berbau: Bercampur usia; malam: Lewat malam dan sunyi sepi; berlaku maksiat; kupu-kupu kota: Pelacur; tamunya: Pelanggan; daki kota: Pelacur; lumpur manusia: Manusia hina; menggugat hakikat: Menentang kebenaran hidup/hukum; kehidupan yang pura-pura: Kehidupan manusia yang hipokrit.

Daripada beberapa penggunaan lambang dalam sajak di atas, jelas penyair ingin mengemukakan tentang kepincangan hidup di kota San Francisco yang disaksikan sendiri oleh penyair semasa ia

berada di kota tersebut. 'Kupu-kupu malam' yang dilambangkan pelacur atau gadis yang menjual tubuhnya sering berjalan-jalan mencari mangsa. Sasaran utamanya ialah pengunjung-pengunjung yang mencari kenikmatan hidup yang sememangnya berhasrat mendapatkan khidmat perempuan-perempuan sedemikian. Penyair sangat kecewa melihat kehidupan manusia yang penuh dengan kepura-puraan kerana di siang hari, manusia berusaha mencari rezeki Tuhan untuk keperluan hidup tetapi apabila tiba waktu malam, manusia bertukar menjadi 'binatang' yang rakus dan tunduk dengan kehendak hawa nafsu.

Sajak seterusnya ialah 'Di Rantau' juga mengandungi beberapa lambang tertentu. Setiap rangkai dalam sajak ini penuh dengan simbolik dan mempunyai makna yang tersembunyi. Contoh:

4. Di Rantau

Buih yang menari pantai yang berani perahu dan layarnya gadis dan bikinnya.

Kepulan asap kilang dan angin yang membelah tubir langit yang sayup.

Senja dan camar kian jauh terbangnya.

Danau Michigan U.S.A. 1965

Beberapa penggunaan lambang dikenal pasti oleh pengkaji dalam sajak di atas antaranya ialah:

Lambang Buih: Makna manusia; Pantai: Tempat luas; Asap kilang: Pencemaran udara; Mesin: Jentera/peralatan penggerak; Tubir langit yang sayup: Bibir langit yang indah/tenang; Senja: Suasana yang bertukar menjadi buruk; Camar: Burung/haiwan.

Sajak 'Di Rantau' di atas lebih banyak menggunakan unsur alam tetapi ia sangat simbolik bagi melambangkan sesuatu perkara. Penggunaan imej alam ini dikaitkan dengan situasi budaya Barat. Buih yang bergerak-gerak pada rangkai pertama dilambangkan sebagai orang yang sedang menari-nari. Pantai dianggap sebagai tempat yang sedia menerima dan membarikan apa saja sikap buruk manusia tanpa berdaya berbuat apa-apa.

Rangkai kedua pula memperlihatkan adanya ansir-ansir yang boleh merosakkan keindahan alam ciptaan Tuhan disebabkan oleh perbuatan manusia sendiri iaitu mesin-mesin kilang yang menghasilkan asap-asap yang telah menutupi keindahan alam. Pencemaran udara telah menutupi pemandangan langit yang indah. Langit juga dianggap sebagai tempat yang hanya mampu menyaksikan sikap buruk manusia terhadap alam sekeliling ciptaan Tuhan. Ini sekali gus telah menghalau burung-burung sebagai makhluk ciptaan Allah di bumi daripada menikmati keselesaan alam yang sudah tercemar [rangkai ketiga sajak].

Akhir sekali, pengkaji akan menafsirkan beberapa penggunaan lambang yang terdapat dalam sajak 'Ramadan' di bawah:

penggunaan lambang yang terdapat dalam sajak 'Ramadan' di bawah:

5. Ramadan

Untuk dirilah ditahan segala kepuasan dan kelazatan dunia.

Ia adalah suatu yang hakiki kerana kehidupan ini suatu akidah yang berani.

Betapa luhurnya suatu pegangan yang menduga kekuatan mental dan fizikal.

Maka ujian-Nya menggugat diri dan kepercayaan sedang manusia-manusia adalah kepingan-kepingan yang mewarnai dirinya sendiri.

Ramadan 1398 Ogos 1978

Pengkaji mendapati beberapa penggunaan lambang dalam sajak di atas yang boleh ditafsirkan seperti berikut:

Lambang Kepuasan dan kelazatan dunia: Makna Segala yang dikaitkan dengan hawa nafsu manusia dan keseronokan dunia; Hakiki: Kebenaran atau kenyataan kehidupan/hukum; Akidah yang berani: Pegangan atau kepercayaan yang ada kalanya menentang kebenaran dan menyimpang; Mental dan fizikal: Rohani dan jasmani/zahir dan batin; Nya: Allah; Kepingan: Iman/hati manusia/peribadi; Mewarnai: Membentuk/mencorak/mencerminkan.

Adi Kelana dalam sajak ini ingin menyedarkan pembaca tentang hakikat dan tanggungjawab sebagai umat Islam kepada Allah. Puasa Ramadan adalah kewajiban setiap umat Islam bagi menguji ketahanan dan kekuatan rohani dan jasmani mereka.

Daripada beberapa tafsiran dan tanggapan terhadap lambang di atas jelas menunjukkan penyair adalah seorang yang peka dan mengambil berat tentang kejadian alam dan kehidupan di sekelilingnya. Terdapat banyak lagi penggunaan lambang universal yang digunakan oleh penyair dalam Antologi Sajak Di Balik Mega ini mempunyai makna yang tersirat di sebalikinya. Antaranya ialah:

Lambang putih: Makna suci, bersih, harapan, gembira dan mengaku kalah; Hijau: Muda, baru, harapan, segar, remaja dan cemburu; Biru: Cinta, kasih, rindu dan dendam; senja: Peralihan dari bahagia kepada sengsara atau derita, bimbang, keluh resah dan cemas; Fajar: Harapan baru, peralihan duka kepada bahagia; Pagi: Hidup baru; Embun: Kemurnian dan harapan; laut dan ombak: Dada yang lapang dan alam yang luas; Angin: Perubahan, pengaruh dan berita.

Beberapa penggunaan lambang di atas menunjukkan penyair Adi Kelana sangat kerap dan masih terikat dengan lambang-lambang konvensional dan bersifat universal.

KESIMPULAN

Pemilihan sajak-sajak di atas oleh pengkaji adalah bagi menunjukkan penggunaan unsur lambang yang dilihat daripada beberapa sudut atau aspek persoalan yang berbeza seperti persoalan mengenai cinta, perjuangan, harapan dan juga agama. Beberapa contoh sajak dalam Antologi Sajak Di Balik Mega di atas menunjukkan Adi Kelana masih banyak terikat dengan penggunaan lambang-lambang yang bersifat universal dan diketahui umum. Sajak dalam antologi ini memang banyak dihiiasi dengan pelbagai unsur perlambangan terutama sekali penggunaan lambang terhadap unsur alam seperti flora dan fauna. Ini merupakan usaha keras penyair bagi menyampaikan tujuan dan niatnya secara tersembunyi dan biar pembaca sendiri yang menafsir serta menilai mengikut pandangan masing-masing. Jadinya penafsiran terhadap beberapa lambang alam yang dikaji dan dianalisis oleh pengkaji di atas adalah mengikut tanggapan, pemahaman dan penilaian pengkaji.

BIBLIOGRAFI

- Adi Kelana, *Di Balik Mega*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- Fatimah binti Asgar, *'Kedudukan Adi Kelana Dalam Perkembangan Puisi Melayu Modern Brunei'*, dalam Bahana, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, Februari 1992: 11-16.
- Mas Osman, *'Adi Rumi Dalam Lagu Hari Depan'*, dalam Sekitar Kritikan Sastera Melayu Brunei, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995: 43-52.
- Muslim Burmat, *'Sebuah Percakapan Dengan A. Hashim Hamid'*, dalam Bahana, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, April 1985: 14-18.
- Muhammad Abdul Latiff, *Suatu Pengenalan Sejarah Kesusasteraan Melayu Brunei*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.
- Nurazmi Kuntum, Haji, *'Kaedah Memahami Persoalan dan Tema Sajak'*, dalam Bahana, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, September 1992: 9-11.
- 'Kaedah Memahami Gaya Bahasa Dalam Sajak'*, dalam Bahana, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, Mei 1993: 14-20.
- 'Kaedah Struktur dan Kaedah Menghayati Dalam Pengajaran Sajak'*, dalam Bahana, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, Disember 1997: 14-18.
- Shamsu Pg. Haji Kadar, Pg. Haji, *'Sajak-Sajak Adi Kelana: Bentuk dan Aliran'*, dalam Bahana, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, Oktober 1993: 20-25.
- Sajak-Sajak Adi Kelana: Satu Analisa Struktur*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Syarat-syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan atau Syarikat-syarikat Swasta yang ada hubungkaitnya dengan Kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
3. Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran (tidak dikembalikan) untuk setiap dokumen adalah seperti berikut:-
- \$ 30.00 bagi MOE/LTK/309/2005 (BPPA-NOV-05) hingga MOE/LTK/317/2005 (BPPA-NOV-05)
- \$ 20.00 bagi MOE/LTK/318/2005 (JPPP-NOV-05)
4. Setiap tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai, di Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Tingkat Satu (1), Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
5. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di Unit Tawaran dan Sebutharga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Blok 'A', Tingkat Satu (1), Lapangan Terbang Lama Berakas, di Blok A, Tingkat Satu (1), setelah membuat pembayaran.
6. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
7. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan resit Bayaran Dokumen Tawaran dan Pentadbiran dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
8. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
9. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan tajuk sepertimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada:-
Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan, Bangunan Kementerian Pendidikan, Blok 'A' Tingkat 1,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A),
Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.
Tidak lewat pada hari **Selasa, 13 Disember 2005** jam 2.00 petang.
10. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.



JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE EXPANSION AND UPGRADE OF EXISTING VPN TO SUPPORT EG-BANDWIDTH ON A SEMI TURNKEY BASIS"
2. Tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan TAWARAN BAGI "REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE EXPANSION AND UPGRADE OF EXISTING VPN TO SUPPORT EG-BANDWIDTH ON A SEMI TURNKEY BASIS" (BILANGAN TAWARAN : JTB/NS/NSP/VPN1/2005) tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong dan ditujukan kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar BB3510
Negara Brunei Darussalam
tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 10 Januari 2006**.
3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pendaftaran Kontraktor dan Pengeluaran Tawaran, Tingkat Dua, Bangunan Ibupejabat Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam BB3510 dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah B\$200.00 (tidak dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
6. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar samada dengan Wang Tunai atau dengan Cek Tempatan berserta dengan Bank Guarantee.

TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/309/2005 (BPPA-NOV-05)
TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH JALAN 49, PERPINDAHAN LAMBAK, BRUNEI II, DAERAH BRUNEI MUARA, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran \$ 30.00 (Bayaran Yuran /Dokumen Tawaran tidak dikembalikan. Tarikh tutup tidak lewat 2.00 petang pada **13 Disember 2005**).

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/310/2005 (BPPA-NOV-05)
TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH KAMPONG MATA-MATA GADONG, BRUNEI III, DAERAH BRUNEI MUARA, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran \$30.00 tidak dikembalikan. Tarikh tutup tidak lewat jam 2.00 petang pada **13 Disember 2005**.
BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/311/2005 (BPPA-NOV-2005)
TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH SINAUT, TUTONG I, DAERAH TUTONG, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran \$30.00 tidak dikembalikan. Tarikh tutup tidak lewat jam 2.00 petang pada **13 Disember 2005**.

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/312/2005 (BPPA-NOV-2005)
TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH ARAB LAKI-LAKI HASSANAL BOLKIAH KM 2 JALAN TUTONG, DAERAH BRUNEI MUARA, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran \$30.00 tidak dikembalikan. Tarikh tutup tidak lewat jam 2.00 petang pada **13 Disember 2005**.

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/313/2005 (BPPA-NOV-2005)
TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH UGAMA

BERIBI, JALAN GADONG, BRUNEI III, DAERAH BRUNEI MUARA, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran \$30.00 tidak dikembalikan. Tarikh tutup tidak lewat jam 2.00 petang pada **13 Disember 2005**.

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/314/2005 (BPPA-NOV-2005)
TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI AZIMAH NIKMATUL BOLKIAH, KAMPONG MENTIRI, JALAN KOTA BATU, BRUNEI III, DAERAH BRUNEI MUARA, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran \$30.00 tidak dikembalikan. Tarikh tutup tidak lewat jam 2.00 petang pada **13 Disember 2005**.

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/315/2005 (BPPA-NOV-2005)
TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH ARAB JERUDONG, DAERAH BRUNEI MUARA, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran \$30.00 tidak dikembalikan. Tarikh tutup tidak lewat jam 2.00 petang pada **13 Disember 2005**.

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/316/2005 (BPPA-NOV-2005)
TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH UGAMA PENANJONG, DAERAH TUTONG, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran \$30.00 tidak dikembalikan. Tarikh tutup tidak lewat jam 2.00 petang pada **13 Disember 2005**.

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/317/2005 (BPPA-NOV-2005)
TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH UGAMA PEDUKA SERI BEGAWAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, KUALA BELAIT, DAERAH BELAIT, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran \$30.00 tidak dikembalikan. Tarikh tutup tidak lewat jam 2.00 petang pada **13 Disember 2005**.

SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING

BILANGAN TAWARAN : MOE/LTK/318/2005 (JPPP-NOV-05)
SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF MICROSOFT OFFICE SOFTWARE FOR EDUCATIONAL INFORMATION SYSTEM COMPUTER HARDWARE (EIS), MINISTRY OF EDUCATION. Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran \$20.00 tidak dikembalikan. Tarikh tutup tidak lewat jam 2.00 petang pada **13 Disember 2005**.

WAKTU-WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN DOKUMEN DAN PENTADBIRAN

ISNIN - KHAMIS	8.00 PAGI - 11.45 PAGI 1.45 PETANG - 3.00 PETANG
SABTU	8.00 PAGI - 10.00 PAGI



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN PENULISAN SKRIP DRAMA TV 2006

RADIO Televisyen Brunei (RTB) mempelawa penulis-penulis tanah air untuk menulis **Skrif Drama TV Bersiri** sebanyak 13 episod dan Skrif Drama Khas yang bersempenakan dengan sambutan Hari Kebangsaan, Hari Raya Aidil Adha, Awal Tahun Hijrah, Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam, Hari Guru, Hari Raya Aidilfitri dan Israk Mikraj.

Skrif Drama Bersiri mestilah memaparkan kisah kehidupan masyarakat Brunei yang membawakan mesej jelas dan isu-isu tertentu seperti isu sosial, budaya, perkembangan ekonomi, kemajuan negara dan nilai-nilai kebruneian yang berasaskan kepada Konsep Melayu Islam Beraja.

Skrif yang dihantar mestilah lengkap 13 episod berserta dengan sinopsis bagi Skrif Drama Bersiri (berdurasi 24-26 minit setiap episod) dan Drama Khas (berdurasi 60 minit). Sinopsis dan skrif drama boleh dihantar kepada:-

Setiausaha, Jawatankuasa Pemilihan dan Penilaian Penswastaan Rancangan-Rancangan Tempatan TV Tahun 2005, Tingkat 2, Radio Televisyen Brunei, (U.P Dyg Hajah Norzina binti Haji Abd Kadir).

Bagi penerangan lanjut bolehlah menghubungi di talian Telefon Pejabat : 2243111 sambungan 221/2236855 E-mel : skrip.dramatv@rtb.gov.bn

Tarikh penghantaran skrif tidak lewat pada hari **Rabu, 1 Februari 2006** jam 4.00 petang. Skrif yang terpilih akan dimaklumkan kepada pihak penulis.



JABATAN PERTUBUHAN - PERTUBUHAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN

JAWATAN KOSONG DI SEKRETARIAT KOMANWEL, LONDON

Bahagian	Jawatan	Kelayakan	Tarikh Tutup
Perkhidmatan Korporat	"Supervisor" Teknologi Maklumat	1. Mempunyai kelayakan MCSE (Microsoft Certified Systems Engineer) 2. Mempunyai pengalaman pengurusan di tahap senior dan pengalaman selama 3 ke 5 tahun di dalam situasi pengurusan pembantu atau "help desk" dan kumpulan pembanguan.	16 Disember 2005
Perkhidmatan Korporat	Spesialis Rangkaian Teknologi Maklumat	1. Mempunyai kelayakan MCSE (Microsoft Certified Systems Engineer) 2. Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja dengan operasi sistem rangkaian yang besar atau 5 tahun pengalaman bekerja dengan operasi sistem rangkaian sederhana termasuk konfigurasi LAN/WAN.	16 Disember 2005

Syarat-syarat Asas:-

1. Rakyat, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam;
2. Sekurang-kurangnya mempunyai ijazah dan pengalaman di dalam bidang yang berkenaan.
3. Calon-calon yang berminat dikehendaki menghantar butir-butir peribadi (curriculum Vitae) berserta maklumat mengenai pengalaman dan kemahiran yang berkaitan dan
4. Hanya calon-calon yang telah disenaraipendekkan akan dipanggil untuk di temuduga dan sekiranya tiada sebarang jawapan dalam masa tiga bulan dari tarikh tutup permohonan, maka calon dianggap tidak berjaya.

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:-

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Pusat Persidangan Antarabangsa, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

Nombor Telefon : 2383209. Nombor Faks : 2383167



JAWATAN KOSONG DI JABATAN- JABATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. PEGAWAI KEMUDAHAN KESIHATAN [BILANGAN KOD: 113 000709091] [DI KEMENTERIAN KESIHATAN]

TANGGAGAJI: M13-14 EB15 \$ 2,300 - \$ 4,220 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
 - Mempunyai kelulusan Ijazah dalam bidang-bidang Sains Kesihatan/Biostatistik/Sciences/Asas Kesihatan/Sains Hayat/Sains Komputer atau bidang-bidang berkaitan dengan Perubatan dan Kesihatan atau lain-lain kelulusan yang sebanding dengannya yang bersesuaian yang diiktiraf.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Membantu Penolong Pengarah di Bahagian tertentu di Jabatan Dasar dan Perancangan dalam menjalankan program dan aktiviti bahagian masing-masing.
- Melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab mengikut arahan Ketua Bahagian dimana Pegawai akan ditempatkan dari masa ke semasa.
- Penempatan adalah tertakluk dimana terdapatnya kekurangan tenaga kerja diberbagai bidang-bidang Dasar dan Perancangan Kesihatan.
- Membantu Ketua Bahagian dalam membuat kajian atau penelitian dengan menyediakan maklumat-maklumat yang dikehendaki.

2. PEGAWAI KAKITANGAN

[BILANGAN KOD: 127 010904016]
[DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
JABATAN PERDANA MENTERI]
TANGGAGAJI: B2 EB3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN
ATAU : B2 \$ 2,270 - \$ 3,760 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
 - Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pentadbiran awam atau pentadbiran perniagaan atau pengurusan atau pengurusan sumber manusia atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- Mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan [HND] dalam bidang pengurusan/perdagangan/ komputer atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dan telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji C3 dalam bidang yang berkaitan selama 5 tahun. ATAU
 - Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penolong Pegawai Kakitangan selama 7 tahun serta mempunyai pengetahuan yang luas dalam hal ehwal perjawatan dan pengurusan kakitangan.
- Mengetahui Peraturan Am, Dasar dan Peraturan Kerajaan mengenai dengan pengurusan kakitangan.
 - Mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam pentadbiran kakitangan adalah merupakan satu kelebihan.
 - Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Information Communication Technology (ICT) adalah merupakan satu kelebihan.

PEPERIKSAAN:

Calon- calon yang berjaya dilantik ke jawatan Pegawai Kakitangan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan Perjawatan berikut:-

- Perintah-Perintah Am (General Orders) 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan (Service Regulations);
 - Pengurusan Kakitangan (Personel Management)
- Kelulusan dan prestasi seseorang pegawai di dalam peperiksaan ini akan diambil kira untuk penempatan jawatan dan pemilihan bagi kenaikan pangkat di masa hadapan.

3. PEGAWAI FOTO [BILANGAN KOD: 000 010603010]
[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: B2 EB3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN
ATAU : B2 \$ 2,270 - \$ 3,760 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.

BAGI TANGGAGAJI B2 EB3:

- Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Fotografi yang diiktiraf.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang fotografi adalah merupakan satu kelebihan.

BAGI TANGGAGAJI B2:

- Mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan [HND] atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam bidang Fotografi yang diiktiraf serta telah berkhidmat dalam tanggagaji C3 dalam jawatan yang bersesuaian selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penolong Pegawai Foto Tingkat I dalam tanggagaji C3 selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- Mempunyai daya kreatif yang baik dalam penghasilan konsep dan reka bentuk penggambaran dan mempunyai pengetahuan yang baik dalam hal ehwal foto.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Bertanggungjawab selaku Ketua Unit Penggambaran.
- Bertanggungjawab ke atas semua urusan dalam hal ehwal bidang penggambaran.
- Bertanggungjawab memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada semua kakitangan bawahannya.
- Memberikan arahan dan menyusun jadual serta menyelaras tugas-tugas yang bersangkutan dengan penggambaran.
- Bertanggungjawab terhadap disiplin dan prestasi kerja kakitangan bawahannya.

4. PEGAWAI PARIT DAN TALIAIR

[BILANGAN KOD: 004 000202059]
[DI JABATAN PERTANIAN,
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA]
TANGGAGAJI : B2 EB3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM :

- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
 - Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Pertanian atau dalam bidang yang berkaitan dengan bidang pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- Mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan [HND] atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dalam bidang Kejuruteraan Pertanian atau dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta telah berkhidmat dalam tanggagaji C3 dalam jawatan yang berkaitan selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

Bertanggungjawab dalam pengendalian, penyelenggara dan perkembangan projek pertanian.

5. PEGAWAI PELAJARAN KESIHATAN

[BILANGAN KOD: 113 000709085]
[DI JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN]
TANGGAGAJI : B2 EB3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
 - Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Promosi atau pendidikan Kesihatan atau Ijazah 'Bachelor of Health Sciences' atau Ijazah Bachelor of Science (BSc) dalam bidang sains atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- Mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan [HND] dalam bidang Promosi atau Pendidikan Kesihatan atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dan telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji C3 atau sebanding dengannya sekurang-kurangnya 5 tahun.
 - Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Bertanggungjawab kepada Pengarah Perkhidmatan Kesihatan dan Ketua Bahagian.
- Menyediakan pelan tindakan tahunan termasuk cadangan aktiviti-aktiviti dan latihan yang dikendalikan oleh Bahagian.
- Bertanggungjawab terhadap perancangan, pelaksanaan dan perkembangan program-program promosi kesihatan mengikut prioriti atau seperti yang diarahkan oleh Pengarah Ketua Bahagian.
- Menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan seperti menyelaras kempen-kempen kesihatan, memberi ceramah-ceramah dan penerangan kesihatan dan mengendalikan pameran-pameran kesihatan.
- Memantau dan menilai program dan aktiviti-aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan yang telah dilaksanakan seperti menjalankan kaji selidik dan audit.
- Menyediakan laporan kegiatan bulanan dan juga laporan terperinci mengenai aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan yang telah dikendalikan.
- Membantu Ketua Bahagian dalam pengurusan kerja-kerja harian Bahagian, mendapatkan dan mengumpul bahan-bahan yang boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti promosi

dan pendidikan kesihatan; kerja-kerja yang berkaitan dengan pengurusan Bahagian dan seumpamanya.

- Memastikan bahan-bahan pendidikan kesihatan mempunyai maklumat yang terkini dan bersesuaian.
- Menyelaras dan menjalankan program-program latihan seperti 'training for trainers' latihan yang berkaitan dengan promosi/pendidikan kesihatan dan seumpamanya.

6. PEGAWAI PENYELIDIK [BILANGAN KOD: 086 010905013] [DI JABATAN RADIO TELEVISYEN, JABATAN PERDANA MENTERI]

TANGGAGAJI: B2 EB3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
 - Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam dalam bidang kewartawanan/komunikasi massa/penulisan kreatif atau kelulusan professional yang sebanding dengannya yang diiktiraf.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- Mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan [HND] dalam bidang kewartawanan/komunikasi massa/penulisan kreatif atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya serta telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C3 sekurang-kurangnya 5 tahun. ATAU
 - Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji C3 sekurang-kurangnya 7 tahun dalam bidang yang bersesuaian.
- Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Kebolehan bertutur dan menulis dengan baik dalam bahasa-bahasa asing lain adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Mengetuai Seksyen Penyelidikan dan Perpustakaan, Bahagian Berita, Hal Ehwal Semasa dan Sukan, Radio Televisyen Brunei termasuk mengurus kakitangan serta keperluan alat-lat kelengkapan Seksyen.
- Merancang dan membuat kerja-kerja penyelidikan sama ada untuk disimpan sebagai bahan rujukan atau digunakan serta-merta dalam siaran berita televisyen/radio serta juga rancangan-rancangan hal ehwal semasa dan dokumentari Radio Televisyen Brunei.
- Memastikan segala informasi atau bahan-bahan rujukan yang disimpan adalah lengkap dan up-to-date.
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Berita dan hal ehwal semasa termasuk kerja-kerja penyuntingan laporan-laporan berita TV/Radio serta juga menerbitkan rancangan-rancangan khas jika diperlukan.

7. JURUUKUR BAHAN [BILANGAN KOD: 057 000303020]

[DI JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN]
TANGGAGAJI: B2 EB3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM :

- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ukur Bahan atau Kelulusan Profesional yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian yang diperlukan oleh jawatan ini yang diiktiraf.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Membuat kerja-kerja seperti menyediakan iklan tawaran dan sebutarga bagi projek-projek Jabatan Kemajuan Perumahan, mesyuarat dengan pemborong dan konsultan yang ikut serta, memeriksa ke pertapakkan dan lain-lain tugas yang berkaitan dengan tugas di Bahagian Ukur Bahan.
- Mentaksir harga bangunan.

8. JURUTERA AWAM [BILANGAN KOD: 057 000202010]

[DI JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN]
TANGGAGAJI: B2 EB3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan atau kelulusan yang sebandingnya dalam bidang yang bersesuaian yang diperlukan oleh jawatan ini yang diiktiraf.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Menyediakan laporan dan mengawas bangunan-bangunan yang di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Perumahan.
- Membuat kerja-kerja penyelenggaraan, penyelaras dan pemeliharaan.

9. PEGAWAI JURURAWAT

[BILANGAN KOD: 106 000701082]
[DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN]
TANGGAGAJI : M11 \$ 1,920 - \$ 3,250 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM :

- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai Sijil Jururawat Am 'State Registered Nurse' dari Lembaga Kejururawatan Brunei (BNB) atau yang diiktiraf sebanding dengannya.

DARI MUKA 10

- ii) Telah berkhidmat sebagai Jururawat Kanan di rumah sakit yang diiktiraf atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 7 tahun. ATAU
- iii) Mempunyai Sijil Jururawat Am yang diiktiraf.
- iv) Telah berkhidmat sebagai "Combat Medical Orderly" dalam Perkhidmatan Perubatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 12 tahun.
- c) Sijil-sijil yang diperolehi mestilah berdaftar dengan Lembaga Kejururawatan Brunei (BNB) yang telah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- d) Berpengalaman sebagai Jurulatih Pertolongan Kecemasan tidak kurang dari 3 tahun.
- e) Mempunyai pengalaman dalam perkara-perkara berikut:
 - i) Pengurusan seksyen perubatan tidak kurang dari 5 tahun.
 - ii) Perkhidmatan pertolongan kecemasan.
 - iii) Teknik-teknik mencari dan menyelamatkan (search & rescue).
 - iv) Teknik-teknik pengangkutan (evacuation) pesakit.
- f) Berkebolehan berenang tanpa menggunakan pelampung/jaket keselamatan di kolam renang sejauh 200 meter.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

1. Bertanggungjawab dalam kepimpinan, pengurusan dan pengawasan seksyen perubatan OBDD.
2. Mempastikan dasar-dasar kejururawatan dan tatacara perawatannya dijalankan dengan teratur.
3. Mengawasi penjagaan, rawatan dan kesejahteraan pesakit-pesakit dikendalikan dengan memuaskan.
4. Menasihati dan menjadi kaunselor kepada jururawat, pesakit dan keluarga pesakit.
5. Mengesahkan semua dokumen kesihatan/perubatan bagi setiap peserta OBDD.
6. Merancang dan menjalankan latihan pertolongan kecemasan (first-aid) peringkat dasar hingga ke peringkat lanjutan serta latihan 'hygiene' bagi semua peserta OBDD serta kakitangan operasi OBDD.
7. Mengawasi semua aspek kesihatan dan 'hygiene' yang berkaitan dengan operasi OBDD.
8. Merancang, menetapkan dan mengimplementasi system kecemasan (emergency) dan penyelamatan (rescue).
9. Menentukan penyimpanan dan pemeliharaan peralatan dan bahan-bahan farmasi dan lain-lain pembekalan sentiasa cukup, kemas dan dalam keadaan baik.
10. Bertugas sebagai 'Medik Bertugas' secara 24 jam dari masa ke semasa memberi perkhidmatan pertolongan kecemasan dan bantuan perubatan kepada semua kakitangan dan peserta OBDD.
11. Mengiring dan mengawasi latihan serta ekspedisi OBDD di hutan pedalaman atau kawasan perairan sepanjang 2-10 hari jika perlu (berkemah bermalam)

10. PENYELIA SISTEM [BILANGAN KOD: 000 000803103]
[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: C3-4 EB5 \$ 1,990 - \$ 2,970 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) Mempunyai pengetahuan tentang kemasniam agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- b) Mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan [HND] dalam bidang Pengajian Komputer atau Sistem Maklumat atau Kejuruteraan Elektronik atau bidang yang berkaitan dengan hal ehwal komputer yang diiktiraf. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan.
- c) Mempunyai pengalaman dan kebolehan berikut adalah diberi keutamaan:
 - i) mempunyai kebolehan yang baik dalam komunikasi lisan dan tulisan.
 - ii) mempunyai pengalaman praktikal dalam pengendalian pelbagai
 - i) projek dan Perkhidmatan Teknologi Maklumat;
 - ii) platform Teknologi Maklumat terkini;
 - iii) mempunyai pengetahuan dalam pelbagai
 - i) sistem-sistem kualiti pejabat;
 - ii) peraturan kerajaan dalam bidang pejabat, kakitangan, kewangan dan Teknologi Maklumat.

11. PEGAWAI PENYELIDIK KANAN
[BILANGAN KOD : 101 010805012]
[DI INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM,
JABATAN PERDANA MENTERI]
TANGGAGAJI : C3-4 EB5 \$ 1,990 - \$ 2,970
SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) Mempunyai pengetahuan tentang kemasniam agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- b) i) Mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan [HND] dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan-jawatan yang berkaitan dalam tanggagaji C2 selama 3 tahun atau dalam tanggagaji C1 selama 5 tahun.
- c) Berkebolehan menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- d) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang dan kerja-kerja Penyelidikan adalah diutamakan.

12. PENGENDALI SISTEM KANAN
[BILANGAN KOD: 000 000803101]
[DI JABATAN - JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: C1-2 EB3 \$ 1,280 - \$ 2,270 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) Mempunyai pengetahuan tentang kemasniam agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-

orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.

b) Mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Biasa (ND) dalam bidang Pengajian Komputer atau Sistem Maklumat atau Kejuruteraan Elektronik atau bidang yang berkaitan dengan hal ehwal komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan.

13. JURUTEKNIK MAKMAL KANAN
[BILANGAN KOD : 114 000504034]
[DI JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN]
TANGGAGAJI : C1-2 EB3 \$ 1,280 - \$ 2,270 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) i) Mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang Sains atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya. ATAU
- ii) Mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Biasa (ND) dalam bidang Sains atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya serta berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji D3 sekurang-kurangnya 3 tahun dalam kerja-kerja yang berkaitan. ATAU
- iii) Mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Biasa (NC) dalam bidang Sains atau kelulusan yang diiktiraf serta berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji D3 sekurang-kurangnya 5 tahun dalam kerja-kerja yang berkaitan.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- iv) Telah berkhidmat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Makmal dalam tanggagaji D1-2-3 EB 4-5 selama 5 tahun dan gaji hendaklah mencapai dalam tanggagaji D3 serta mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Biasa (ND) atau mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Biasa (NC) dalam bidang Sains atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya.
- b) Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- c) Berpengalaman dalam bidang penyediaan alatan dan bahan model Sains bagi bengkel guru-guru dan pengawetan tumbuhan dan binatang adalah diutamakan.

14. JURUGAMBAR TINGKAT I
[BILANGAN KOD: 000 010603078]
[DI JABATAN - JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: D3 EB 4-5 \$ 900 - \$ 1,625 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) Mempunyai pengetahuan tentang kemasniam agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- b) i) Mempunyai Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (ONC) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam bidang Fotografi atau bidang yang bersesuaian yang diiktiraf. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Jurugambar Tingkat II atau Juruteknik Foto Tingkat II dalam tanggagaji D1 selama tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- c) Mempunyai pemahaman yang luas kepada prinsip-prinsip berkaitan dengan 35 mm dan 2% gambar pegun (still photograph) adalah merupakan satu kelebihan.

15. PENTERJEMAH [BILANGAN KOD: 000 010905030]
[DI JABATAN - JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: D3 EB 4-5 \$ 900 - \$ 1,625 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) i) Mempunyai kelulusan BDTVEC Sijil Kebangsaan (NC) dalam bidang yang bersesuaian. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji D1 sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang yang berkaitan.
- b) Calon-calon yang mempunyai kebolehan dan pengalaman dalam bidang penterjemahan adalah merupakan satu kelebihan.

16. PEMBANTU MAKMAL [BILANGAN KOD: 114 050809088]
[DI JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN]
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) Lulus dengan kepujian/kredit 4 matapelajaran dalam peperiksaan sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa termasuk salah satu mata pelajaran sains.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

17. PENJAGA KESELAMATAN [BILANGAN KOD: 000 000504037]
[DI JABATAN - JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: D1 EB2 \$ 530 - \$ 820 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) Mempunyai pengetahuan tentang kemasniam agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- b) i) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya dengan kredit

4 subjek Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa serta pernah menyertai Pasukan Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) atau Kadet Pasukan Polis Diraja Brunei. ATAU

- ii) Tidak mempunyai kelulusan di para b (i) tetapi telah pun berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pengawal Keselamatan Tingkat III sekurang-kurangnya 5 tahun dan telah pun lulus peperiksaan Jabatan. ATAU
- iii) Tidak mempunyai kelulusan di para b (i) tetapi telah pun berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau dengan Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Polis Diraja Brunei dan sebagainya sekurang-kurangnya 5 tahun.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

- c) Bagi calon-calon yang baru dilantik mestilah tidak memakai kacamata/kanta lekup lebih 100 degree.
- d) Calon-calon yang terdiri daripada bekas anggota keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin bagi tempoh 3 tahun kebelakangan dan mengemukakan nama 2 orang referess yang dikenali lebih 5 tahun. (Melengkapkan Borang Pengakuan Biodata)

18. PEMANDU/OPERATOR
[BILANGAN KOD: 000 090805013]
[DI JABATAN - JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: D1 EB2 \$ 530 - \$ 820 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) i) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya dengan kredit 4 subjek Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pemandu Kereta Tingkat Khas sekurang-kurangnya 5 tahun.
- b) Mempunyai lesen memandu kelas 3, 5 dan 11 (sebelas) yang sah dan mempunyai rekod memandu yang baik.
- c) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan berat dan boleh membaiki kerosakan kecil kenderaan berat adalah merupakan satu kelebihan.

19. PEMANDU KENDERAAN TINGKAT II
[BILANGAN KOD: 000 090805007]
[DI JABATAN - JABATAN KERAJAAN]
B) PEMANDU KERETA TINGKAT II
[BILANGAN KOD: 000 090805018]
[DI JABATAN - JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: F3-4 EB5 \$ 550 - \$ 700 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM A DAN B :

- a) Hendaklah tahu membaca dan menulis.
- b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- c) Mempunyai lesen memandu kelas 5 dan kelas 11 (sebelas) dan berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

NOTA :

1. Semua kelulusan, sijil-sijil kecakapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan yang dinyatakan di atas hendaklah yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
3. Bagi calon-calon yang mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit 4 subjek Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa hendaklah dengan cara sekali duduk peperiksaan atau 2 kali pada 2 tahun berturut-turut.

AM:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki diluar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN :

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah di kembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Satu, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP: 27 DISEMBER 2005

BILANGAN PENDAFTARAN: 08/2005

RUJUKAN: JPA/3.2/503/91

WEBSITE: http://www.jpa.gov.bn

PPDB tawarkan kerjasama dengan persatuan lain

KUALA BELAIT, Ahad, 20 November. - Persatuan Pengembara Daerah Belait (PPDB) walaupun sebuah persatuan kecil jika dibandingkan dengan persatuan-persatuan yang lain, namun kewujudannya sudah ketara sekali di kalangan penduduk-penduduk daerah ini.

Perkara ini dinyatakan oleh Yang Dipertua PPDB, Mohd. Pradaus Haji Mohd. Yusof di Majlis Perasmian PPDB yang dianjurkan oleh tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Haji Mohamad bin Haji Abdul

BERITA DAN GAMBAR-GAMBAR OLEH DK. HAJAH SAIDAH PG. HAJI OMARALLI
saidah.omaralli@information.gov.bn

Rahman yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Menurut Mohd. Pradaus, persatuan tersebut sentiasa bersedia menawarkan kerjasama dengan mana-mana persatuan mahupun pihak-pihak kerajaan sejajar dengan hasrat dan matlamatnya untuk melangkah lebih jauh dalam berpersatuan.

Perkembangan persatuan

itu tidak setakat berdasarkan hubungan baik yang terjalin di antara sesama ahli, bahkan juga berdasarkan ciri-ciri serta kualiti yang ada pada persatuan itu sendiri, katanya lagi.

Persatuan tersebut ditubuhkan pada 28 Mei lepas dengan keramaian ahli setakat ini lebih 100 orang yang terdiri daripada ahli-ahli akademik dan pegawai-

pegawai kanan kerajaan. Antara kegiatan yang diendalikan oleh persatuan itu termasuk kerja-kerja amal seperti mana moto persatuan 'Bermuafakat dan Berdisiplin' yang membuatkan persatuan itu kukuh hingga ke hari ini.

Majlis pelancaran tersebut antara lain bertujuan untuk mengamalkan konsep kerja berpasukan dan beriadah, mengembangkan aktiviti luar rumah sebagai program pembangunan diri dan pembangunan insan serta mengeratkan perpaduan dan silaturahim di antara pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin-pemimpin masyarakat setempat dengan ahli-ahli PPDB.

Di majlis itu tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada ahli-ahli persatuan berkenaan dan menyaksikan pameran dan aktiviti persatuan antaranya radio amatur, kenderaan pacuan empat roda dan sukaneka.

Sejak persatuan tersebut ditubuhkan mereka telah menjelajah ke Pulau Jawa dan Borneo serta ekspedisi ke Gunung Mulu, Sarawak di samping melakukan aktiviti lain seperti kegiatan luar dan menghubungi rakan-rakan mereka di luar negara melalui radio amatur.



TETAMU kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Haji Mohamad Haji Abdul Rahman menyampaikan sijil kepada ahli persatuan berkenaan.



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Haji Mohamad Haji Abdul Rahman menyaksikan pameran dan aktiviti persatuan tersebut.

Timba ilmu melalui lawatan



ROMBONGAN pelajar yang mengikuti Program Penerapan Sekolah (SIP) mendengar taklimat mengenai fungsi dan operasi BLNG.

SUNGAI LIANG, Rabu 23 November. - Seramai 89 pelajar dari Sekolah Rendah Nanyang, Republik Singapura, Sekolah Rendah Dato Marsal dan Sekolah Rendah Angerek Desa yang mengikuti Program Penerapan Sekolah (SIP) selama enam hari mengadakan lawatan ke Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) di sini.

Sebelum rombongan tersebut dibawa melawat sekitar bangunan BLNG mereka terlebih dahulu mendengar taklimat mengenai fungsi dan operasi BLNG yang disampaikan oleh wakil BLNG yang diadakan di Pusat Rekreasi Liang Lumut.

Pamerkan imej yang baik

PANAGA, Selasa, 22 November. - Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerna Setia Dato Paduka Seri Haji Awang Zainuddin Jalani mengadakan lawatan kerja ke cawangan-cawangan balai dan pos polis dan juga meraikan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama pegawai dan anggota Polis Diraja Brunei di sini.

Antara tempat yang dilawati oleh Pesuruhjaya Polis ialah Balai Polis Sungai Liang, Polis Keselamatan BLNG Lumut, Cawangan Kawalan Lalu

Lintas Kuala Belait, Ibu Pejabat Polis Daerah Belait, Balai Polis Panaga, Mess Pegawai dan Unit Simpanan Kompeni A.

Ketika lawatan ke Mess Pegawai di Panaga, Yang Dimuliakan berkesudahan menyampaikan ucapan antara lain menekankan kepentingan memamerkan imej profesionalisme kepolisian yang baik dan berdisiplin. Menurut Yang Dimuliakan, Pasukan Polis Diraja Brunei merupakan salah sebuah agensi penguatkuasaan terbesar di bawah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan perlu mengekalkan hubungan baik bersama orang ramai di negara ini.

Sebagai pasukan yang dipercayai awam, kata Yang Dimuliakan, Pasukan Polis Diraja Brunei perlu kekal berada di atas dalam bentuk interaksi bersama orang ramai, bertanggungjawab dan berdisiplin. Lawatan bertujuan merapatkan lagi hubungan di kalangan pegawai dan anggota Polis Diraja Brunei.



PESURUHJAYA Polis Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerna Paduka Seri Awang Zainuddin Jalani menyampaikan sepatah dua nasihat kepada anggota Polis Diraja Brunei Panaga.

Wujudkan kerjasama dalam bidang maritim

KUALA BELAIT, Khamis, 24 November. - Maktub Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) dan Syarikat Latihan Megamas bersetuju mewujudkan kerjasama dan menyahut seruan kerajaan ke arah melatih warga Negara Brunei Darussalam.

Antara perjanjian yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak pengendalian kursus yang bersesuaian dalam bidang maritim. Sebagai persiapan kerjasama seumpamanya, Syarikat Latihan Megamas melan-

carkan jeti baru dan menepung tawar sebuah bot penyelamat yang diadakan di syarikat berkenaan.

Pelancaran tersebut merupakan satu lagi mercu tanda ke arah mengembangkan bidang maritim yang kini semakin diperlukan. Menurut Pengetua MKJB, Haji Ibrahim Haji Abdul Rahman perjanjian menyediakan bot penyelamat bernilai \$200 ribu ditandatangani tahun lalu, sementara Syarikat Megamas menyediakan perun-

tukan untuk membina jeti bagi menempatkan bot tersebut.

Menurut Pengetua MKJB, bot penyelamat buat masa sekarang di-khususkan dalam bidang maritim.

"Kebanyakan kursus yang diendalikan oleh Megamas bersuikat kepada keperluan syarikat seperti Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) atau Brunei Shell Tankers (BST) yang memerlukan kursus-kursus maritim ini," ujar beliau.



PENGETUA MKJB, Haji Ibrahim Haji Abdul Rahman, ketika melancarkan jeti baru di Syarikat Latihan Megamas.

Program SIP bertujuan memberi peluang kepada murid-murid sekolah rendah untuk berinteraksi dan bertukar-tukar pengalaman mengenai budaya, sosio-ekonomi dan bahasa yang berbeza.

SIP adalah program dua hala yang diendalikan oleh Pusat Perkongsian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP) dan Syarikat Cyberland Sendirian Berhad, Republik Singa-

pura. Selain berpeluang bertemu dengan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura rombongan juga dibawa melawat beberapa tempat menarik di negara ini.

CEPAT

OLEH SOSONJAN A. KHAN

ALUR-ALUR DALAM BELUKAR

ANAM tinggalkan ibu bapa, laki dan anak-anak untuk cari duit! Anam tinggalkan rumah, tinggalkan kebun sayur, tinggalkan kampung halaman dan tanah tempat tumpah darahnya serta bersusah payah mengumpul duit untuk tambang dan segala biaya yang diperlukan semata-mata untuk mencari hasil yang lebih baik.

Anam tahu, dan pernah dengar, ramai wanita-wanita seperti ini juga pergi ke negara-negara yang lebih mewah dan bekerja sebagai pembantu restoran atau amah dan setelah beberapa tahun berhasil mengumpul duit untuk dibawa pulang. Anam pun mahu kumpul duit banyak-banyak. Kalau dapat gaji sebulan \$200.00, setahun sudah ada \$2400.00. Kalau bekerja selama lima atau enam tahun, pasti sudah dapat lebih banyak lagi. Anam mahu bina rumah. Mahu beli tanah. Mahu simpan sedikit buat modal buka warung bakso depan rumah sebagai bekalan hari tua. Biar pun tidak bersekolah tinggi, Anam tahu bukan mudah cari kerja. Ekonomi dunia juga tidak memuaskan. Semua orang cakap begitu cari kerja susah. Cari makan susah. Apalagi jika tidak berpelajaran tinggi seperti dirinya. Anam cuma tahu membaca dan menulis sedikit-sikit. Tapi Anam nekad juga untuk merantau jauh mencari rezeki. Kata kawan Anam, asal tahu mengisi borang imigresen itu sudah memadai.

Urusan visa dan lain-lain itu semua kerja ejen. Yang penting Anam mempunyai modal pendahuluan untuk menyeberang lautan.

Anam sadar, ia harus berani seperti Tina, Sumaiyah, Tuty atau Rimah.

Mereka semua sudah mendapat kerja sebagai amah. Sudah sering kirim duit ke kampung. Dan ada juga yang sudah membina rumah. Anam mahu berani seperti mereka. Harus mahu menerima apa jua anak dan ranjau untuk maju ke hadapan. Kalau Anam takut dan tidak berani, Anam harus bersedia untuk hidup susah. Harus pula mahu menerima takdir apa adanya. Kais pagi makan pagi. Atau kais petang makan petang. Kalau Anam tidak sanggup kerja jauh-jauh, Anam harus sanggup berputih mata sambil menantikan saja rumah usangnya terus dimakan anai dan akhirnya roboh ke bumi.

Makbul, seorang pekerja dari Bangladesh itu juga begitu. Sudah lapan tahun Makbul datang dan bekerja di sini sebagai buruh binaan. Makbul tinggalkan bini, ibu dan anak-anaknya semata-mata untuk cari duit. Makbul mahu cari duit sebanyak-banyak mungkin. Makbul mahu ibunya yang sudah tua dan sering sakit-sakit mendapat rawatan perubatan yang baik. Makbul mahu ibunya dapat tidur dengan selesa, ada tilam, ada bantal, ada kipas, ada selimut dan ada kelambu. Makbul juga mahu ibunya dapat menikmati makanan-makanan yang berkhasiat dan sedap setiap hari. Makbul mahu kirim duit buat ibunya beli susu, daging, ikan, sayur, gula, tepung, minyak dan segala sesuatu yang orang tua itu inginkan. Ibu Makbul sudah tua.

Sudah hampir 70 tahun. Sudah puas bekerja sewaktu mudanya memberi makan dan minum serta pakai pada Makbul dan adik-adiknya. Sekarang Makbul mahu membalas segala jasa dan budi ibu tua itu. Makbul mahu memberi segala kesenangan pada ibunya.

Begitu juga terhadap anak dan bininya. Makbul mahu mereka dapat hidup sempurna. Makbul mahu

anak bininya sentiasa sihat, cukup makan minum dan dapat menjalani hidup ini dengan aman dan sejahtera. Makbul juga mahu anak-anaknya dapat pergi belajar ke sekolah dengan selesa. Dan kalau boleh Makbul mahu anak-anaknya belajar hingga sampai ke menara gading.

Makbul tidak begitu faham tentang pelajaran. Tapi Makbul tahu semua orang-orang yang berpelajaran tinggi akan dapat hidup senang. Tidak perlu bekerja keras di bawah hujan atau panas terik matahari. Makbul sudah rasa bagaimana peritnya bekerja di bawah hujan dan panas. Kalau boleh, Makbul tidak ingin semua itu dilalui oleh anak-anaknya kelak. Makbul ingin melihat anak-anaknya jadi peguam, doktor atau jurutera atau apa-apa saja yang dipandang tinggi oleh masyarakat.

Atas sebab semua itu Makbul terus bertahan sehingga lapan tahun lamanya menjadi buruh binaan. Sudah senang. Makbul tetap kuatkan azam dan semangat untuk terus bekerja. Makbul tinggal di rumah kongsi. Satu bilik lapan hingga 10 orang. Makbul tidur atas tikar getah lusuh, tiada kelambu, tiada kipas angin, cuma pakai ubat nyamuk yang sering membuat nafas sesak setiap malam. Setiap hari Makbul dan rakan-rakan kongsinya yang lain memakan beras siam berlaukau apa saja yang mauk.

Pagi-pagi sebelum subuh Makbul dan rakan-rakan kongsinya yang lain sudah bangun memasak. Siap menyediakan bekal, mereka turun bekerja ke tapak-tapak pembinaan. Panas terik, hujan ributkah, itu semua Makbul tidak perduli. Makbul mahu cari duit! Bermandi dan bergelut dengan pasir, tanah, batu, simen, itu sudah perkara biasa. Turun naik memanjat bangunan-bangunan tinggi, itu juga sudah menjadi asam garam bagi dirinya. Malahan bukan Makbul tidak pernah merasa gugur dari atap bangunan, cedera kena tukul atau terpijak paku tajam. Macam-macam su-

dah dirasa. Tapi Makbul tidak pernah serik apalagi mahu berhenti dari pekerjaannya itu. Bagi Makbul kerja-kerja seumpama itu sudah menjadi sebahagian dari kehidupannya. Apa yang penting, duit gaji mesti diterima setiap bulan. Lambat atau cepat, bos mesti serahkan gaji! Makbul bukan pekerja sukarela. Makbul bekerja untuk duit! Makbul mahu beri segala kesenangan pada ibu, anak dan bininya. Makbul mahu memastikan setiap bulan ada duit yang dihantar ke kampung halamannya.

Berada selama lapan tahun di rantau orang memang bukan satu jangka masa yang singkat. Seingat-ingat Makbul cuma ada lima atau enam kali ia balik ke negaranya selama itu. Itu pun tidak lama.

Seperti malam-malam yang pernah dilalui sebelumnya, malam itu setelah mandi dan makan, Makbul duduk seorang diri di bangku kayu hadapan rumah kongsinya. Di kala rakan-rakannya yang lain sedang nyenyak tidur selepas lelah, Makbul masih leka dibuat oleh kenangannya. Sudah agak lama rasanya ia tidak balik ke kampung halamannya. Perasaan rindu pada ibu, pada anak-anak dan pada bininya sering datang menggugat ketenangannya di saat-saat seperti itu. Rasa sepi datang lagi. Rasa sunyi datang lagi. Rasa rindu memburu-buru lagi. Jauh di sudut fikirannya, sering tertanya-tanya apakah yang sedang dibuat oleh ibu, anak-anak dan bininya waktu-waktu sebegini.

Makbul bangun dan berjalan beberapa langkah macam orang sasau. Segala kenangan manis bersama Mala bininya tiba-tiba muncul lagi. Kemudian kenangan itu terus berputar lagi dan menjulang kembali detik-detik manis yang pernah dilalui bersama. Angin malam yang dingin menerpa sekujur tubuhnya. Kesepian dan kesunyian itu sudah sering menghambat dirinya. Kadang-kadang Makbul merasa seperti sedang terpanggang oleh bara rindu yang tiada bertepi.



Ingin bersuara, tapi entah pada siapa. Alam sekeliling seolah-olah kosong tanpa warna. Makbul tahu dia harus terus bergulit lagi dengan keadaan itu, entah sampai bila dia sendiri tidak pasti.

Yang pasti, waktu-waktu seperti itu tetap saja hadir meski tanpa diundang, menyiat-nyiat jiwa-nya. Fikirannya terus berputar lagi. Apakah yang lebih bermakna dalam kehidupan ini kecuali berkorban untuk kebahagiaan orang lain? Bukankah dia sendiri sudah harus merasa bahagia ketika itu kerana sudah mampu menyara kehidupan keluarganya yang tinggal jauh di kampung. Tapi jiwa? Jiwa Makbul masih terasa kosong. Seperti ada yang sirna. Seperti ada yang hilang. Makbul tidak mengerti. Makbul melangkah lesu masuk ke dalam rumah kongsinya. Sekali lagi sunyi dan sepi, sama seperti rumah-rumah kongsi yang dulu pernah didudukinya. Dinding-dinding, lantai dan siling semua kelihatan bisu dan kaku. Yang terlihat adalah tubuh-tubuh sasa yang sedang nyenyak tidur bergelimpangan bersama dengkur dan mimpi masing-masing. Makbul menutup pintu dan berbaring di atas lantai. Panas. Sehela kain lusuh dikibarkan ke atas tubuhnya yang tidak berbau. Makbul cuba memejamkan mata. Wajah Mala muncul lagi. Makbul semakin resah!

Surat yang baru Anam baca sebentar tadi dilipat semula dan dimasukkan ke bawah bantal. Anam menarik nafas panjang dan menghembuskannya semula bersama sebuah keluhan. Lakinya Cipto sudah lari bersama perempuan lain! Sudah tidak tinggal bersama anak-anaknya lagi. Tanah dan rumah mereka sudah tergadai. Sedangkan belanja makan dan persekolahan anak-anaknya perlu dikirim. Kalau duit tidak dikirim segera, tanah dan rumahnya akan hilang begitu saja. Kalau tidak ada rumah, mahu tinggal di mana? Anak-anak nanti bagaimana? Keluarga-keluarga yang lain juga susah. Ada seorang dua mungkin boleh menolong buat sementara waktu, tapi jika sudah lama-lama nanti tentu menimbulkan sengketa juga. Anak-anak Anam mahu berhenti sekolah saja. Mahu bekerja. Tapi apa kerja yang boleh mereka buat dalam usia yang masih mentah begitu? Yang tua baru berumur 15 tahun.

Yang kedua lapan tahun. Tidak!!! Anam tidak mahu anak-anaknya yang masih kecil bekerja. Mereka harus terus bersekolah! Anam akan bekerja lebih kuat.

Anam mahu berusaha lebih gigih. Anam mahu tebus kembali tanah dan rumahnya yang tergadai. Anam tidak akan pulang sebelum duit yang diperlukan cukup. Anam akan terus bekerja dan kalau perlu mengambil upah menjahit lagi di waktu malam agar duit dapat dikumpul segera. Buat apa pulang kalau harus kehilangan segalanya. Buat apa pulang dengan tangan kosong. Anam tidak mahu tewas! Anam tidak kalah! Anam mahu bangkit dan terus hidup!!

Perkenalan mereka yang singkat dan tiba-tiba menjadi begitu rapat memang tidak pernah direncana sebelumnya. Anam menghantar tiga botol air sejuk yang dipinta oleh pekerja-pekerja binaan di sebelah rumah majikannya. Waktu itu Makbul dan rakan-rakannya sedang membancuh simen dan pasir.

"Siapa minta air sejuk tadi?" Soal Anam sambil meletakkan botol-botol air.

"Aku," jawab Makbul sambil meluruskan tulang belakang.

Sejak itulah hampir setiap hari Makbul meminta air sejuk dari Anam. Dan dengan kebenaran majikan Anam sendiri yang memang suka bersedekah air, Anam pun tidak jemu menghantar air sejuk ke tapak pembinaan rumah jiran sebelah mereka. Sejak itu juga setiap kali ada waktu-waktu kelapangan terutama selepas menyiram pokok-pokok bunga setiap petang Anam akan duduk berbual-bual dengan Makbul dan rakan-rakannya. Kadang-kadang mereka hanya sempat berbual-bual sedikit. Kadang-kadang mereka berbual rancak dan lama diselangi dengan gurau senda dan usik mengusik.

Bagi Anam semua manusia sama saja. Tidak salah bersahabat. Tidak salah saling tolong-menolong dan bantu-membantu.

Apalagi mereka sama-sama bekerja di rantau orang. Sama-sama mempunyai hasrat dan cita-cita. Dari perbualan-perbualan biasa, tanpa disedari Anam dan Makbul sudah saling menceritakan pengalaman-pengalaman hidup masing-masing. Entah mengapa, Anam sendiri tidak mengerti mengapa harus menceritakan segalanya pada Makbul. Makbul juga tidak mengerti, mengapa ia sendiri tidak pernah jemu-jemu dari terus memberikan perhatian pada cerita-cerita Anam. Semakin mengenali Anam, jiwa Makbul merasa semakin dekat.

Ternyata walaupun sudah berusia 40 tahun, keramahan Anam cukup menarik perhatian Makbul. Kadang-kadang Anam membuat kopi dan cucur keladi buat Makbul. Lama-lama Makbul pun tidak lokek-lokek memberikan oleh-oleh buat Anam seperti roti canai, buah pisang dan rambutan! Semua itu menjadikan hubungan mereka menjadi semakin intim.

Akhirnya sama-sama saling meluahkan masalah-masalah dan perasaan-perasaan yang terpendam!

Warna senja kelihatan sangat indah di tepi pantai Jerudong saat itu. Angin yang bertiup, terasa amat sejuk menyentuh tubuh. Anam dan Makbul duduk di atas batu menghadap laut lepas. Kini, segala masalah Anam sudah dapat diselesaikan. Dan Makbul? Makbul tidak kesunyian lagi!!! (kalau cinta sudah melekat...)

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

KUBENAM HANGAT NADI

Telah kubenamkan hangat nadi
bersama-sama dendam yang sarat
dengan langkah yang teguh serta enggan
berbagi
di atas padang dan gunung belantara.

Esok itu suatu azab dari kebisuan
kerana seluruh kekuatan lumpuh jatuh tersadai
kaku, beku dan terharu
bersama turunnya hujan badai.

Bersama terbitnya bulan mengembang
semalam
gelombang dari hidup seakan api menyala
kesenangan terasa di balik celaka yang jatuh
menyusup dan membakar batin.

DILINGKUNGI KASIH YANG MENGETI

Dalam gelap mendingin rasa hatiku
sedih seni menghiris kalbu
mesra berbisik pena di kertas
mengorak kelopak menyambut sinar.

Bunga mawar segar berkembang
girang sorak dijunjung tangkai
limpahan nilai abadi
hidup mendalam ke jiwa seni.

Dalam tidur terguling sepi dikejar mimpi
detik jantung berdebar mengalun tari
hidup damai dilingkungi kasih yang mengerti
menuju cita-cita luhur dan murni.

BICARA PADA PINTA RASA

Seperti biasa, malam tiba tak pernah bersuara
hitam dari langit membawa bersamanya
kemungkinan
merayap perlahan-lahan merebahkan wajah
gelap memisahkan menuntut bersama pilihan.

Telah berlalu harapan dari pintu hati
ke pintu hati
oleh keluhan dan resah gelisah
siapakah yang bisa bicara pada pinta rasa
bersama kematian di ribaan puisi-puisi manis.

Untuk kali yang entah ke berapa
ruang ini berkabung sepanjang malam
betapa aku saksikan
bayang-bayang kematian semakin mengisi
ruang.

Alwi S. M.

SEKUNTUM MAWAR

Sekuntum mawar
memberi kenangan pada diriku
membawa memori yang tidak layu
kerana ia pemberian kekasih hatiku.

Aku cium dan belai dirimu
harumanmu sungguh menusuk ke kalbu
mengusik hatiku
terasa rindu pada kekasih hatiku.

Aduhai mawar
pohonmu sungguh berduri
jariku luka berdarah tidak henti
kerana kekasih yang memberi
sudah tiada lagi.

Kuntumanmu mawar
akan aku tabuor di pusaranya
tanda kasih tidak akan layu di hati
kerana Ilahi ada kuasa memisahkan kami.

Sekuntum mawar di tangan ini
akan aku jadikan ia sebagai memori
merahnya mawar sungguh menyenangkan hati
bagaikan pengubat hati yang sunyi.

KEGEMBIRAAN

Hari ini
hatiku penuh kegembiraan
melangkah hari baru dalam hidupku
bergelar remaja itulah impian diriku.

Aku hidup bersama ibu dan ayahku
hatiku gembira tiada terhingga
bukannya bangga tapi itulah hakikatnya
kerana aku perlu membalas budi dan
jasa mereka.

Kegembiraan diriku penuh bermakna
menjadi tunangan orang usia remaja
bukannya memburu cinta semata-mata
tetapi pada hakikatnya ia perjuangan mulia.

Aduhai kegembiraan
kau lari dan terus bersembunyi dariku
bila masalah menyelubungi diriku
kerana kau hanya sementara waktu.

Hari-hari akualui
pada realiti kegembiraan
dan kebahagiaan tiada tentu masanya
biar ia berlalu begitu sahaja
namun ia tidak akan hilang dari memori.

Hakikat dunia
semua manusia ingin bergembira
begitu juga diriku
bilanya musnah penuh tangisan bagiku
kerana kegembiraan itu
menjadi kenangan di dalam kalbu.

MEMORI

Memori
kau menguatkan pemikiranku
kau asuh ulahku
menjadi seorang remaja berilmu.

Aduhai,
sedih sekali bila mengenang memori lama
ia menjadi mimpi buat selamanya
sedangkan ia pernah terjadi di bumi nyata.

Memori sedih dipendam di hati
memori luka dikubur di lubuk jantung ini
namun memori gembira tersemat di fikiran ini
tidak akan layu dimamah usia.

Keperitan hidup bagaikan memori
sudah lama aku tinggalkannya
kini aku hidup sederhana
punya impian yang belum pasti terlaksana.

Memori hidup penuh duka
mengenang kasih yang sudah tiada
nenek dan datuk tinggal lama
kerana mereka sudah tiada.

Gembiranya hidupku dengan memori
hidup bersama ibu dan ayah
adik-adik juga tidak akan lupa
walaupun perpisahan kelak nanti saatnya.

Semua memori menjadi kenangan
bila terkenang menjadi ristaan
jangan lupa pada memori kegemilangan
kukuhnya pendirian sebagai manusia
yang punya impian.

Memori aduhai memori
kau tersemat di hati
menjadi mimpi di kemudian hari
Tidak akan aku lupa dirimu
walaupun di usia senja nanti.

Si Insaf

DIRIKU DAN HUTANG INI

Lautan tenang
setenang hatiku
terukir senyuman manis di wajahku
erti ketenangan jiwaku
hujung bulan tiba lagi.

Awan mendung hitam kelabu
hatiku muram dan tenang berlalu
fikiranku bergoncang, muram di wajahku
bilakah masalah ini berakhir?
namun kutabahkan hatiku.

Hujung bulan berganti lagi
gaji masih belum mencukupi
diriku dengan hutangku lagi
persoalan terjadi kerana masalah
direka sendiri
jalan penyelesaian belum berakhir lagi.

Sekeras batu hatiku ini
niat di hati tidak berhutang lagi
akan tetapi ingin kumiliki
hutang lagi inda beranti.

Hutang oh hutang tak kan kau berhenti
selagi hutang Maha Esa dibiarkan pergi
hutang Allah Sallallahu Alaihi Wasallam
belum langsa lagi
hutang dunia pasti bertambah kini.

Doa, usaha, ikhtiar diiringi
diakhiri pula tawakal di hati
moga hutang selesai kini
agar lautan tenang kembali
agar berseri terukir senyuman di wajah ini.

ADIKKU

Adikku muda cantik berseri
berada jauh dari diri ini
tersingkap kenangan berlalu pergi
adikku dulu gagah berani.

Tangisanmu adikku manja
bak kaca ramuk pecah terhurai
adikku dipujuk dengan belaian
adikku senyum pipinya damal.

Hari keramaian menjelma lagi
tersenyum kakakmu seorang diri
terkenang peristiwa mencuit hati
kereta mainan lekat di rambut adikku ini.

Adikku cepat atur kehidupan
masa berlalu bak air deras
tanggungan kita di masa hadapan
untuk bekalan seguni beras.

Adikku sayang dewasa kini
suami dan anak di tempat pertama

kakakmu rindu segala kenangan
kenangan bersama mengaji Quran.

Adikku dengar bisikan hatiku
tanpa ilmu pincanglah hidup
kejar saja cita-citamu
keluarga bukan tembok halangan.

Ingat adikku masa depan anakmu
masa depannya pendidikan perlu
lambat setapak musnahlah kita
gagal sekali bukannya selama-lamanya.

Melhayinie2005

WANG

Kau ...
tercipta atas dasar fikirannya manusia
kau ...
tercipta atas dua tujuan
mulia dan mungkar.

Kau ...
akan terus tercipta
akan terus bertahta
bertahta di hati sanubari manusia.

Hadirmu atas ciptaan
hadirmu atas tujuan
mulialah ia, akan mulialah dirimu
mungkarlah ia, akan mungkarlah dirimu.

Sifatmu mengaburi mata
sifatmu membuta hati
binasalah si insan
hancurlah fikiran.

IBU

Teman
masihkah kau ingat?
tiap detik tiap saat ...
tiap masa tiap waktu ...
kita dijaga penuh hati ...

Tiada apa diharap
tiada apa diingin
keselamatan ...
kebahagiaan ... kita ...

Bersekang mata ...
bertahan lapar ...
dahaga
menolak keutamaan ...
demi ... anak ...
tercinta.

Sembilan bulan sembilan hari
dibelai penuh hati
sembilan bulan sembilan hari
dipanjat pada Ilahi
keselamatan ... kebahagiaan tetap dihayati.

Teman
ingatlah ...
pengorbanan ibu ...
pengorbanan sejati ...
tiada balasan dihayati ...

Teman
berilah ruang masa
robeklah sibukmu
tataplah wajah sayurnya
agar hilang rindunya.

Sahibul



سنتیاس برسام بیسکیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 7 DISEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.02	TELENOVELA- 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'
10.50	LIZZIE MCGUIRE
11.20	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
11.35	DRIVE
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QURAN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	SHAPIES/ PRINCESS STARLA AND THE JEWEL RIDERS
5.05	FAR FETCHED - Siri Baru
5.30	DRAMA - 'Impian'
5.45	BERITA
6.07	AZAN MAGHRIB
6.45	SINAR

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.22	AZAN ISYAK
7.30	MUZIK 05 - Siri Baru
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA - 'Korban'
9.30	DI BRUNEI
10.00	NEWS AT 10
10.30	SUKAN
	ANTARABANGSA
11.00	COSBY SHOW
11.30	DARK ANGEL
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 8 DISEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.02	TELENOVELA- 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'
10.50	LIZZIE MCGUIRE
11.15	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
11.35	MASAK APA
12.00	FAMILY DRAMA - 'Matahariku'
12.13	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	EXTREME CONTACT
1.30	JUST FOR VARIETY

2.30	TEATER ASIA: PHILIPPINES MOVIE - 'My First Romance'
3.35	AZAN ASAR
4.20	ANIMATION HOUR: 'Sleeping Beauty/ Teletubies SR. 2
5.05	THE GAME PLAN
5.30	AROUND THE WORLD IN EIGHTY DAYS
5.45	BERITA
6.08	AZAN MAGHRIB
6.45	FIQHUL MIRATS

MALAM

7.00	SURAH-SURAH PILIHAN
7.22	AZAN ISYAK
7.30	WARTA ISLAM
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA: 'Padamu Aku Bersimpuh'
11.00	WAYANG PILIHAN - 'The Sum of All Fears'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 9 DISEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.02	PLAY WITH SESAME
10.25	JOHAN, THE YOUNG SCIENTIST
10.50	THE GENIE FROM DOWN UNDER
11.15	SELULU
11.30	BERITA
11.45	BEAUTY SECRETS FROM THE EAST - Siri Baru
12.15	ART ATTACK
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
2.30	DIARI KEHIDUPAN - Ulangan
3.00	TAYANGAN GAMBAR CHINA - 'The Avenging Quarter'
3.36	AZAN ASAR
3.40	TAYANGAN GAMBAR CHINA - Sambungan
4.35	SPORT PAGES
5.00	KIDS HOUR: CYBER TRIBE/LAVENDER CASTLE
5.45	BERITA
5.55	SYIAR MASJID
6.08	AZAN MAGHRIB
6.45	CEBISAN ILMU

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.23	AZAN ISYAK
7.30	SEIMBAS - Ulangan
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TABIR SR. 1 - Ulangan
10.00	NEWS AT 10
10.40	KHUTBAH JUMAAT
10.55	TELEDRAMA - 'Fatomoragama'
12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 10 DISEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAGON TALES/ THE LOST WORLD
10.50	CONTROL FREAKS
11.20	DRAMA CO. PROD - 'Diangdangan Bujang Si Gandam' - Ulangan
11.30	BERITA
12.00	DOKUMENTARI - 'Penternak Kerbau'
12.14	AZAN ZUHUR

PETANG

12.45	PANGGUNG PETANG SABTU - 'That Eye, The Sky'
2.15	DRIVE
2.45	RANCANGAN KHAS: EXPO CHINA - ASEAN KEDUA 2005 - Ulangan
3.15	GILMORE GIRLS
3.36	AZAN ASAR
4.10	THE MOST EXTREME 2
5.00	KIDS HOUR - 'Teddy Bears/Malcolm In The Middle'
5.45	BERITA
5.55	MESOPOTAMIA - Siri Baru
6.09	AZAN MAGHRIB
6.45	PEDOMAN AKIDAH

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.23	AZAN ISYAK
7.30	INNOV 8
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN Hujung MINGGU
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Love of Lionel's Life'
12.00	FAWLTY TOWER SR. 2
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 11 DISEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
------	---------------------------

6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	ANIMATION HOUR - 'Magic School Bus/ Even Stevens'
11.00	PIMPING SR. 2
11.15	SUNDAY MATINEE - 'Small Claims'
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - Sambungan
12.15	AZAN ZUHUR

PETANG

1.15	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2005/ 2006 - PREVIEW
1.45	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2005/ 2006 - HIGHLIGHT
2.40	JUARA - Siaran Langsung
3.15	JUST KIDDING
3.37	AZAN ASAR
4.20	PHUA CHU KANG
4.45	KAUNSELING MASYARAKAT
5.15	PENGAJARAN DARI AL-QURAN
5.40	THE LEGEND OF DRAGON
5.45	BERITA
6.09	AZAN MAGHRIB
6.28	WILDLIFE DIARY

MALAM

7.00	ROBOCON
7.24	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	ABU EXCHANGE PROGRAMME - 'To Be Good Doctor'
9.25	TIRAI KELUARGA - 'Anak Dara'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.10	NYPD BLUE
12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 12 DISEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	TELENOVELA- 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'
10.50	LIZZIE MCGUIRE
11.15	WANITA HARI INI
11.40	BODY AND SOUL
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
------	-----------------

4.02	TILAWAH AL-QURAN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	ANIMATION - 'Silver Brumby/ Chuckle Wood Critters'
5.15	TOTALLY HIDDEN VIDEO SR. 3
5.45	BERITA
5.55	THE BIG CAT DIARY SR. 1
6.10	AZAN MAGHRIB
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.24	AZAN ISYAK
7.30	KENANGAN SEMASA DULU SR. 1
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO. PROD - 'Menanak Hati Menggulai Jiwa'
9.30	EXPATRIATE - Siri Baru
10.00	NEWS AT 10
10.30	SUKAN GLOBAL
11.00	HORIZON
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 13 DISEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.02	TELENOVELA- 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'
10.50	LIZZIE MCGUIRE
11.15	LIPUTAN SEMASA
11.35	HALFWAY ACROSS THE GALAXY AND TURNLEFT
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

